

"STRATEGI pembangunan negara hendaklah memberikan keutamaan yang paling tinggi terhadap penerapan ilmu pengetahuan dan pendidikan bagi mendapatkan kependalan dan kemahiran yang dapat membukakan kemajuan yang kita harapkan, terutama dalam menghadapi dunia antarabangsa yang menjalani arus persaingan yang semakin hebat." - Titah sempena Tahun Baru Masihi 2002.

"WAHA! orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebalikan dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan dan bersedialah dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan serta bertakwala kamu kepada Allah supaya kamu berjaya mencapai kemenangan." - Firman Allah Subhanahu Wataala Surah Ali Imran ayat 200.

Kebawah DYMM rakamkan penghargaan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat baik sektor kerajaan mahupun swasta serta

Oleh Haji Ahmad HS

orang awam yang telah bekerja keras memberikan sumbangan bagi menjayakan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7.

Dalam pada itu, baginda juga

mengucapkan tahniah serta syabas kepada sekalian ahli jawatankuasa, para peserta dan penuntut yang turut mengambil bahagian dengan penuh dedikasi dan tabah bagi menjayakan sidang tersebut.

"Mudah-mudahan segala usaha dan kerjasama yang padu dari semua pihak itu akan di-

balas oleh Allah Subhanahu Wataala dengan ganjaran yang setimpal," titah baginda Sempena Tahun Baru Masihi 2002.

Baginda seterusnya bertitah, Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dalam memainkan peranan sama ada dalam persidangan serantau mahupun antarabangsa yang telah

diusahakan oleh pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Di antaranya, titah baginda, negara kita telah menjadi Pengerusi Bersama Mesyuarat Peringkat Tertinggi Peningkatan Keupayaan APEC di Beijing, sebelum Sidang Kemuncak APEC di Shanghai.

Semua pihak perlu bekerjasama pulih ekonomi

Berkhidmat lebih inovatif, produktif

Oleh Haji Jaafar HI

INTISARI TITAH

- * Harga kesejahteraan sangat mahal.
- * Anggota perkhidmatan awam perlu lebih inovatif dan produktif.
- * Sektor swasta perlu jalankan tugas dengan telus dan cekap.
- * RKN Ke-8, penubuhan-penubuhan Syarikat Minyak Kebangsaan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi mantapkan ekonomi negara.
- * Sektor swasta dan orang ramai perlu bekerjasama dengan kerajaan dan sektor awam pulihkan ekonomi negara.
- * Perpaduan dan keharmonian negara tidak diabaikan.
- * Menangani masalah-masalah sosial tanggungjawab bersama.
- * Institusi kekeluargaan asas pembinaan masyarakat.
- * Brunei berjaya mainkan peranan penting dalam persidangan antarabangsa dan serantau.
- * Brunei berjaya kendalikan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7.
- * Keamanan dunia terganggu akibat peperangan di Asia Barat.
- * Ekonomi global terutama industri penerbangan dan pelancongan terjejas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Tahun Baru Masihi 2002.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengharap agar semua anggota perkhidmatan awam supaya akan lebih inovatif dan produktif dalam menjalankan tugas dan perkhidmatan mereka kepada masyarakat di negara ini.

Baginda juga melahirkan harapan kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan telus dan cekap, memandangkan mereka juga mempunyai peranan yang sama penting dalam menentukan pertumbuhan Negara Brunei Darussalam.

"Mengambil kira dengan cabaran-cabaran masa, khususnya di tahun baru yang sedang kita tempohi ini, beta sangatlah berharap, agar semua anggota perkhidmatan awam akan lebih inovatif dan produktif lagi dalam menjalankan tugas dan perkhidmatan mereka kepada masyarakat. Demikian juga mereka yang berkhidmat dengan sektor swasta sama-sama dituntut supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan telus dan cekap," titah baginda Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 31 Disember lalu.

Baginda berharap semua pihak dalam sektor swasta dan juga orang ramai akan terus bekerjasama dengan pihak kerajaan dan sektor awam dalam menjalankan usaha-usaha ke arah pemulihan ekonomi negara.

Lihat muka 16

Institusi kekeluargaan asas pembinaan masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa usaha-usaha bagi mengekalkan perpaduan dan keharmonian negara tidak diabaikan dengan usaha menangani masalah-masalah sosial di negara ini dijadikan tanggungjawab bersama.

Menurut baginda, tanpa komitmen dan usaha padu semua pihak, masalah sosial tidak akan berjaya diatasi dan ditangani.

Maka ke arah itu, baginda penuh berkeyakinan, institusi kekeluargaan adalah lebih tepat untuk menjadi asas kepada pembinaan masyarakat yang akan berjaya melahirkan individu-individu berpotensi yang menjadi tulang belakang kepada negara dan bangsa.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Hawa nafsu musuh paling besar

- Muka 2

Melirik Masa Silam :

Membangun diri melalui keringat sendiri

- Muka 3

\$160 juta untuk sektor elektrik

- Muka 6

Mengembangkan industri pelancongan Brunei - Jepun

- Muka 7

Kebawah DYMM tinjau perkembangan Daerah Belait

- Muka 8 dan 9

Kesabaran memantapkan keimanan

- Muka 3 ANEKA

Institusi raja dan rakyat terus kukuh

- Muka 5 ANEKA

Peraduan Mencipta Logo Sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Penerangan

- Muka 10 ANEKA

TAHUKAH AWDA

DALAM tempoh 15 tahun yang lalu (1984 sehingga 1998) sektor pertanian telah membelanjakan sejumlah \$40.5 juta bagi perlaksanaan pelbagai projek untuk meningkatkan penghasilan dan mengembangkan industri yang berasaskan pertanian.

KONTAK PELITA BRUNEI

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>

e-mel: pelita@brunet.bn

TALIAN PENTING PELITA BRUNEI

02 383941 / 02 383804 / 02 382192

Faks : 02 381004 / 02 380507



2 JANUARI, 2002 BERSAMAAN 1422 18 شوال

BERSAMA HADAPI CABARAN TAHUN 2002

MESKIPUN sambutan Hari Raya Aidilfitri sudah berlalu lebih dua minggu, namun suasana kemeriaannya masih lagi terasa apabila pihak individu, persatuan dan pertubuhan serta jabatan-jabatan menganjurkan Majlis Perjumpaan Hari Raya. Tradisi seperti itu dilihat sebagai kesempatan bagi mereka yang tidak sempat mengunjungi rumah saudaramara, sahabat handai atau rakan taulan semasa Hari Raya.

Lebih daripada itu pula sambutan begini merupakan satu cara ke arah mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan semua peringkat sama ada ahli persatuan atau pertubuhan dan pegawai atau kakitangan jabatan, selain mengambil kesempatan untuk beramah mesra dan bermaaf-maafan yang lazimnya dilakukan pada Hari Raya.

Nyata sekali Hari Raya mempunyai pengertian yang bermakna bagi umat Islam yang seharusnya dihayati, bukan setakat berbelanja menjamu itu dan ini, sebaliknya membawa mesej ke arah perpaduan dan persaudaraan ummah sejagat.

Dalam Berhari Raya ini juga kita kini baru memasuki tahun baru 2002. Setentunya peralihan tahun baru ini terdapat perancangan tertentu seperti berazam atau bertekad untuk berusaha lebih gigih terhadap tugas. Lebih dari itu pula terdapat perancangan tertentu sama ada perancangan untuk mempertingkatkan lagi mutu prestasi kerja, disiplin atau menyediakan rangka tugas yang lebih baik daripada tahun sebelumnya. Perancangan-perancangan itu disusun dan diteliti berdasarkan keupayaan bagi menghasilkan produktiviti yang bermutu selaras dengan kehendak organisasi.

Dengan melaksanakan perancangan-perancangan tugas serta tanggungjawab dengan berkesan, sudah tentu akan membuahkan mutu kerja dan disiplin yang tinggi yang dituntut oleh sesebuah jabatan atau organisasi.

Bagaimanapun, kesemuanya itu bergantung kepada inisiatif individu itu sendiri. Sekiranya dia memikirkan perubahan tersebut perlu dilakukan untuk kebaikan dan masa depannya, maka pembaharuan perlu dirancang.

Selain tanggungjawab terhadap tugas, menjelang tahun baru ini juga kita berhadapan dengan tanggungjawab terhadap keluarga. Seperti kelazimannya selepas cuti panjang, pada awal tahun baru ini penggal persekolahan juga akan bermula. Kita sebagai ibu bapa serta penjaga akan sibuk ke hulu ke hilir membeli buku dan peralatan sekolah melaksanakan tanggungjawab memberi pelajaran kepada anak-anak.

Dengan memberikan pendidikan secukupnya, kita akan mempunyai generasi yang berilmu yang akan menjadi pewaris bangsa bagi meneruskan agenda kemajuan dan pembangunan negara. Secara ringkasnya, tanggungjawab terhadap tugas dan keluarga memerlukan pengorbanan, usaha, dedikasi dan keikhlasan bagi kemajuan bangsa dan kemakmuran negara.

SELAMAT TAHUN BARU 2002

HALUAN...

HAWA NAFSU MUSUH PALING BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahi Hamd.

AALHAMDULILLAH Rabbi 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihi Wasahbihi Ajma'een Waba'du.

Kita sekarang berada di pangkuan Syawal yang mubarak, bulan kemenangan bagi umat Islam setelah berjaya menundukkan hawa nafsu selama sebulan.

Kita sangatlah berharap, kemenangan ini akan berpanjangan menjadi milik kita. Kerana kemenangan menundukkan hawa nafsu itu adalah kemenangan yang sebenar-benarnya, iaitu kemenangan paling agung dan suci di sisi Allah.

Agama Islam telah menyifatkan, bahawa tidak ada musuh yang paling besar melainkan hawa nafsu.

Dari hawa nafsu, segala kejahatan mungkin terjadi, sama ada ia dilakukan oleh individu atau jemaah, puncanya tidak lain ialah

hawa nafsu.

Seseorang jadi binasa kerana hawa nafsu, sebuah rumah tangga runtuh kerana hawa nafsu dan suatu bangsa atau masyarakat porak-peranda kerana hawa nafsu.

Inilah dia penangan hawa nafsu itu.

Atas nama kasih sayang Allah Subhanahu Wataala, umat yang paling beruntung ialah kita, kerana kita dituntut melaksanakan syariat berpuasa. Melalui syariat ini kita mendapat latihan-latihan praktikal bagaimana menundukkan hawa nafsu itu.

Bukan itu saja, ibadah puasa juga berfungsi melatih rohani supaya lebih tawaduk serta mempunyai perasaan timbang rasa.

Daripada pengalaman

berpuasa, orang dapat memahami erti lapar dan dahaga, dapat merasakan betapa peritnya kehidupan fakir miskin yang sentiasa dalam kekurangan. Tanpa ibadat ini, tentu saja, ramai orang yang tidak dapat memahaminya.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahi Hamd.

Menyebut tentang kehidupan malang orang-orang susah, kita di Negara Brunei Darussalam alhamdulillah, tidaklah pasif terhadap keadaan ini. Kita mempunyai beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menghulurkan bantuan-bantuan yang perlu berdasarkan kelayakan-kelayakan tertentu.

Bukan setakat itu saja, kerajaan juga turut memberikan galakan kepada



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 1 Syawal, 1422/16 Disember, 2001.

**SESEORANG jadi binasa
kerana hawa nafsu, sebuah
rumah tangga runtuh kerana
hawa nafsu dan suatu bangsa
atau masyarakat porak-
peranda kerana hawa nafsu.**

orang ramai untuk menghulurkan sedekah atau derma kepada mereka yang ditimpa musibah seperti bencana alam, sama ada di dalam mahupun di luar negara, iaitu dengan cara menubuhkan tabung kebajikan atau tabung ihsan bagi tujuan tersebut.

Niat kita tidak lain, semata-mata ingin turut meringankan bebanan mereka yang ditimpa bencana itu, sebagai mematuhi salah satu dari ajaran agama kita yang suci.

Ajaran yang agung ini menganjurkan, supaya kita mempunyai 'feeling' atau timbang rasa serta belas kasihan terhadap sesama kita di bumi untuk mendapatkan kasih sayang dari langit.

Apabila suatu bangsa mendapat kasih sayang Allah Subhanahu Wataala, maka tidaklah ada lagi apa-apa yang perlu dibimbangkannya, tidak ada ketakutan dan tidak ada dukacita atas mereka.

Inilah yang kita cari dan harap-harapkan, supaya ia benar-benar men-

jelma dan tumbuh di bumi bertuah ini, sebagai suatu kurnia dan rahmat daripada Allah.

Bersempena dengan hari yang penuh berkat ini, beta berharap rakyat dan penduduk di negara ini akan mengekalkan cara hidup yang baik yang digemari oleh agama, seperti bersatu padu, tolong-menolong, hormat-menghormati serta pandai dan cepat menghulurkan simpati kepada sesama insan yang memerlukan.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahi Hamd.

Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan tulus ikhlas, sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam, di mana juga mereka berada. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa meredai kita semua. Amin.

Sekian, Wabillahi Tawfik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Orang ramai peka nasib anak-anak yatim

BERAKAS. - Orang ramai terus peka terhadap nasib anak-anak yatim di negara ini khususnya para penduduk Kampung Sungai Tilong, Mukim Berakas B dengan menyumbangkan derma ber-

bentuk wang tunai dan minuman tin kepada mereka untuk Hari Raya Aidilfitri.

Hadir menyempurnakan penyampaian derma itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Per-

Oleh
Abdullah Asgar

dana Menteri, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Ali pada 14 Disember lalu di rumah Penghulu Mukim Berakas B di Kampung Lambak Kanan.

Seramai 10 orang anak-anak yatim dari Kampung Sungai Tilong menerima sumbangan tersebut.

Majlis tersebut diteruskan penyampaian siji-sijil lantikan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Tilong kepada 15 orang ahli-ahli baru.

Menyampaikan siji-sijil tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Abang Haji Hepnie.

Ketika ini Kampung Sungai Tilong belum lagi mempunyai ketua Kampung tetap yang mana tugas ketua kampung hanya dipangku oleh Penghulu Mukim Berakas B bagi memudahkan urusan kampung dan masalah anak buahnya.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Ali menyampaikan derma kepada seorang anak yatim Kampung Sungai Tilong. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Abang Haji Hepnie menyampaikan siji kepada ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Tilong. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Senyum Budiman



MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MEMBANGUN DIRI MELALUI KERINGAT SENDIRI

BILA Brunei Darussalam mula menggerakkan pentadbiran negara terutama untuk mencapai matlamat pemerintahan sendiri dalam negeri, prosesnya ternyata tidak telus - tidak 'transparence' dan akibatnya tidak ramai yang tahu bagaimana, apa bendanya dan bila boleh diketahui umum. Hal begini selalunya berlaku ke atas hampir semua yang di bawah kendalian kerajaan sehinggalah ianya ditetapkan untuk dilaksanakan, maka baharulah diberitahu tetapi bukan dalam bentuk pendedahan untuk diketahui oleh semua pihak. Pemerintahan British sangat berhati-hati terhadap apa jua yang direncanakan itu, tetapi menginginkan apa pun yang hendak dibuat itu dihasratkan menghasilkan keputusan yang sebaik-baiknya dan dapat pula menyampaikan apa yang perlu diterima orang ramai. Perkara begini biasanya adalah yang bersangkutan dengan projek-projek kemudahan asas untuk setiap tempat yang terlibat seperti apa yang dirancang dan diluluskan pada peringkat awal itu.

Seperti kebiasaan pentadbiran yang lakukan pada masa ini, yang dilakukan di masa silam juga hampir sama aturannya. Cuma perbezaannya dengan sekarang ialah dari segi wujudnya 'instruments' dengan serba kecanggihan dan berteknologi tinggi, sedangkan masa lalu ideanya bukan tidak banyak berbeza. Cuma disebabkan tiada kemudahan dan belum masuknya peralatan-peralatan yang berteknologi tinggi dan ditambah dengan serba-serbinya mudah, apa lagi segala kerja berlaku secara manual tetapi dibantu dengan ilmu teknologi tradisi, kekuatan tenaga, kesediaan dan kesungguhan kerja, dan umumnya berusaha dengan penuh bertawakal, maka projek-projek kemudahan asas untuk negara itu berjaya diusahakan. Walaupun tidak sekemas mana, namun standard yang mengikut zaman dan suasana waktu itu sudah cukup mendatangkan kepuasan serta dapat memahat rasa syukur dan ucap terima kasih yang setinggi-tingginya kepada kerajaan yang berusaha merealisasikan apa yang diidamkan oleh rakyat.

Perkara yang sangat penting yang menjadi idaman rakyat pada waktu itu ialah pembinaan jalan-jalan raya di seluruh kawasan negeri, kerana perhubungan waktu itu adalah amat sukar. Sebelum ada jalan raya, penduduk-penduduk untuk berkunjung dari satu tempat ke satu tempat biasanya akan melalui jalan-jalan rantis meredah hutan dan belukar, menyeberangi sungai-sungai, meniti di atas batang-batang kayu, mendaki bukit-bukau, meredah paya, melimpahi jelapang padi dan seumpamanya. Kerana keadaan demikian, pengangkutan barang-barang yang sukar disikut atau digendong sendiri dan biasanya digunakan khidmat kerbau yang akan mengheret kuntul yang diisikan dengan pelbagai jenis barangan keperluan hidup mereka.

Antara projek-projek pembinaan jalan raya yang diletakkan dalam kategori keutamaan ialah di sekitar Pekan Brunei (sekarang Bandar Seri Begawan). Luas Pekan Brunei tidaklah sebesar mana dan jalan-jalan rayanya juga amat terbatas dan kenderaan pun tidak banyak. Orang pun tidak ramai dan jumlah penduduk pun masih sedikit sekitar 60 ke 80 ribu orang di seluruh negara. Namun semangat untuk memesatkan pembangunan negara sudah diketarakan terutama di Pekan Brunei yang menjadi pusat pentadbiran negara pada masa itu. Di Pekan Brunei sendiri pun cuma ada sebuah bangunan kajang yang menempatkan Pejabat British Resident, Pejabat Tanah dan Ukur, Jabatan Kerja Raya, Mahkamah dan Kehakiman, Sukatan dan Timbangan dan yang lainnya. Di sekitarnya juga terdapat Balai Polis, Sekolah Melayu Pekan Brunei, Telekom dan Pos, bangunan kedai sebuah dua. Perubahan berlaku dengan baik apabila suasana itu berubah dengan terlaksananya pembinaan-pembinaan yang lebih kukuh termasuk rumah-rumah kerajaan. Perubahan ini dapat dilihat jelas sekitar tahun 1950 dan ianya semakin rancak apabila Perlembagaan 1959 wujud dan Jabatan Penerangan sudah berdiri sendiri. Lalu suasana beralih dari era kajang ke era genting.

Namun peralihan tersebut tidak membawa perubahan yang sama di sekitar kampung-kampung yang masih banyak dengan rumah-rumah dari kajang dan daun nipah. Cuma ada beberapa buah yang mampu mengubah suasana tersebut dengan pembinaan rumah-rumah yang lebih baik seperti dari papan, atap zink, atap bulian, tiang bulian. Tetapi yang bertiang kulimpapa, berinding papan, beratap daun nipah masih menguasai jumlahnya. Suasana yang digambarkan di atas rasanya sudah cukup membayangkan kecekalan orang-orang kita di masa silam. Kerana semuanya susah hendak dicapai, susah untuk menjadikan kenyataan apa yang diimpikan. Semuanya disebabkan susahnyanya mendapatkan kemudahan, peralatan, perkakas pembangunan selain daripada sakitnya untuk mendapatkan peruntukan wang untuk membiayai pembangunan yang diidam-idamkan itu terutamanya untuk pendidikan dan persekolahan. Tetapi orang-orang di masa silam itu cukup cekal dan ramai yang berhati terbuka terutama di kalangan orang-orang yang berada.

Ada satu cerita di satu masa di masa silam itu. Ceritanya ialah adanya seorang yang kaya yang terpaksa membantu kerajaan untuk membiayai pembangunan. Kita tidak tahu jelas cerita lanjutnya. Tetapi ramai yang menuturkan perkara tersebut. Apa pun mengenai hal ini, ianya tetap memberikan gambaran yang menggemirakan yang patut benar diperhatikan oleh kalangan-kalangan yang berkemampuan tinggi dalam sama-sama mengambil perhatian berat dalam mencemerlangkan sesama kita. Rasanya itulah semangat lama yang tidak patut dilupakan malah baik sekali untuk dijadikan pakaian selaku orang-orang yang senantiasa bersyukur terhadap setiap sesuatu yang diterimanya dan menganggapnya sebagai anugerah Allah Yang Maha Kaya.

Berbalik kepada cerita tentang susah payah membangun di masa awal itu, kita teringat tentang cerita pembuatan jalan raya di Sungai Kianggeh di mana ramainya tenaga yang terlibat terutama orang-orang dari Kampung Ayer termasuk kanak-kanak. Sungai Kianggeh sebenarnya tidaklah sekecil sekarang. Dulu perahu-perahu besar dan tongkang-tongkang batu serta kapal-kapal pengalu dari persekitaran Sabah dan Sarawak menjadikan tebing Sungai Kianggeh sebagai tempat pehentian dan pemunggahan barang-barang perniagaan mereka. Seperti pengalu-pengalu dari Lawas, Sundar, Sepitang, Awat-Awat, Limbang dan yang lainnya, pengalu-pengalu dari Labuan, Menumbok dan dari sekitar yang berdekatan juga ikut bertambat di sini untuk tujuan yang sama. Jadi, jika musim yang demikian itu bertemu secara kebetulan, maka suasananya amat meriah sekali. Tetapi suasana itu beransur-ansur surut apabila wujudnya projek pembinaan jalan di tebing Sungai Kianggeh itu.

Proses menimbuk tebing sungai itu memakan masa yang panjang. Ramai orang dari darat dan dari sekitar Kampung Ayer turut sama memberikan sumbangan dengan mengangkut tanah apa saja jenisnya asalkan sungai itu ditimbuk. Kanak-kanak dari Kampung Ayer masing-masing membawa perahu mereka dan mengisikannya dengan tanah dari Kampung Ayer dan dipunggah di tebing sungai tersebut. Setiap buah perahu, mereka akan dibayar mengikut saiz perahu. Bayaran yang paling tinggi ialah 20 sen bagi setiap perahu yang besar (gubang). Sementara dari darat pula akan menggunakan lori atau kereta tarik. Yang lori akan mengambil tanah yang ditetapkan sementara yang pakai kereta tarik akan mengambil tanah dari sekitar yang berdekatan. Ini pengalaman kanak-kanak Kampung Ayer. Di dasar Jalan Kianggeh itu juga, selain dari tanah yang disebutkan, juga diisikan dengan batu-batu takat yang dibekalkan oleh nelayan-nelayan dari Kampung Ayer. Jadi jalan tersebut melibatkan banyak tenaga dari Kampung Ayer. Ini membawa erti bahawa batu asas pembangunan awal kita adalah dari tenaga datuk nenek kita yang berjerih payah. Mungkin pada waktu itu, mereka hanya terfikir untuk mencari nafkah harian mereka demi rentak hidup yang susah dan sekadar pengisi perut dan keperluan lainnya, tetapi dalam waktu yang sama mereka juga memikirkan pendidikan anak-anak mereka. Hasilnya, sebahagian besar dari cucu-cicit mereka itu adalah orang-orang yang ada pada hari ini.



TAMU Kianggeh yang terletak di tebing Sungai Kianggeh tempat pemunggahan barang-barang perniagaan dari Limbang, Lawas dan sebagainya.

TETAMU ISTIMEWA DI MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI



Gambar-gambar
oleh
Pg. Haji Bahar PHO,
Halim HS dan
Pg. Rafee PDPHM

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan mengurniakan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri kepada lebih tiga ribu tetamu istimewa dari seluruh negara. Berangkat sama di majlis itu ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, YTM Paduka Seri Pengiran anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadziyah Lubabul Bulqiah (gambar atas, kiri dan kanan).



DOA selamat bagi Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Istana Nurul Izzah, Jerudong dibacakan oleh Yang Dimulikan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon (atas). Sementara gambar kanan, tetamu-tetamu istimewa sama-sama menadah tangan ketika doa selamat dibacakan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam beserta putera dan puteri baginda berkenan menerima junjung ziarah tetamu-tetamu istimewa yang terdiri dari anak-anak yatim dan ahli-ahli Persatuan KACA (atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia dan anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah Hari Raya Aidilfitri dari ahli-ahli Persatuan PAPDA dan anak-anak yatim (atas kanan dan kiri).



SEORANG Ahli Persatuan KACA bersama penjaganya gembira kerana diraikan di Majlis Jamuan Hari Raya (kiri). Sementara gambar kanan, ribuan tetamu istimewa menikmati pelbagai juadah yang dihidangkan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, Menteri Perhubungan ketika hadir mewakili kerajaan di Majlis Resepsi Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Juga kelihatan ialah Duta Besar Jepun ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Hara Satoshi. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Brunei-Jepun kongsi kepentingan bersama

BERAKAS, 22 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan Jepun banyak berkongsi kepentingan bersama dalam hal-hal serantau dan antarabangsa terutama dalam mengekalkan perdamaian di rantau Asia Pasifik.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, Menteri Perhubungan menyatakan perkara tersebut di Majlis Resepsi Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Menteri Perhubungan berkata, Negara Brunei Darussalam juga meng-

hargai penyertaan aktif Jepun dalam ASEAN dan sumbangan negara tersebut dalam projek-projek kerjasama serantau.

Menyentuh hubungan dua hala, Menteri Perhubungan berkata kedua negara sentiasa menikmati hubungan persahabatan dan kerjasama yang begitu erat dan Negara Brunei Darussalam dari masa ke semasa berhasrat untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama dengan Kerajaan Jepun dan rakyatnya.

Jelas Yang Berhormat, ketika ini hubungan kedua-dua belah pihak berkembang meliputi pelbagai bidang kerjasama termasuk perdagangan dan penggunaan sumber tenaga

Oleh Sahari Akim

manusia.

Di majlis itu Yang Berhormat juga melahirkan kegembiraan dengan peningkatan hubungan perdagangan antara kedua buah negara sambil menyatakan Jepun kekal merupakan rakan perdagangan penting bagi Brunei Darussalam melalui eksport minyak dan gas.

"Saya percaya terdapat peluang-peluang bagi kita untuk meluaskan kerjasama ekonomi dengan menggalakkan komuniti peniaga kedua buah negara meneroka pelbagai peluang perdagangan dan pelaburan," tegas Yang

Berhormat.

Di kesempatan itu Yang Berhormat juga menyampaikan ucapan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Jepun sempena hari keputeraan Maharaja Akihito dan juga atas kelahiran Puteri Aiko, puteri sulung kepada Putera Naruhito dan Puteri Masako.

Sementara itu Duta Besar Jepun, Tuan Yang Terutama Tuan Hara Satoshi dalam ucapannya antara lain berkata beliau berhasrat untuk meningkatkan hubungan di pelbagai bidang termasuk pertukaran-pertukaran lawatan antara rakyat kedua buah negara.

Katanya, melalui hubungan rapat, rakyat Jepun boleh mempelajari nilai-nilai murni kebudayaan Brunei manakala rakyat Brunei Darussalam pula boleh menimba pengalaman bagaimana Jepun membangunkan sumber tenaga manusianya.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kejadian ini diberhentikan buat selamanya.

Kepimpinan Baginda mengangkat martabat maruah wanita setaraf dengan kaum lelaki," katanya.

Tambahnya dalam Kitab Suci Al-Quran sendiri terdapat Surah An-Nisaa atau surah perempuan sebagai menunjukkan keistimewaan kaum wanita itu.

"Manakala wujudnya kepimpinan itu adalah disebabkan dengan adanya jemaah dan hendaklah dipatuhi kerana ia berhubungkait dengan keberkesanan kepimpinan," jelasnya.

Kegiatan forum seperti ini memberi peluang kepada penduduk kampung setempat untuk membuka minda dan mempelajari sesuatu yang baru dan menayakan beberapa kemusykilan.

Forum tersebut merupakan kegiatan bulanan Bahagian Bimbingan Pengurusan Mengikut Al-Quran dan As-Sunnah, IPA.

Oleh Abdullah Asgar

takan sejauh ini masih terdapat kekurangan dalam kepimpinan dari segi keberkesanan kalangan masyarakat pada masa ini.

Katanya kepimpinan yang berkesan di negara ini ialah kepimpinan yang merujuk kepada Islam, kerana kepimpinan Islam telah pun dibuktikan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dulu.

Jelasnya apa yang telah dibuktikan dengan kepimpinan Islam oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dahulu ialah Baginda dapat mengubah kehidupan orang jahiliyah kepada Islam.

"Umpamanya ketika itu masyarakat jahiliyah membunuh anak-anak perempuan manakala perempuan dewasa hanya disifatkan sebagai pemua nafsu saja.

Tetapi dengan kepimpinan

JALAN MUARA - Jawatan-kuasa Masjid Kampong Sungai Hanching terus menyemarakkan bulan Ramadan dengan mengadakan Forum Halaqah Fikir yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dengan kerjasama Pusat Dak'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Forum bertajuk 'Kurangkan Keberkesanan Kepimpinan Di Dalam Penghidupan Ummah' yang diadakan pada 13 Disember lalu di masjid kampung berkenaan menjemput ahli panel Awang Haji Mail bin Haji Besar, penceramah dari Pusat Dak'wah Islamiyah.

Hadir di majlis itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Ali selaku tetamu kehormat; Pemangku Pengarah IPA, Awang Zainal Abidin bin Tinggal serta penduduk kampung.

Awang Haji Mail dalam forumnya antara lain menga-

\$160 JUTA UNTUK SEKTOR ELEKTRIK

Oleh
Abdullah Asgar

Besar.

Katanya, suntikan \$1 bilion itu berserta dengan pelaburan-pelaburan dari sektor swasta dijangka dapat menggerakkan dan menggiatkan kegiatan ekonomi bagi meningkatkan kadar pertumbuhan.

Jelasnya, bagi memastikan komitmen kerajaan terus berkesan, jabatannya pada masa ini mengawasi kemajuan pelaksanaan projek-projek tersebut melalui pemantauan yang berterusan dan sistematik.

Tambahnya, langkah-langkah pembaharuan dalam pelaksanaan dan pengawasan projek akan diperkenalkan untuk melicinkannya supaya kadar pencapaian dijalankan meningkat dan proses-proses pembayaran berkesan.

Selain itu, diharapkan kedua-dua pihak kerajaan dan sektor swasta bekerjasama sepenuhnya supaya pelaksanaan projek-projek RKN Ke-8 memberikan keberhasilan yang tinggi kepada kedua-dua pihak, jelasnya.

GADONG - Sektor elektrik disediakan hampir \$160 juta antara rancangan yang diberikan tumpuan dalam peruntukan \$1 bilion oleh kerajaan tahun 2002 bagi menjayakan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-8.

Peruntukan tersebut bagi sistem rangkaian penjaan dan penghantaran tenaga yang boleh menampung permintaan sekurang-kurangnya hingga tempoh lima tahun akan datang.

Sementara itu di sektor pendidikan, teknologi maklumat dan infokomunikasi, sumber tenaga manusia dan sains dan teknologi disediakan lebih \$150 juta untuk melaksanakan projek-projek kerajaan, program pembangunan dan kesedaran sains dan teknologi serta dana sumber manusia.

Tetapi sektor kemajuan perusahaan diperuntukkan lebih \$90 juta untuk menyediakan beberapa projek baru yang akan menyumbangkan kepada penambahbaikan infrastruktur, keusahawanan dan peluang-peluang pekerjaan.

Hal ini dijelaskan oleh

Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Khamis bin Haji Tamin ketika mengadakan Sidang Media bersama wartawan pada 24 Disember lalu di pejabatnya.

Katanya, peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2002 itu merupakan peningkatan sebanyak \$450 juta dari tahun 2001 yang hanya \$550 juta atau tambahan kepada 82 peratus.

Di samping itu tambahan, sektor perumahan negara diperuntukkan lebih \$80 juta bagi menambah stok perumahan yang ada dan di sektor bangunan awam hampir \$77 juta akan disediakan di mana terdapat banyak projek-projek baru yang akan menggiatkan sektor tersebut.

Pada keseluruhannya terdapat 14 sektor dari 31 jenis yang disediakan pertambahan peruntukan melebihi 100 peratus dari tahun sebelumnya.

Ini tidak termasuk tiga sektor baru yang diperkenalkan iaitu teknologi maklumat dan infokomunikasi, sumber tenaga manusia, sains teknologi dan Projek Pulau Muara



PEMANGKU Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Khamis bin Haji Tamin ketika mengadakan Sidang Media bersama wartawan mengenai peruntukan \$1 bilion oleh kerajaan tahun 2002 dalam Rancangan Negara Ke-8. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Berkenan memberikan jamuan tengah hari kepada delegasi Jepun



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berbual mesra bersama Pengerusi Liga Parlimen Jepun, Yang Berhormat Tuan Hiroshi Kumagai di Majlis Jamuan Tengah Hari. Berangkat sama di majlis itu ialah Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

BANDAR SERI BEGAWAN. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Wahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan mengurniakan jamuan tengah hari kepada delegasi Parlimen Jepun yang melawat ke negara ini selama tiga hari.

Rombongan tersebut diketuai oleh Pengerusi Liga Parlimen Jepun, Yang Berhormat Tuan Hiroshi Kumagai yang mengandungi 12 orang anggota terdiri ahli-ahli dan Menteri Kabinet Jepun.

Juga berangkat ialah Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Oleh Abdullah Asgar

Jamuan yang diadakan di Balai Penghadapan Bukit Kayangan berlangsung pada 27 Disember, 2001.

Sebelum jamuan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap 12 orang ahli Parlimen Jepun yang diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Hiroshi Kumagai.

Menurut salah seorang ahli delegasi tersebut, lawatan ke negara ini bagi meningkatkan persahabatan dan hubungan muhibah dua hala yang wujud sekian lama di antara kedua-dua buah negara.

Mengembangkan industri pelancongan Brunei - Jepun

BERAKAS. - Negara Brunei Darussalam dan Jepun akan terus mengembangkan industri pelancongan seperti yang terkandung dalam lawatan promosi muhibah dan persahabatan yang dibuat Jepun.

Perkara tersebut juga antara lain turut dibincangkan bersama oleh Menteri Perhubungan yang juga memegang sementara Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika mengalu-alukan kunjungan muhibah oleh Pengerusi Liga Parlimen Jepun, Yang Berhormat Tuan Hiroshi Kumagai.

Perjumpaan yang diadakan di bangunan ke-

Oleh Abdullah Asgar

menterian berkenaan pada 26 Disember, 2001 juga membincangkan kerjasama yang lain bagi kepentingan bersama termasuk minat Jepun untuk mengadakan penerbangan terus Tokyo-Bandar Seri Begawan.

Di samping itu, Negara Brunei Darussalam juga berminat untuk mengembangkan industri teknologi tinggi dengan bantuan pakar-pakar dari Jepun yang disifatkan sebagai kuasa teknologi berkuasa tinggi di Asia.

Setakat ini, Negara Brunei Darussalam dan Jepun hanya banyak menumpukan dalam bidang-bidang

tenaga di mana beberapa syarikat gergasi tenaga dari Jepun membeli secara kontrak sumbernya dari Negara Brunei Darussalam.

Negara Brunei Darussalam telah mengeksport lebih 90 peratus sumber gas aslinya ke Jepun dan hanya 30 peratus bekalan minyaknya ke sana.

Rombongan Jepun itu terdiri dari 37 orang anggota termasuk 12 orang ahli Parlimen Jepun dan beberapa anggota yang pernah menjadi menteri-menteri kabinet Kerajaan Jepun.

Mereka berada di negara ini selama tiga bagi membiasakan diri dengan keadaan di sini dan mempromosikan lawatan muhibah dan persahabatan.



MENTERI Perhubungan yang juga memegang sementara Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika menerima kunjungan muhibah Pengerusi Liga Parlimen Jepun, Yang Berhormat Tuan Hiroshi Kumagai dan rombongan. - Gambar oleh Masri Osman.

MAHIRKAN DIRI DALAM PENGGUNAAN KOMPUTER

Oleh Aliddin HM

BERAKAS. - Para anggota bomba perlu mengetahui dan mahir mengendalikan komputer kerana ianya antara saluran utama yang menghubungkan mereka kepada pelbagai ilmu pengetahuan dan dunia luar.

Dalam era perkembangan teknologi maklumat dan infokomunikasi ini, komputer adalah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian yang dapat membantu melaksanakan tugas sama ada di pejabat atau pun di rumah.

Pegawai Pentadbir Kanan, Abang Haji Hepni bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah yang juga Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika berucap di Majlis Pelancaran Sistem Rangkaian Berkomputer Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyampaian Sijil-sijil Kursus Komputer yang berlangsung di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Bomba di sini pada 27 Disember, 2001.

Beliau menambah, jika digunakan sepenuhnya, sistem itu akan dapat membantu melicinkan tugas dan tanggungjawab yang dita-

ngani oleh kakitangan jabatan itu pada masa akan datang.

Terdahulu sebelum itu, ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis ASFS, Awang Haji Ahmad bin Haji Mohd. Daud, Pegawai Dasar dan Perancangan antara lain berkata, kecepatan mendapatkan maklumat dan kebijaksanaan menggunakannya akan membawa perubahan yang besar kepada ekonomi dan taraf kehidupan terutamanya penggabungan dunia komputer yang begitu canggih.

Beliau menjelaskan tujuan kursus komputer peringkat permulaan itu diadakan di Jabatan Perkhidmatan Bomba ialah untuk menyahut seruan kerajaan ke arah e-kerajaan bagi memudahkan serta memperingkatkan lagi mutu kerja dari masa ke semasa.

Majlis pada hari itu diselenggarakan dengan penyampaian sijil kepada 56 orang peserta yang mengikuti kursus singkat komputer yang diadakan pada 6 Oktober dan 13 Oktober, 2001 di Syarikat De Heritage, Kiulap.

Kursus komputer yang

dikendalikan buat pertama kalinya itu adalah bagi mereka yang berpangkat Penolong Penguasa hingga Penguasa Kanan dan peringkat keduanya pula dihadiri oleh mereka yang berpangkat Pegawai Balai hingga Penolong Pegawai Balai.

Penyampaian sijil-sijil kursus komputer itu telah disempurnakan oleh Pegawai Pentadbir Kanan, Abang Haji Hepni bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah yang juga Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara.



PEGAWAI Pentadbir Kanan, Abang Haji Hepni yang juga Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta kursus singkat komputer sejour melancarkan Sistem Rangkaian Berkomputer Jabatan Perkhidmatan Bomba. - Gambar oleh Abdullah HAD.

PERADUAN MENCIPTA LOGO SAMBUTAN JUBLI EMAS JABATAN PENERANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Disember. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri akan menyambut Jubli Emas penubuhannya pada 1 April, 2002.

Sehubungan itu, jabatan itu mempelawa rakyat dan penduduk tetap negara ini bagi menyertai Peraduan Mencipta Logo sempena sambutan berkenaan.

Konsep logo mestilah menjurus kepada tafsiran misi Jabatan Penerangan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'. Perkataan 'Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri' dan '1952 - 2002' hendaklah dimasukkan dalam logo berkenaan. Manakala huraian logo pula mestilah ringkas dan padat maksudnya.

Setiap reka cipta logo mestilah karya asli menggunakan tidak melebihi empat warna iaitu putih, hitam, hijau dan merah.

Selain itu reka cipta itu juga mesti disediakan di atas kertas lukisan (Art Paper) berukuran A3 (29.7 sm x 42 sm). Walau bagaimanapun, setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan.

Menurut pihak penganjur, pereka logo yang terpilih akan menerima hadiah wang tunai \$750.00 (tujuh ratus lima puluh ringgit Brunei). Manakala logo berkenaan akan menjadi milik Jabatan Penerangan.

Keputusan hakim adalah muktamad.

Sehubungan itu, setiap penyertaan bolehlah dihidangkan dengan mengisi borang yang boleh didapati dalam PELITA BRUNEI atau pegawai berikut dan mengembalikannya berserta reka cipta ke alamat:

Awang Adnan bin Haji Ibrahim, Ketua Penyelaras Peraduan Mencipta Logo, Sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lania Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

Setiap penyertaan hendaklah sampai ke alamat di atas tidak lewat 17 Januari, 2002. Penyertaan yang lewat diterima dari tarikh itu tidak akan dilayan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan upacara pengislahan bagi Penghulu Mukim Sukang, Datu Maharaja Setia Simpok dan isteri Dayang Puteh, yang mana kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Muhammad Simpok dan Dayang Siti Khadijah.

Kebawah D perkembang


KUALA BELAIT. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan lawatan dan meninjau perkembangan ke beberapa buah jabatan kerajaan dan swasta Daerah Belait, pada 26 Disember lepas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat tiba dengan helikopter kira-kira 9.30 pagi di Padang Bandaran dengan dijunjung oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam; Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Majid bin Alias dan Pegawai Pemerintah Polis Daerah Belait, Pengiran Haji Wahab bin Pengiran Haji Omar.

Dari Padang Bandaran, baginda berangkat ke kediaman rasmi Pegawai Daerah dan dijunjung oleh Penghulu Mukim Kuala Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Utama Pengiran Haji Mohd. Said Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Awang Haji Adanan bin Haji Md. Jaya; ketua-ketua kampung dan pegawai-pegawai kanan kerajaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima penerangan ringkas mengenai perkembangan dakwah di Daerah Belait dari Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Awang Haji Adanan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah rakyat baginda di Daerah Belait (kiri). Sementara gambar atas, Baginda berkenan melawat stesen Radio Televisyen Brunei, Cawangan Belait. Manakala gambar kanan, baginda berkenan melawat Jabatan Pelabuhan Daerah Belait.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sembah penerangan mengenai Jabatan Bandaran Belait dan Seria dari Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Majid bin Alias (kiri), sementara gambar kanan, baginda ketika berkenan melawat Menara Kawalan Lapangan Terbang Anduki, Seria.



Daerah
Sema
pengisla
Setia Si
Dayang

Datu
Dusun m
manakal
Dayang

Berik
Belait se
mai 100

Dari
atur cara
Mula-mu
Televisy
bah pene
sen itu
Pengiran

Dari
Narkotik
Dalam M
Jabatan
Daerah

Bagi
sana ba
struktur
Chris F
Pengara
Haji Ma

Dari
Cawang
Polis D
balai pe
penyias
jalankan
jabatan

Bagi
ngan di
serta ko
penerang
Luar, Aw

Bagi
kediam
Kaya In
kediam

Muki
ngan ke
asan 72
yai dua
31,000

Desti
Jabatan
Anduki
Pemang

MM tinjau an Daerah Belait

oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh
Halim Haji Sulaiman

ana, baginda berkenan menyaksikan upacara
gi Penghulu Mukim Sukang, Datu Maharaja
in Datu Maharaja Setia Dian dan isteri beliau,
inti Melingkong.

aja Setia Simpok berusia 69 tahun berbangsa
nama Islamnya sebagai Muhammad Simpok,
nya berusia 63 tahun kini dikenali sebagai
idjah binti Abdullah Melingkong.

jumlah mereka yang memeluk Islam di Daerah
awal bulan Januari 2001 hingga hari ini sera-

in rasmi Pegawai Daerah, baginda mempunyai
a padat ke jabatan-jabatan kerajaan dan swasta.
nda berkenan melawat ke Stesen Radio dan
ei Cawangan Belait dengan dijunjung dan sem-
mengetahui struktur, organisasi dan matlamat ste-
Ketua Penyelaras dan Perhubungan Awam,
bin Pengiran Haji Mahmud.

ginda berangkat pula ke Jabatan Biro Kawalan
gan Kuala Belait dan ke Jabatan Keselamatan
an Unit Da'wah Cawangan Daerah Belait. Di
baginda dijunjung oleh Ketua Unit Da'wah
wang Haji Adanan.

rusnya melawat ke Ibu Pejabat Brunei Shell. Di
junjung dan sembah penerangan mengenai
inisasi BSP oleh Pengarah Urusan BSP, Awang
dan Timbalan Pengarah Urusan dan juga
hwal Korporat BSP, Dato Paduka Dr. Awang

aginda berangkat melawat ke Balai Polis
dengan dijunjung oleh Pegawai Pemerintah
lait. Seperti balai-balai polis lain di negara ini,
but menjalankan tugas mengawal lalu lintas,
ayah dan trafik, mencegah jenayah, men-
jalan raya dan menjalankan operasi bersama
terajaan yang lain.

rusnya melawat ke Pejabat Bandaran Seria de-
leh Pegawai Bandaran Kuala Belait dan Seria
Penerangan Cawangan Seria dengan sembah
genai fungsi cawangan tersebut oleh Pegawai
ai bin Lampoh.

rusnya berkenan bercemar duli berangkat ke
Kampung Lorong Tiga Selatan Seria, Orang
kasa Awang Haji Zolkaflee bin Abdullah dan ke
ulu Mukim Kuala Belait.

a Belait mempunyai empat buah kampung de-
penduduk sekitar lebih 34,000 orang serta kelu-
eter persegi, manakala Mukim Seria mempun-
kampung dengan keramaian penduduk lebih
ta keluasan 116 kilometer persegi.

watan terakhir baginda pada hari itu ialah ke
tan dan Jabatan Laut serta Lapangan Terbang
Sepanjang lawatan, baginda diiringi oleh
wai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan melawat Balai Polis Cawangan Seria sambil menerima sembah penerangan dari Pegawai Pemerintah Polis Daerah Belait (kiri). Sementara gambar atas, keberangkatan tiba baginda di Daerah Belait dijunjung dan dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh. Manakala gambar kanan, baginda berkenan berbual mesra bersama Penghulu Mukim Kuala Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Utama Pengiran Haji Mohd. Said dan gambar kiri, baginda berkenan melawat Pos Kawalan Imigresen. Sementara gambar bawah, baginda berbual mesra bersama Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan Seria, Orang Kaya Indera Perkasa Awang Haji Zolkaflee.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan menerima sembah taklimat mengenai struktur dan organisasi Brunei BSP dari seorang pegawai (atas). Sementara gambar atas kiri, baginda melawat Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan gambar kiri, baginda melawat Lapangan Terbang Anduki, Seria.



SEKILAS TINJAU RKN KE-8

Pengangkutan dan perhubungan

DALAM Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, peranan aktif pihak swasta adalah diperlukan bagi memastikan perkembangan berterusan sektor pengangkutan dan perhubungan, manakala pihak kerajaan akan terus memainkan peranannya sebagai pemudah dan juga dalam menyediakan prasarana yang diperlukan.

Sektor pengangkutan dan perhubungan adalah sektor yang memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan suasana yang kondusif dalam usaha mengembangkannya ekonomi.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam RKN Ke-8 telah memperuntukkan satu bilion ringgit bagi tahun 2002.

Peruntukan kewangan yang begitu besar itu telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berlangsungnya Sidang Kemuncak ASEAN 2001 yang berlangsung di negara ini.

Dalam sektor pengangkutan dan perhubungan mengandungi sub-sektor iaitu jalan raya, laut dan pelabuhan, penerbangan awam, radio dan televisyen dan telekomunikasi dan perkhidmatan pos, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah B\$817.9 juta atau 11.20 peratus dalam RKN Ke-8.

Dalam RKN Ke-7, sektor pengangkutan dan perhubungan merupakan peruntukan yang ketiga terbesar iaitu B\$1,402 juta atau 19.5 peratus dari jumlah

Susunan Haji Ahmad HS

peruntukan kemajuan.

Bagi projek pengangkutan darat yang berkaitan dengan keselamatan di jalan raya akan dilaksanakan dalam RKN Ke-8 iaitu pembinaan kompleks latihan dan ujian memandu di Daerah Brunei dan Muara dengan hasrat untuk meningkatkan kemahiran pemandu-pemandu di jalan raya.

TELEKOMUNIKASI

Melalui RKN Ke-8, kerajaan melalui Jabatan Telekom akan melaksanakan projek telekomunikasi antaranya termasuk memperkembangkan dan memperluaskan rangkaian-rangkaian infrastruktur fiber optik ke kawasan-kawasan baru dan perhubungan antarabangsa.

Selain itu penyediaan sistem antarabangsa rangkaian digital serta penambahan perkhidmatan, daya upaya sistem BruNet akan lebih meningkat.

POS

Dalam perkhidmatan pos, kerajaan akan terus memperluaskan dan memodenkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatannya. Sebagai pusat perkhidmatan urus niaga dan informasi, Jabatan Perkhidmatan Pos akan menyediakan kemudahan perkhidmatan penghantaran kepada para pelanggan dengan kadar bayaran yang berpatutan

dan pembayaran bil-bil dan membaharui lesen-lesen memandu akan diperkembangkan dan diperbaiki.

Jabatan Perkhidmatan Pos yang dijangka akan diperbadankan dalam tempoh RKN Ke-8 akan terus memperbaiki prosedur memproses dan meningkatkan produktiviti melalui automasi serta penggunaan teknik yang inovatif dalam pengurusan operasi dan sumber manusia.

LAUT DAN PELABUHAN

Jabatan Laut dalam RKN Ke-8 antaranya akan melaksanakan dan pengawasan maritim serantau dan antarabangsa dengan



JABATAN Telekom dalam Rancangan Kemajuan Ke-8 akan melaksanakan projek telekomunikasinya termasuk memperkembangkan dan memperluaskan rangkaian-rangkaian infrastruktur fiber optik.

memberikan lima bidang tugas utama iaitu memastikan penguatkuasaan undang-undang maritim antarabangsa, menjamin keselamatan maritim atas pengangkutan kapal pedagang, mempromosi perlindungan persekitaran maritim, menggalakkan dan memudahkan industri maritim dan mempertingkatkan pembangunan sumber manusia dalam maritim.

PENERBANGAN AWAM

Dalam RKN Ke-8, Jabatan Penerbangan Awam antaranya akan menyediakan lebih banyak lagi kemudahan dan insentif termasuk harga minyak penerbangan yang kompetitif bagi menarik lebih ramai penerbangan untuk membawa perkhidmatan mereka ke negara ini.

Ke arah itu, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei akan dijadikan pusat kargo yang akan dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan serta perkhidmatan yang mencukupi.

RADIO DAN TELEVISYEN

Jabatan Radio dan Televisyen Brunei dalam RKN Ke-8 antaranya sedang

menyediakan pelan induk yang bertujuan mencari jalan bagi memenuhi keperluan rakyat dan penduduk di negara ini.

Beberapa perkhidmatan nilai tambah seperti interaktif televisyen dan 'internet broadcasting' akan diperkenalkan dan saluran baru bagi radio sedang diusahakan.

Di samping itu studio baru akan dibina dan alat-alat baru sesuai dengan penyerapan teknologi digital televisyen terkini akan diperkenalkan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh RKN Ke-8.

KESIMPULAN

Dalam RKN Ke-8, pembangunan sektor pengangkutan dan perhubungan yang dijangka berkembang pada kadar tujuh peratus menjelang tahun 2005 akan terus memainkan peranan penting dalam mendukung pertumbuhan ekonomi.

Dalam hubungan ini, peranan aktif pihak swasta adalah diperlukan bagi memastikan perkembangan berterusan sektor ini, manakala pihak kerajaan akan terus memainkan peranannya sebagai pemudah dan juga dalam menyediakan prasarana yang diperlukan.



JABATAN Perkhidmatan Pos dijangka akan diperbadankan dalam tempoh RKN Ke-8.



PENGAWALAN maritim serantau dan antarabangsa akan diperkembangkan dengan memastikan penguatkuasaan undang-undang di samping mempertingkatkan pembangunan sumber manusia dalam maritim.



LAPANGAN Terbang Antarabangsa Brunei akan dijadikan pusat kargo yang dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur dan kemudahan serta perkhidmatan.

Laman Web E-Kerajaan Tingkatkan keupayaan jentera pentadbiran Kerajaan

BERAKAS. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan atau BIT Council dengan hasrat untuk membantu menerapkan strategi-strategi dan rancangan tindakan kebangsaan dalam bidang informasi-komunikasi.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa berucap demikian di Majlis Pelancaran Laman Web E-Kerajaan anjuran Jawatankuasa Eksekutif E-Kerajaan di Dewan Amar Pahlawan Kementerian Perhubungan di sini pada 27 Disember yang lalu.

Yang Berhormat berkata, kesemuanya itu bertujuan untuk meningkatkan lagi keupayaan jentera pentadbiran kerajaan dalam memberi perkhidmatan yang lebih efisien kepada pihak pelanggan, terutama sekali orang ramai yang memerlukan perkhidmatan.

Kejayaan pada melaksanakan segala strategi dan rancangan tindakan itu, tambah Yang Berhormat, bergantung kepada komitmen dan kesungguhan setiap kementerian dan agensi kerajaan yang berkenaan kerana tanpa adanya komitmen dan semangat berpasukan serta kerjasama padu dari semua pihak, usaha yang dianjurkan tidak akan membuahkan hasil yang dikehendaki.

Yang Berhormat menekankan bahawa kesungguhan dan komitmen tenaga manusia khususnya perubahan dari segi sikap dan 'mindset' mereka merupakan antara faktor utama yang tidak kurang pentingnya daripada 'critical success factors' yang lain dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang cemerlang.

Di samping itu juga, tambah Yang Berhormat, adalah mustahak diberikan penekanan terhadap langkah-langkah 'follow up' dan langkah-langkah 'follow through' bagi memastikan sejauh mana usaha yang dikendalikan itu telah menepati sasarannya serta mencapai matlamatnya dalam rangka waktu serta anggaran kos yang dijangkakan.

Terdahulu sebelum itu, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Program E-Kerajaan, Dato Paduka Haji Hazair yang juga Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri berkata, dengan adanya Pelancaran Tapak Web E-Kerajaan ini akan dapatlah Jawatankuasa Eksekutif Program E-Kerajaan menampilkan dan menyebarkan lagi perkembangan aktiviti-aktiviti yang berhubung kait dengan e-kerajaan dan yang penting sekali ialah membolehkan bagi penyaluran informasi dan penyertaan interaktif kepada pihak awam khususnya sektor swasta.

Dato Paduka menjelaskan, era perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat ini merubah cara kehidupan, cara bekerja dan cara berinteraksi dan yang jelas sekali, ianya memainkan peranan yang penting dalam pengurusan dan pentadbiran satu-satu organisasi dalam membantu mempercepatkan proses-proses kerja dan pentadbiran dan dapat membantu dalam pembuatan keputusan yang berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang lebih mudah diperolehi serta lebih

Oleh Aliddin HM

cepat dianalisa dengan tepat.

Dalam waktu yang sama melalui aplikasi teknologi informasi dan maklumat sepenuhnya di dalam perkhidmatan awam akan dapat meningkatkan daya produktiviti, keberkesanan, kebolehan dan kemampuan perkhidmatan awam, katanya.

Sesuai dengan perkembangan inilah tamahnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengusahakan program E-Kerajaan dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Eksekutif E-Kerajaan yang ahli-ahlinya terdiri daripada setiausaha-setiausaha tetap kementerian yang bertujuan untuk memanfaatkan secara meluas perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat yang akan dapat memodenkan lagi sistem pentadbiran dan pengurusan Perkhidmatan Awam sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa.

Dato Paduka Haji Hazair menjelaskan, antara inisiatif utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa Eksekutif Program E-Kerajaan ini ialah pelaksanaan satu pelan tindakan strategik bagi menggalak penggunaan teknologi maklumat di kalangan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Pelan tindakan itu akan mendukung pencapaian matlamat yang dihasratkan di dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Abad Ke-21.

Aplikasi-aplikasi umum yang telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Eksekutif ialah Sistem-Sistem TAFIS yakni Sistem Maklumat Perbendaharaan, Akaun dan Kewangan yang termasuk Pengurusan Projek dan E-Pemerolehan, Pengurusan Sumber Manusia, Bursa Buruh dan GITNet, BIT Centre dan Suasana Pejabat Gunasama, ujarnya.

Di samping itu tambahnya, penyediaan prasarana (infrastruktur), hardware dan software yang diperlukan, cabaran besar yang dihadapi dalam pelaksanaan e-kerajaan ialah perubahan minda, sikap dan cara bekerja termasuk juga penguasaan teknologi komunikasi dan maklumat dalam pekerjaan di kalangan anggota perkhidmatan awam juga telah dirancang.

"Pelbagai kursus, latihan, bengkel dan seminar secara berterusan akan diadakan yang bertujuan bagi meningkatkan kemahiran anggota perkhidmatan awam di pelbagai peringkat di dalam penggunaan dan aplikasi ICT di dalam suasana kerja pejabat," jelasnya.

Program e-kerajaan merupakan salah satu dari tiga strategik bagi meningkatkan Pelan Strategik IT Kebangsaan dan sebahagian besar dari sektor IT dalam infrastruktur institusi Majlis BIT.

Jawatankuasa Eksekutif E-Kerajaan adalah badan penasihat dan badan konsultatif kepada program e-kerajaan yang disenaraikan dalam rangka kerja strategik E-Kerajaan bagi tindakan 2001-2005.

Laman Web E-Kerajaan boleh dilayari www.e-government.gov.bn.

Di majlis itu satu persembahan klip video e-kerajaan telah ditayangkan dan disusuli dengan satu pameran mini yang mempamerkan perkhidmatan dan aplikasi e-kerajaan.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyaksikan Laman Web E-Kerajaan selurus melancarkan laman web itu yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Eksekutif E-Kerajaan. Majlis berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan. Juga kelihatan ialah Yang Berhormat Menteri Perhubungan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menerima penerangan ringkas mengenai Laman Web E-Kerajaan, Dato Paduka Haji Hazair, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Program E-Kerajaan yang juga Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Program mempromosi Brunei terus diadakan

TUTONG. - Tahun Melawat Brunei 2001 (TMB) telah berakhir tetapi terus mengadakan program dan aktiviti promosinya.

Pengarah Kemajuan Industri Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Sheikh Jamaluddin berkata, program-program dan aktiviti-aktiviti mempromosikan Negara Brunei Darussalam terus diadakan walaupun TMB akan berakhir.

Sehubungan dengan itu, Persatuan Melayu Keriam, Tutong (PESAKA) telah menganjurkan Pesta Pertanian Bunga-bunga dan Buah-buahan sempena TMB bagi Daerah Tutong yang diadakan di Dewan Wawasan PESAKA Keriam pada 23 Disember yang lalu.

Pelbagai jenis buah-buahan tempatan, sayur-sayuran dan bunga-bunga dijual dalam pesta yang diadakan selama tiga hari itu.

Ketika ini tiba musim buah-buahan, pelbagai



SHEIKH Jamaluddin, Pengarah Kemajuan Industri Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyaksikan pelbagai jenis buah-buahan tempatan di Pesta Pertanian Bunga-bunga dan Buah-buahan sempena TMB bagi Daerah Tutong anjuran Persatuan Melayu Keriam, Tutong (PESAKA).

jenis buah-buahan telah dijual termasuklah buah durian, langsung, rambut, tarap, kembayau dan sebagainya.

Musim buah-buahan selama tiga hingga ke empat bulan.

Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) juga mengadakan Sambutan

Oleh
Aliddin HM

Hari Kanak-kanak dan Warga Emas (Tua), Pameran Urusan Rumah Tangga dan Kesenian dan Kebudayaan juga sempena Tahun Melawat Brunei 2001.

Tetamu kehormat di-

majlis itu ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Adnan bin Haji Hanafiah.

Di majlis itu warga tua yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang telah menjangkau usia 70 tahun ke atas diraikan dengan memberikan sijil penghargaan kepada mereka.

Kebawah DYMM menerima mengadap Ahli-ahli Parlimen Jepun

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima mengadap rombongan Ahli-ahli Parlimen's League for Promotion of Friendship yang diketuai oleh pengerusi liga tersebut, Yang Berhormat Tuan Kumagai Hiroshi.

Majlis mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, rombongan berkenaan telah disertai oleh Duta Besar Jepun ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Hara Satoshi.

Juga hadir di majlis mengadap itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adanan.

Rombongan dari Jepun berada di negara ini adalah bagi lawatan rasmi dengan tujuan untuk meningkatkan perhubungan dan kerjasama yang sedia wujud di antara kedua-dua buah negara khususnya dalam sektor perekonomian.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pengerusi Liga Parlimen Jepun, Yang berhormat Tuan Kumagai Hiroshi dan rombongan. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Yang Teramat Mulia Putera Sisowath Phandaravong, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Menerima mengadap Duta Besar Kemboja

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Yang Teramat Mulia Putera Sisowath Phandaravong, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam berlangsung di Istana Nurul Iman pada 31 Disember 2001.

Yang Teramat Mulia

Putera Sisowath Phandaravong akan menamatkan perkhidmatan sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam tidak berapa lama lagi.

Juga hadir di majlis itu ialah Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd Yusof, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Ahli-ahli Parlimen Jepun yang diketuai oleh Pengerusi Liga Parlimen, Yang Berhormat Tuan Kumagai Hiroshi. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Halim HS.

DYTM Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap rombongan Ahli-ahli Parlimen Jepun yang juga Ahli-ahli Eksekutif Jepun-Brunei Liga Parlimen bagi mengeratkan

persahabatan di Istana Nurul Iman di sini.

Rombongan yang mengandungi kira-kira 14 orang itu diketuai oleh Pengerusi Liga Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat Tuan Kumagai Hiroshi.

Di majlis mengadap itu, Yang Berhormat Tuan

Oleh Haji Ahmad H.S.

Kumagai Hiroshi disertai oleh Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam.

Hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adanan.

KERAJAAN LANTIK AHLI LEMBAGA KEMAJUAN EKONOMI

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Ekonomi di bawah Perintah Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi (Pindaan) 2001 mulai 26 November, 2001.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi pada

29 Disember lalu, menjelaskan sebagai sebuah Badan Berkanun Kerajaan, lembaga ini mempunyai autonomi untuk menjalankan bidang tugasnya mengikut Perintah Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi (Pindaan) 2001.

Secara am bidang-bidang tugas lembaga ialah untuk lebih menggerakkan pertumbuhan, perkembangan dan kemajuan ekonomi negara sebagai destinasi pelaburan. Ini

memberi peranan kepada lembaga untuk menjalankan dasar-dasar kerajaan dan menyediakan perancangan bagi menggalakkan pelaburan dari luar dan dalam negeri di dalam industri-industri berteknologi tinggi dan perkhidmatan berteraskan kemahiran, lebih-lebih lagi yang berpotensi untuk eksport.

Peranan ini selain dari memajukan sendiri industri-industri tersebut me-

lalui usaha sama, lembaga akan membantu dan memudahkan kemajuan perusahaan secara keseluruhan termasuk perusahaan kecil dan sederhana.

Fokus dan keutamaan lembaga di peringkat ini ialah untuk menyediakan kawasan-kawasan perindustrian serta kemudahan-kemudahan strategik dan kompetitif bagi industri-industri strategik. Ini termasuk pemajuan

Pulau Muara Besar.

Kerajaan telah melantik ahli-ahli lembaga seperti berikut:

1. Pengerusi : Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid.
2. Timbalan Pengerusi: Awang Timothy Ong Teck Mong
3. Ahli-ahli 'Ex-officio': Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
4. Pegawai Tertinggi Ekse-

kutif, Lembaga Kemajuan Ekonomi (dijalankan di peringkat awal ini oleh Pengerusi) : Seorang wakil Kementerian Kewangan.

4. Ahli-ahli lain: Awang Haji Kamis bin Haji Tamin
Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Yang Dimulikan Pehin

Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud,

Pengiran Dato Paduka Sharifuddin bin Pengiran Haji Metali.

Awang K.V. Tan.

Maklumat-maklumat lanjut mengenai perhubungan awam lembaga akan diberitahu kemudian.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan menerima mengadap Puan Sibella Laing, Isteri Tuan Yang Terutama Tuan Stuart Laing, Pesuruhjaya Tinggi British yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan menerima mengadap Puan Hara Michiko, Isteri Duta Besar Jepun yang baru berkhidmat di negara ini.

Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap dua isteri diplomat asing ke negara ini.

Puan Sibella Laing, isteri Tuan Yang Terutama Tuan Stuart Laing, Pesuruhjaya Tinggi British yang akan menamatkan perkhidmatannya telah diperkenalkan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri pada bulan Disember lepas. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri juga berkenan menerima mengadap Puan Hara Michiko, isteri Duta Besar Jepun, Tuan Yang Terutama Tuan Hara Satoshi yang baru memulakan perkhidmatannya di Negara Brunei Darussalam pada 31 Oktober, 2001. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong.

Penulis disaran kuasai bahasa dengan baik



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin ketika berucap merasmikan Kuliah Pertukaran Pakar Sastera-Sasterawan MASTERA anjuran Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) Negara Brunei Darussalam. Majlis berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas. - Gambar oleh Abdullah HAD.

BERAKAS, 26 Disember. - Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin menyeru para penulis di negara ini agar menguasai bahasa dengan baik supaya karya mereka tidak merupakan hasil penyuntingan.

"Justeru itu setiap penulis harus menguasai bahasa dengan sebaik-baiknya supaya karya mereka bukan merupakan hasil penyuntingan," tegasnya ketika merasmikan Kuliah Pertukaran Pakar Sastera/Sasterawan MASTERA anjuran Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) Negara Brunei Darussalam berlangsung di Dewan Patih Berbai di sini.

Katanya, perkara tersebut merupakan satu lagi aspek sosiologi sastera yang patut menerima perhatian penalaah sastera yang juga menggambarkan betapa luasnya bidang sastera seperti bidang-bidang ilmu dan kehidupan yang lain.

Terdahulu ketika menyentuh bidang sosiologi sastera, beliau berkata, di

Oleh Sahari Akim

Negara Brunei Darussalam belum ada yang meneliti pasaran dan pemasaran hasil sastera.

Pertukaran pakar sastera/sasterawan adalah merupakan projek Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) yang dikendalikan oleh MASTERA Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk memasyarakatkan sastera melalui kuliah atau ceramah yang disampaikan oleh pakar atau penulis mengenai perkembangan sasterawan dan penulisan karya di negara masing-masing.

Kuliah sastera dua hari itu mengundang seorang pakar dalam bidang sastera moden khususnya novel, Dr. Faruk Haji Tropoli dari Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Republik Indonesia.

Dr. Faruk membicarakan tiga komponen sastera yang benar-benar diketahui dan diminatinya iaitu sosiologi sastera, sastera bandingan dan kritikan serta pendekatan feminisme.

Kali pertama projek itu diadakan ialah pada tahun 1998 mengenai kuliah sastera remaja dengan mengundang Profesor Madya Dr. Othman bin Puteh yang menumpukan kepada perkembangan sastera remaja di Malaysia yang sangat berguna kepada penulis sastera remaja tanah air khususnya dan peminat sastera umumnya.

Kuliah kali pertama itu telah berhasil merangsang beberapa orang penulis untuk menulis novel remaja yang diharapkan akan menepati sasaran.

Pada masa hadapan MASTERA Negara Brunei Darussalam bercadang menghantar pakar sastera atau sasterawan ke Malaysia dan Republik Indonesia untuk memberigakan perkembangan sastera dan penulisan karya di negara ini supaya dapat diketahui lebih dekat oleh peminat sastera di kedua-dua negara pengasas MASTERA itu.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri

BELIA merupakan pemangkin dan aset berharga untuk menerajui dan mentadbir pembangunan sesebuah negara di masa hadapan.

Oleh itu belia juga merupakan golongan yang paling banyak bilangannya selain dari golongan kanak-kanak dan orang tua.

Sempena kemeriahan Hari Raya Aidilfitri yang baru diraikan, tradisi berbaju Melayu yang diamalkan sekian lama di negara ini merupakan tradisi yang tidak luput ditelan zaman.

Kedatangan bulan Syawal, pastinya beraneka fesyen serta beraneka warna baju Melayu akan dipakai bagi menghiasi diri si pemakai malah seolah-olah menjadi suatu kemestian bagi setiap orang.

Pendapat sebegini telah mendapat sokongan dari seorang belia yang kebetulan mengunjungi Istana Nurul Iman untuk junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini di Istana Nurul Iman dengan berkata tanpa baju Melayu, Hari Raya rasa kurang lengkap.



AWANG AZRIL ... Tanpa baju Melayu kurangnya kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Adik Azril bin Rosli yang berumur 13 tahun dari Kampong Bolkiah menegaskan, kalau berbaju Melayu rasanya kemeriahan Hari Raya dapat dirasakan dengan penuh makna kerana baju Melayu ini selain dipakai sewaktu menghadiri majlis perkahwinan, menjadi suatu khazanah yang berharga untuk diwariskan kepada golongan yang muda agar pakaian kebangsaan ini tetap dihargai.

Adik Azril yang mengunjungi Istana Nurul Iman bersama kawan dan ibu kawannya merasakan kegembiraan terutama sewaktu junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia



ORANG ramai yang berkunjung ke Istana Nurul Iman membuat pendaftaran terlebih dahulu sebelum junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas). Sementara gambar bawah, para pengunjung menikmati makanan yang dihidangkan.



Kesempatan junjung ziarah suatu yang istimewa

Oleh Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh
Masri Osman

secara dekat.

Sementara bagi Awang Azri bin Haji Ahmad merasakan kunjung-mengunjungi di Hari Raya bagaikan suatu kemestian bagi dirinya untuk menikmati kemeriahan Hari Raya dan kesempatan untuk junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan peluang yang ditunggu-tunggu kerana kesempatan begini hanya datang setahun sekali.


Tambahnya, walaupun beratur menanti giliran untuk bersua muka dengan baginda bagi menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya, namun dengan perasaan 'siok' dan gembira, keletihan menunggu tersebut tidak terasa.

Malah seorang belia dari Malaysia, Awang Lui Peng Siang yang kebetulan berada di negara ini selama tiga hari tidak melepaskan

peluang untuk junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, malah menjelaskan peluang mengunjungi Istana Nurul Iman merupakan kenangan manis buat dirinya.

Beliau yang bersama rombongan seramai 19 orang buat pertama kali datang ke negara ini menjelaskan, bertolak dari tempat penginapan mereka ke Istana Nurul Iman sejak pukul 7.00 pagi dan merasa bangga kerana dapat menyaksikan sendiri keramahan orang-orang Brunei.

Bagi Dayang Jun Lin yang kebetulan berjalan-jalan ke negara ini dan berasal dari Sarawak menjelaskan, kesempatan junjung ziarah ke hadapan majlis baginda di Istana Nurul Iman merupakan suatu yang istimewa bagi penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam kerana kesempatan se-



DETIK ISTIMEWA ... Bagi Dayang Jun Lin dari Sarawak, kesempatan junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain merupakan kesempatan yang sangat bermakna.



AWANG LUI PENG SIANG ... Tidak mahu melepaskan peluang berkunjung ke Istana Nurul Iman, malah kagum dengan kemeriahan dan keramahan orang-orang Brunei.

begini tidak ada di Sarawak, malah kemeriahannya juga dapat dirasa walaupun bukan dirinya yang meraiikannya.

Katanya kemeriahan Hari Raya di Negara Brunei Darussalam nyata berbeza dari tempat asalnya kerana di sini tambahannya, orang tua, belia dan kanak-kanak masih lagi mengekalkan pakaian tradisi iaitu baju Melayu sebagai pakaian rasmi sewaktu kunjung-mengunjungi.

Menyentuh mengenai Jualan Besar-besaran Brunei 2001 yang diadakan di negara ini, beliau menjelaskan beliau lebih suka membeli barangan di sini terutama barangan berjenama yang diimport dari luar negara terutama negara Barat, kerana menurutnya, barangan di Negara Brunei Darussalam lebih bermutu dan lebih murah disebabkan kurangnya cukai import berbanding di negeri asalnya.

BAGI Dayang Jun Lin yang kebetulan berjalan-jalan ke negara ini dan berasal dari Sarawak menjelaskan, kesempatan junjung ziarah ke hadapan majlis baginda di Istana Nurul Iman merupakan suatu yang istimewa bagi penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam kerana kesempatan sebegini tidak ada di Sarawak malah kemeriahannya juga dapat dirasa walaupun bukan dirinya yang meraiikannya.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman



YUNUS ALI (paling kanan) berkongsi kegembiraan bersama rakan-rakan beliau dari BRUTEX sambil menikmati juadah Hari Raya di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Abd. Karim HAB.



MAFTUH BAIDHOWI (paling kanan) senyum ceria bersama rakan-rakan semasa berjunjung ziarah di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Abd. Karim HAB.

Warga asing, pelancong nikmati suasana Hari Raya, keindahan Istana Nurul Iman

WALAU jauh di perantauan namun kemeriahan aidilfitri tetap dirasakan dan dikongsi bersama oleh beberapa warga asing di negara ini. Mereka yang kebanyakannya bertugas di sektor swasta sama ada dalam projek pembinaan, pembuatan pakaian mahupun pengangkutan mengisi masa yang terluang di Hari Raya kedua, ketiga dan keempat mengunjungi Istana Nurul Iman yang dibuka untuk orang ramai.

Yunus Ali, 23 tahun yang baru setahun bertugas di negara ini berkata, kunjungan ke Istana Nurul Iman bagi menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat di raja merupakan suatu kesempatan yang berharga.

Di samping menikmati keindahan ruang dalam Istana Nurul Iman dan persekitarannya, beliau yang berasal dari Bangladesh, berpeluang menikmati pelbagai juadah Hari Raya bersama rakan-rakan dan para pengunjung yang lain.

Maftuh Baidhowi, 26 tahun, seorang warga Indonesia dari Surabaya yang datang bersama rombongan

para pekerja Syarikat Aziz Latif pula menyatakan rasa gembira kerana sekali lagi berkesempatan berkunjung ke Istana Nurul Iman.

Beliau yang telah berada selama lima tahun di negara ini merasa terharu melihat kemesraan antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rakyat baginda dan penduduk negara ini.

"Kami warga asing merasa bertuah diberi kesempatan berjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan ahli kerabat diraja. Masyarakat Brunei begitu peramah dan baik hati," ujar beliau sambil disokong oleh rakan sekerja beliau, Dinaul Qowino, 27 tahun.

Menurut Dinaul Qowino, suasana sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman sungguh mengharukan, berbeza di tempat beliau sendiri.

"Warga asing yang bertugas di negara ini dan juga para pelancong diberi peluang berkunjung ke Istana Nurul Iman untuk berjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar



AWANG Lee Kien Ing, seorang pengunjung yang berasal dari Bintagor, Sarawak. - Gambar oleh Halim HS.

dan kerabat diraja," ujar beliau yang sudah lima tahun berada di negara ini.

Beliau memberitahu, selama bertugas di sini, setiap tahun beliau dan rakan-rakan tetap meluangkan masa mengunjungi Istana Nurul Iman.

Kunjungan ke Istana Nurul Iman yang dibuka setiap tahun sempena Hari Raya Aidilfitri, bukan hanya terbuka kepada umat Islam setempat dan mereka yang bertugas di negara ini malah para pelancong dan pengunjung yang kebetulan berada di negara ini bagi menziarahi sanak saudara yang juga tidak melepaskan peluang.

Awang Lee Kien Ing, 50 tahun yang berasal dari Bintagor, Sarawak adalah salah seorang daripada mereka. Beliau kali pertama berkunjung ke negara ini, ditemani oleh lima orang ahli keluarga.

"Saya berada di sini selama dua hari iaitu Hari Raya kedua dan ketiga. Kebetulan saya dan keluarga datang ke negara ini bagi menziarahi menantu saya yang bertugas di sini. Kami tiba dari Miri menggunakan kereta," jelas beliau.

Beliau menyatakan rasa kagum dengan sambutan yang diadakan. Setiap orang tanpa mengira bangsa dan agama hadir bagi mengucapkan

Selamat Hari Raya dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat diraja.

"Baginda baik dan mesra dengan rakyat. Kami berasa gembira berada di sini. Kita diberikan jamuan dengan pelbagai jenis kuih dan juadah di ruang istana ini yang cantik dan besar. Kanak-kanak pula diberi wang. Selain itu ada pula disediakan buah tangan untuk dibawa pulang," tambah beliau.

Sesungguhnya kunjungan ke Istana Nurul Iman bagi rakyat dan penduduk negara ini merupakan suatu kesempatan yang bermakna bagi sama-sama mengucapkan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seorang raja yang dikasihi, yang sentiasa bersikap pemeduliaan.

Bagi para warga asing yang bertugas di negara ini dan para pelancong dari luar negara, dapat pula melihat lebih dekat hubungan yang rapat dan mesra antara pemimpin dan rakyat yang sentiasa terjalin dalam suasana harmoni dan saling hormat-menghormati.

Sistem beraja negara ini tidak menyamai dengan negara lain

TRADISI junjung ziarah ke Istana Nurul Iman setiap tahun sambutan Hari Raya Aidilfitri mengagumkan ramai pengunjung terutamanya para pengunjung dari luar negara, yang rata-rata memuji sistem beraja negara ini yang tidak menyamai dengan negara-negara lain di mana rajanya meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama rakyat dan penduduknya.

Dayang Hajah Saidah dari Persatuan Pengakap Sekolah Al-Falaah kagum dengan sambutan Hari Raya di negara ini, yang mana rakyat dan penduduk negara ini termasuk para pelancong dapat bersua muka dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

"Apa yang mengagum-

Oleh Zubaidah HS
Gambar-gambar oleh Harun HR

kan saya baginda sentiasa gembira setiap kali bertemu dengan orang ramai yang berbilang bangsa dan berbilang kaum," jelas Dayang Hajah Saidah.

Sementara itu Dayang Ajjiah binti Abdullah ketika ditemu bual merasa syukur kerana mempunyai raja yang sentiasa pemeduliaan terhadap rakyatnya.

"Saya dan rombongan dari Kuala Belait pukul enam lagi sudah bertolak untuk junjung ziarah ke Istana Nurul Iman," jelasnya gembira.

Beliau yang amat berbesar hati kerana dapat menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja mendoakan agar baginda dan ahli-ahli kerabat diraja dipanjangkan umur.

Dayang Nurul Nabillah binti Abdullah, salah seorang rombongan dari Pusat Da'wah Islamiyah Daerah Brunei dan Muara juga merasa syukur kerana berkesempatan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Manakala Dayang Hajah Masni binti Abdullah juga dari Persatuan Nurul Islam, Pusat Da'wah Islamiyah juga gembira kerana dapat menjunjung ziarah ke Istana Nurul Iman.

Walau bagaimanapun beliau yang juga merupakan salah seorang rombongan saudara-saudara baru dari persatuan itu merasa sedih kerana tidak menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama dengan keluarga dan ibu bapanya kerana, mereka belum memeluk agama Islam.

Sementara itu Dayang Hajah Fatimah dan Dayang Manah yang berasal dari Kampong Sengkurong juga merasa bangga kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berbesar hati berkenan menerima rakyat dan penduduk di negara ini bagi sama-sama meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Perasaan gembira dan kagum ini juga dikongsi sama oleh serombongan

pelancong wanita dari Jakarta, Republik Indonesia. Mereka yang berada di negara ini bertepatan dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri, merasa kagum dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana menerima junjung ziarah para pelancong di sambutan itu. Mereka juga kagum dengan keindahan Istana Nurul Iman yang mana sebelum ini mereka ketahui dari media-media massa sahaja.



DAYANG Hajah Fatimah merasa bangga dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana berkenan menerima rakyat dan penduduknya.



DAYANG Hajah Masni binti Abdullah gembira dapat junjung ziarah ke Istana Nurul Iman.



DAYANG Hajah Saidah kagum dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa gembira bertemu dengan orang ramai.



DAYANG Ajjiah binti Abdullah, merasa syukur kerana mempunyai raja yang pemeduliaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Daerah Belait bagi meninjau dengan lebih dekat lagi perkembangan daerah tersebut. Gambar kiri, ketika baginda melawat Syarikat Brunei Shell (BSP), sementara gambar kanan, baginda berkenan melawat Jabatan Bandaran Kuala Belait. - Gambar oleh Halim HS. - (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 8 dan 9).

Harga kesejahteraan sangat mahal - titah

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kesejahteraan itu harganya sangatlah mahal yang diperolehi melalui perpaduan dan kerjasama oleh semua peringkat rakyat dan penduduk di negara ini.

Baginda bertitah, ianya bukanlah sesuatu yang terjadi dengan sendirinya yang dapat diambil mudah yakni 'take for granted', lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia yang tidak menentu pada masa ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian Sempena Tahun Baru Masihi 2002.

Menurut baginda, pada tahun-tahun menjelang abad ke-21, banyak negara menaruh harapan untuk melihat perkembangan yang menyerlah dalam era global yang baru khususnya era keamanan dan kemakmuran sejagat.

Bahkan tegas baginda, pengharapan itu dikuatkan lagi dengan usaha-usaha Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganjurkan Sidang Kemuncak Milenium Pertubuhan melibatkan banyak negara di dunia ini.

Namun titah baginda keadaan sebaliknya telah berlaku

iaitu apabila kejadian-kejadian yang mengejutkan seluruh warga dunia tiba-tiba saja meledak menggugat keamanan dengan tercetuslah satu lagi peperangan di rantau Asia Barat, hanya satu dekad sahaja selepas berakhirnya Perang Teluk.

Kesan dari segi ekonomi global, jelas baginda, adalah serta-merta dirasakan, terutama sekali ke atas industri-industri yang berkaitan dengan penerbangan dan pelancongan.

"Keadaan ini menyebabkan ekonomi dunia yang sudah terjerjas oleh krisis kewangan yang menimpa beberapa negara ASEAN tidak berapa lama dulu telah bertambah malap lagi," titah baginda.

Sungguhpun begitu, tegas baginda lagi, usaha-usaha ke arah mengekalkan dan meningkatkan keamanan serta kemakmuran masih terus dilakukan oleh negara-negara yang cintakan kedamaian dan kemajuan termasuklah negara kita Brunei Darussalam.

Berkhidmat lebih inovatif, produktif

Dari muka I

Menyentuh usaha-usaha bagi meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menegaskan bahawa kerajaan baginda akan terus menjalankannya sesuai dengan keperluan dan aspirasi zaman.

Maka sehubungan dengan itu, titah baginda, segala projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, penubuhan-pe-

nubuhan Syarikat Minyak Kebangsaan dan juga Lembaga Kemajuan Ekonomi adalah diharapkan akan dapat membantu mengukuhkan lagi usaha-usaha ke arah memantapkan ekonomi negara yang kita cintai ini.

"Sama-sama kita berdoa semoga keamanan, perpaduan dan kemakmuran akan terus kita nikmati serta bangsa dan negara berada dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala," titah baginda lagi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini, Yang Teramat Mulia Putera Sisowath Phandavong. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Duta Kemboja mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kemboja ke Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman di sini pada 29

Oleh
Haji Ahmad HS

Disember.

Yang Teramat Mulia Putera Sisowath Phandavong akan menamatkan perkhidmatannya sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak tidak lama lagi.

Hadir di majlis mengadap tersebut ialah

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adanan.

Sambungan dari muka I

"Institusi kekeluargaan adalah lebih tepat untuk menjadi asas kepada pembinaan masyarakat. Kerana dari sinilah lahir individu-individu yang berpotensi yang menjadi tulang belakang kepada negara dan bangsa. Apabila tulang belakang itu kuat, maka akan kuat pulalah bangsa itu," titah baginda.

Bertitah Sempena Tahun Baru Masihi 2002 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh pelusuk tanah air pada 31 Disember, baginda seterusnya menegaskan sangatlah mustahak sekali bagi setiap keluarga memiliki tanggungjawab moral bagi sama-sama merancang untuk melahirkan generasi yang berakhlak serta berakidah sempurna.

Baginda penuh percaya bahawa hanya dengan itu, kita akan mendapati jalan keluar memperoleh apa-apa yang tidak mudah untuk diperolehi sekarang, seperti ketenteraman pada jiwa, keamanan dan keharmonian yang sebenar-benarnya.

SELAMAT TAHUN BARU 2002

دربیتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان متري دان دجيتي اوله جباتن فرجيتفن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

ALHAMDULILLAH, kita telah selesai menjalani ibadah puasa dalam bulan Ramadan dan juga seterusnya merayakan hari kemenangan, Aidilfitri. Tentunya kita mendapat kesan dan natijah dari ibadah yang dilakukan sepanjang sebulan berpuasa. Kita mengharapkan ibadah kita diterima Allah Subhanahu Wataala.

Soalnya apakah kesannya selepas itu, dapatkah kita menghayatinya dan mengamalkan apa yang kita lakukan sepanjang bulan Ramadan seperti membaca Al-Quran, sembahyang Sunat Witir atau qiamulail, amalan berpuasa dulu. Kalau ini berlaku walaupun tidak seratus peratus, syukur alhamdulillah, kita telah melaksanakan ibadah itu dengan cukup cantik mengikut syarat rukunnya, tanda-tanda amalan kita lakukan dalam bulan puasa itu terakumulasi dan mudah-mudahan diterima Allah Taala. Tetapi bagaimana pula sebaliknya? Tentu kita tertanya-tanya, siapa boleh memberi jaminan ibadah kita diterima atau tidak, itu kita kembalikan kepada Allah Subhanahu Wataala saja.

Pokoknya sekarang apakah kesan ibadah puasa itu melekat pada diri kita dan kita hayati sebagai kehidupan harian. Tentunya kita tidak akan menganggap amalan puasa itu untuk bulan puasa saja, biarlah diteruskan pada bulan-bulan seterusnya. Bulan Ramadan itu tempat latihan dan tarbiyah kita supaya memakai pakaian takwa di hari-hari lain. Akhlak yang terbentuk dalam bulan puasa juga harus diselaraskan dalam kehidupan harian, sifat pemurah harus diteruskan, sifat luhur, sifat penyantun dan seterusnya sifat yang mulia harus diurus pakai sebagai perlambangan jati diri orang Brunei.

Jadi kita harus mere-nung dan fikirkan, lebih tepat lagi kita muhasabah diri. Apakah tujuan semua itu Allah Subhanahu Wataala jadikan sia-sia saja atau kita yang lalai atau alpa mensyukuri nikmat Allah Yang Maha Besar? Apakah kita mudah menja-di manusia pelupa sesuai dengan nama kita 'naasun' yang bererti pelupa?

Allah Subhanahu Wataala banyak memberi peringatan kepada kita supaya sentiasa muhasabah diri seperti firman-Nya dalam Surah Al-Hasyr ayat 18, yang tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat), dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Kita kena lihat alam sekeliling kita, kena peka dengan kejadian alam ini, semua itu menjadi iktibar dan pengajaran kepada kita supaya mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wataala dan seterusnya mentaati-Nya dengan melakukan amal ibadah dengan ikhlas semata-mata kerana-Nya. Bukan kerana hendak di-

OLEH IBNU UMAR

puji, bukan kerana puasa itu untuk diet, untuk menguruskan badan dan untuk dikata kita orang yang kuat berpuasa dan sebagainya.

Allah Subhanahu Wataala membuka pintu kemenangan kepada hamba-Nya di mana-mana kita boleh beramal, wadah dan medan jihad tersedia dengan begitu luas. Selepas saja puasa bulan Ramadan, disediakan pula puasa sunat enam pada bulan Syawal. Ganjaran amat besar seperti maksud Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Muslim :

"Barang siapa puasa bulan Ramadan kemudian mengiringi akan dia dengan puasa enam hari bulan Syawal nescaya adalah ia seperti puasa setahun."

Jika kita renungkan betapa kasih Allah Subhanahu Wataala kepada hamba-Nya supaya tidak melalaikan diri meng-ingati-Nya dalam urusan harian. Apa jua yang dilakukan akan mendapat keberkatan jika niat dan tujuan semata-mata kepada

Allah jua. Mengingati Allah tidak semestinya kita duduk di tikar sembahyang atau di tempat tertentu saja tapi di setiap tempat, setiap keadaan dan setiap masa. Allah Subhanahu Wataala menganjurkan kita meng-ingati-Nya dalam duduk, berdiri dan berbaring. Itulah anjuran kepada hamba-Nya supaya segala gerak-laku, perancangan, tindakan dan usaha ikhtiar tidak terbabas kepada pengaruh iblis dan hawa nafsu. Jika suatu keputusan itu diambil bukan berlandaskan yang hak atau bersumber dari hidayah Allah, ditakuti nanti akan membawa kebinasaan dan kehancuran.

Oleh itu, anjuran supaya sentiasa muhasabah diri ini harus dijadikan rutin kehidupan dan sebagai azimat harian supaya setiap hari kita menilik diri, memberbaiki diri. Kita kena cermin diri, semua orang kena harus merenung diri masing-masing, di mana letaknya diri kita hari ini. Janganlah letakkan diri di tempat yang terlalu tinggi hingga lupa diri, hingga kita lupa tempat berpijak, lupa asal

MUHASABAH DIRI, PENGHAYATAN SELEPAS IBADAH PUASA

usul kita, lupa akan akar umbi, lupa jati diri, lupa untuk 'mendir'. Jika terjatuh nanti sakit atau akan rosak, maka berdiri di tempat yang rendah supaya kita dapat selalu merenung diri kita sebagai hamba Allah yang lemah, fakir, daif dan hina. Inilah pakaian kehambaan bagi kita supaya kita tidak memandang manusia itu berbeza-beza, hanya mereka yang bertakwa saja yang dimuliakan Allah Subhanahu Wataala.

Jika kita seorang bapa, jadilah contoh atau 'role model' kepada anak-anak, kita tahu tanggungjawab sebagai ketua keluarga yang memikul amanah Allah supaya membimbing anak isteri ke jalan yang betul. Jika rasa kita tidak betul atau belum cukup sempurna, cepat-cepat membetulkan hala tuju kehidupan. Kehidupan yang tidak bersumber agama, tidak bersumber tauhid akan pincang dan binasa. Inilah masa untuk membetulkan yang kalut dan kusut, baiklah diri, selalu mengingati betapa kehidupan dunia ini akan diperhitungkan di akhirat kelak.

Titik tolak dari konsep bermaaf-maafan setelah melakukan ibadah puasa, setelah berjuang melawan hawa nafsu menahan lapar dahaga. Akan terbentuklah keperibadian yang mulia yang suka memaafkan kesalahan orang lain, suka bersedekah, suka beribadah dan suka amalan yang baik-baik. Jadi jika ini dapat dihayati maka terbentuklah satu kumpulan masyarakat seperti yang disebutkan dalam Al-Quran.

Oleh itu, kita selalu



GAMBAR HIASAN ... Umat Islam sentiasa digalakkan mempergunakan setiap kesempatan khususnya semasa muda untuk terus memperbaiki diri sama ada untuk kepentingan dunia mahupun akhirat.

ingat-mengingati saudara kita supaya apa yang kita amalkan selepas berpuasa di bulan Ramadan, berhari raya dan seterusnya melakukan puasa sunat enam hari di bulan Syawal akan mempertingkatkan prestasi kehidupan kita. Kita akan menjadi manusia baru yang punya cita-cita, punya wawasan, punya ketrampilan, punya visi dan juga punya karisma dalam menjalani kehidupan. Ini mencerminkan kita telah mencapai dan menghayati nati-jah keikhlasan dalam ibadah kita.

Setentunya akan dapat perubahan yang ketara berlaku dalam diri individu itu, dari negatif kepada positif, dari malas kepada rajin dan seterusnya dia tahu menghargai waktu kerana setiap waktu itu jika dimanfaatkan akan mendapat ganjaran (setiap waktu itu ibadah). Gunakanlah sisa kehidupan yang sedikit ini untuk menjadi manusia yang berguna, manusia yang berkat, berkat dari segi umur, berkat dari segi

pekerjaan dan berkat dari segi amal ibadah.

"Sebaik-baik kamu itu, yang pendek umur tapi berkat dan sejahat-jahat kamu itu yang panjang umur tapi tidak berkat." (Maksud Al-Hadis).

Janganlah kita menung-gu masa tua baru hendak beramal atau sudah pencen barulah nak belajar sembahyang dan belajar agama. Gunakanlah kesempatan yang ada untuk memperbaiki diri. Beramal dari sekarang, buatlah persediaan awal untuk kehidupan yang panjang. Sesungguhnya Allah tidak suka hamba-Nya yang suka putus asa yang tidak mahu mengubah nasib mereka seperti firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya :

"Sesungguhnya Allah Taala tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu mengubah nasib mereka sendiri."

Jelas pada ayat ini, kita

kena mengubah diri kita ke arah ketakwa, ke arah kebaikan. Janganlah kita membiarkan diri dikuasai oleh emosi, oleh nafsu syaitan yang sentiasa menghambat kepada kelalaian dan kemungkaran. Iblis akan ketawa dan bergembira jika dapat memperdayakan anak Adam.

Ingatlah syaitan itu musuh kita yang amat nyata. Maka kita hindarkanlah amalan-amalan dan pengaruh syaitan seperti melakukan pekerjaan maksiat, pekerjaan yang tidak berfaedah. Gunakanlah masa sebaik mungkin untuk menimba ilmu dan membuat sesuatu yang berfaedah. Yang pasti biarlah kehidupan hari ini lebih baik dari kehidupan semalam. Sentiasalah kita mensyukuri nikmat Allah. Sentiasalah kita muhasabah diri, inilah asas kehambaan kita kepada Allah. Sentiasa kita mengharap-kan rahmat Allah Yang Pemurah, Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

KITA kena lihat alam sekeliling kita, kena peka dengan kejadian alam ini, semua itu menjadi iktibar dan pengajaran kepada kita supaya mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wataala dan seterusnya mentaati-Nya dengan melakukan amal ibadah dengan ikhlas semata-mata kerana-Nya. Bukan kerana hendak dipuji, bukan kerana puasa itu untuk diet, untuk menguruskan badan atau untuk dikata kita orang yang kuat berpuasa dan sebagainya.

Bahasa & Budaya

LINGUISTIK HISTORIS : HUBUNGANNYA DENGAN LINGUISTIK KOMPARATIF

SIRI PERTAMA

Oleh Nani M.B.

LINGUISTIK historis atau linguistik sejarah merupakan salah satu cabang ilmu linguistik yang berbeza daripada cabang linguistik yang lain. Ciri pembeza utama linguistik historis adalah bidang ini mengkaji atau menyelidiki perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan yang berlaku pada sesuatu bahasa.

Setiap perubahan atau perkembangan sesuatu bahasa itu mempunyai punca, sebab dan akibat. Oleh kerana itulah kajian yang melibatkan hal-hal demikian telah memberi ruang kepada satu bidang linguistik yang dikenali sebagai linguistik historis.

Linguistik historis mula diperkenalkan oleh William Jones dalam tahun 1786. Beliau telah menemukan bahawa di antara bahasa Sanskrit mempunyai hubungan dengan bahasa Latin dan Greek yang mana kemudiannya dikelompokkan sebagai bahasa Indo-Eropah. Bermula dari masa itu, kajian mengenai bidang ini telah menarik minat ramai sarjana untuk mengkaji atau menyelidiki asal-usul sesuatu bahasa dan seterusnya menelusuri arus perkembangan sesuatu bahasa itu.

Oleh yang demikian, kita dapat mengandaikan dalam linguistik historis, kajian utama yang dikaji adalah daripada dua aspek yang penting iaitu (a) sesuatu bahasa itu berkesinambungan dan mengalami perubahan dan (b) setiap kesinambungan bahasa itu adalah melalui suatu periodisasi masa yang panjang.

Pada hakikatnya kebanyakan bahasa yang dimiliki oleh masyarakat dunia pada hari ini merupakan warisan pada zaman lampau atau dalam kata lain sesuatu bahasa itu adalah kesinambungan. Sesuatu bahasa yang berkesinambungan biasanya mengalami perubahan dalam suatu kontinum perjalanan masa (ruang masa) yang panjang. Dari kontinum perjalanan masa pula, kajian yang dilakukan adalah melalui suatu tahap atau suatu zaman, seperti zaman pra-sejarah, zaman purba atau proto hinggalah pada masa kini.

Sebagaimana yang dinyatakan tadi, bahawa sesuatu bahasa adalah kesinambungan dan juga mengalami perubahan-perubahan. Oleh itu, perubahan-perubahan yang berlaku dalam sesuatu bahasa itu biasanya perubahan dari aspek sebutan, leksikal, semantik, morfologi dan sintaksis. Secara umumnya setiap perubahan yang berlaku dapat dilihat dari dua sudut utama, iaitu perubahan bahasa dari dalam dan perubahan bahasa dari luar. Jika perubahan itu berlaku dari dalam, maka ini dapat dilihat dari aspek sikap penutur-penutur sesuatu bahasa.

Dalam kata lain, perubahan bahasa dari dalam itu sangat berhubung kait dengan aspek kehidupan sosial dan kebudayaan penutur-penutur atau pengguna-pengguna sesuatu bahasa. Namun demikian, setiap perubahan yang berlaku tidaklah berlaku secara drastis walaupun bahasa itu bersifat dinamik. Sebaliknya perubahan sesuatu bahasa itu berlaku secara berevolusi yakni memakan waktu yang sangat panjang, adakalanya beribu-ribu tahun lamanya.

Walaupun bagaimanapun perubahan-perubahan sesuatu bahasa itu, secara nyata adalah kerana (a) terdapat unsur-unsur baru, penambahan atau peminjaman dari sesuatu bahasa yang lain yang kemudiannya meresap ke dalam bahasa yang lain pula, (b) terdapat unsur-unsur bahasa yang menghilang atau tidak digunakan lagi dan (c) terdapat juga unsur-unsur bahasa yang dipertahankan atau dikekalkan. Pada dasarnya, unsur-unsur yang berubah itu adalah dari aspek bahasa seperti aspek sebutan, leksikal, semantik, morfologi dan sintaksis.

Setiap perubahan bahasa itu dapat dibuktikan dengan menggunakan bahan-bahan atau data-data linguistik yang dikumpulkan dan direkodkan. Bahan-bahan atau data-data linguistik itu biasanya berupa inkripsi-inkripsi atau batu-batu bersurat, catatan-catatan, laporan-laporan dan tulisan-tulisan lama termasuklah karya sastera seperti hikayat, syair dan sebagainya. Bahan-bahan atau data-data linguistik ini pula boleh diklasifikasi secara saintifik bagi mengukur umur bahan-bahan atau data-data tersebut. Umpamanya inkripsi atau batu bersurat di Kedukan Bukit yang dianggap wujud pada zaman Melayu Kuno iaitu sekitar tahun 683, Talang Tuwa pada tahun 684, Kota Kapur dalam tahun 686 dan di Karang Berahi pada tahun 686. Kesemua batu-batu bersurat ini merupakan bukti konkrit dan dapat memperlihatkan wujudnya perbezaan atau persamaan kosakata pada zaman Melayu Kuno dan pada masa

kini.

Pada kebiasaannya para pengkaji dan sarjana akan menemukan unsur perubahan sesuatu bahasa yang pelbagai dari periodisasi atau kontinum masa yang berlainan. Sebagai contoh pada batu bersurat di Talang Tuwo terdapat unsur-unsur bahasa yang dipertahankan atau dikekalkan dan ada unsur-unsur bahasa yang mengalami penghilangan. Unsur-unsur yang dipertahankan atau dikekalkan sehingga pada masa ini adalah seperti kosakata antara, jangan, jalan yang, temu, dua, sepuluh, ratus, seribu, kala dan sebagainya. Manakala unsur-unsur penghilangan pula adalah seperti penggunaan imbuhan 'ma' dan 'ni' yang bersamaan dengan imbuhan 'ber' dan 'di' dalam Bahasa Melayu kini. Kata 'marlapas' dan 'marwuat' yang kita kenali pada hari ini sebagai 'berlepas' dan 'berbuat' sementara itu 'nipervuat' dan 'miminunya' pula dikenali sebagai 'diperbuat' dan 'diminumnya'.

Dari contoh-contoh tadi, secara tidak langsung dapat memperlihatkan kepada kita bahawa Bahasa Melayu Kuno dengan bahasa Melayu kini itu adalah berkesinambungan dan juga mengalami perubahan. Sungguhpun begitu, perubahan-perubahan itu masih lagi dalam bentuk yang sama, sama ada mempunyai ciri-ciri persamaan atau hampir sama dari segi sebutan mahupun dari segi kandungan semantiknya.

Berbalik kepada aspek perubahan, perubahan bahasa dari aspek luaran adalah agak cepat berbanding daripada proses perubahan bahasa dari aspek dalaman. Dari aspek luaran, perubahan sesuatu bahasa yang amat ketara adalah perubahan yang diimplikasikan oleh penerimaan unsur-unsur baru ke dalam sesuatu bahasa. Ini adalah akibat dari pertembungan kebudayaan atau dari pengaruh asing. Pada dasarnya aspek pengaruh luaran yang mengimpilikasikan sesuatu bahasa itu bersifat dinamik. Sifat kedinamikan sesuatu bahasa bukanlah suatu fenomena baru malahan menjadi ciri universal dalam kebanyakan bahasa-bahasa yang terdapat di dunia ini. Sebagai contoh, fenomena ini juga turut berlaku dalam perkembangan dan perubahan bahasa Melayu.

Akibat pengaruh bahasa asing atau pengaruh dari luar, kita dapati bahawa bahasa menjadi dinamik dan kosakata-kosakata asing telah turut menyumbangkan dan memperkayakan perbendaharaan kata (leksikal) bahasa Melayu. Sebagai contoh perbendaharaan kata bahasa Melayu kini yang terdapat banyak pengaruh bahasa asing seperti pengaruh dari bahasa Sanskrit, bahasa Arab dan bahasa Inggeris (beberapa bahasa yang lain).

Bagi memperlihatkan unsur-unsur baru atau penambahan yang terdapat dalam Bahasa Melayu boleh dilihat daripada contoh-contoh berikut.

(i) Bahasa Sanskrit - bangsa, cerita, duka, dosa, istana, laksana, emas, udara, seni, siswa, upacara, negara, perdana, putera, raja, sastera, jiwa dan lain-lain lagi.

(ii) Bahasa Arab - salat, zakat, ustaz, ustazah,

kitab, tabligh, zalim, ulama, baligh, khalwat, qada, qadar, wukuf, aurat dan lain-lain lagi.

(iii) Bahasa Inggeris - kartun, vitamin, filem, forum, bonus, telefon, televisyen, radio, pensil, dialog, aiskrim dan lain-lain lagi.

Kebanyakan bentuk leksikal itu telah diteirna dan menjadi sebahagian dari perbendaharaan kata-bahasa Melayu kini. Oleh yang demikian, perubahan bahasa yang menerima unsur-unsur baru ini menjadikan bahasa Melayu kini sentiasa berkembang atau dinamik. Jika sesuatu bahasa itu dinamik dan sentiasa digunakan oleh pengguna atau penutur bahasa sudah pasti bahasa itu tidak 'mati', sebagaimana terjadi terhadap beberapa bahasa seperti Bahasa Latin, Bahasa Greek dan Bahasa Hawaii.

Dalam memperkatakan kesinambungan dan perubahan bahasa yang merupakan kajian dalam linguistik historis, sudah tentu memerlukan suatu pendekatan bagi menelusuri bagaimana sesuatu bahasa sedemikian keadaannya.

Pada dasarnya linguistik historis akan menggunakan pendekatan bagi mendapatkan rumusan bagi sesuatu kajiannya.

Diantara pendekatan yang digunakan dalam linguistik historis adalah pendekatan yang dikenali sebagai linguistik komparatif. Linguistik komparatif merupakan salah satu cabang ilmu linguistik yang bertujuan (a) membandingkan di antara dua bahasa yang serumpun atau mempunyai hubungan kekeluargaan atau kekerabatan melalui melihat persamaan atau hampir sama, sama ada dari aspek sebutan, leksikal, semantik, morfologi dan sintaksis; (b) menentukan darjah kekerabatan atau kekeluargaan di antara bahasa-bahasa yang dikaji; (c) menentukan tanah asal bahasa dan (d) melakukan rekonstruksi atau membina semula aspek-aspek bahasa.

Kebanyakan sarjana dan pengkaji linguistik historis menggabungkan kedua-dua cabang ilmu ini sehingga dikenali juga sebagai linguistik historis komparatif kerana kedua-dua bidang ilmu ini sangat berkait rapat dan pada dasarnya linguistik historis sangat memerlukan linguistik komparatif.

Linguistik komparatif melakukan rekonstruksi terhadap sesuatu bahasa yang dikaji berdasarkan dari perspektif diakronik atau kajian yang bersifat vertikal. Kajian dari perspektif diakronik merupakan kajian yang mengkaji bahasa dari suatu zaman yang berbeza-beza. Kajian yang bersifat vertikal ini adalah berlainan dengan kajian yang bersifat horizontal atau dikenali juga sebagai perspektif sinkronis. Kajian yang bersifat sinkronis merupakan suatu kajian yang sesuai digunakan untuk mengkaji dua bahasa yang berlainan pada suatu masa yang sama. Umpamanya mengkaji di antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris.

Linguistik komparatif sangat diperlukan untuk merekonstruksi fenomena-fenomena yang dihadapi dalam linguistik historis. Umpamanya dalam melihat wujudnya konsep hubungan kekeluargaan atau ke-


kerabatan di antara bahasa dengan bahasa yang lain.

Sebagaimana konsep kekeluargaan dan kekerabatan manusia, bahasa juga mempunyai hubungan kekeluargaan dan kekerabatan yang sudah tentu mempunyai induk bahasa. Dari bahasa induk akan memancarkan 'anak bahasa' atau bahasa turunan.

Menurut Asmah Hj. Omar, dalam satu keluarga bahasa adanya induk bahasa yang dianggap sbagai moyang bahasa atau bahasa tertua. Untuk mengetahui bahasa induk, para pengkaji dan sarjana biasanya melakukan rekonstruksi bagi memperihatkan wujudnya perhubungan di antara sesuatu bahasa dan beberapa bahasa yang lain. Rekonstruksi bahasa boleh dilakukan dengan dua cara sama ada rekonstruksi luaran dan juga rekonstruksi dalaman.

Rekonstruksi luaran merupakan suatu rekonstruksi yang digunakan pada aras yang tinggi. Rekonstruksi luaran juga mengkaji hubungan sejarah sesuatu dan beberapa bahasa dari satu bahasa induk atau bahasa proto. Sebagai contoh, bahasa induk (parent-language) yang boleh memancarkan bahasa-bahasa turunan (daughter language). Bahasa-bahasa turunan ini biasanya berkembang dan terpisah melalui jarak geografi dan jarak masa. Akibat dari itu, di antara suatu bahasa atau beberapa bahasa akan terpisah-pisah dari induknya.

Sesuatu bahasa yang terpisah biasanya akan mengalami perubahan dan boleh sahaja berubah menjadi dialek. Jika fenomena ini berterusan, dialek-dialek itu pula akan menjadi bahasa yang berlainan. Fenomena ini dapat digambarkan melalui Rajah 1:



RAJAH 1

Berdasarkan contoh di atas, dapat kita mengandaikan bahawa bahasa A boleh sahaja sebagai bahasa induk atau bahasa proto bagi bahasa B, C dan D. Manakala bahasa B, C dan D merupakan bahasa turunan bagi A. Setiap bahasa B, C dan D pula akan berkembang dan memancarkan dialek-dialek E, F, G, H, I, J, K, L dan M.

Bersambung



GAMBAR HIASAN ... Sesuatu bahasa berkesinambungan dan mengalami perubahan sama ada dalam aspek sebutan, leksikal, semantik, morfologi, mahupun sintaksis disebabkan faktor dalaman atau faktor luaran.

KESABARAN MEMANTAPKAN KEIMANAN

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa kerana dengan bertakwa kita akan mendapat lindungan dan inayah Allah Subhanahu Wataala dengan menunaikan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

Hidup di dunia ini tidak pernah sunyi daripada perkara-perkara kebaikan dan keburukan. Ini kerana perkara-perkara tersebut tabiat kehidupan serta tabiat manusia itu sendiri. Perkara ini jelas apabila kita menyaksikan seorang manusia itu menerima kesakitan pada dirinya, kecelakaan pada tubuh badannya, kehilangan orang yang disayangi, kerugian harta benda, kepincangan hidup dengan secara tiba-tiba. Inilah apa yang ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wataala mengenai kepastian perkara tersebut di mana Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 hingga 156 yang tafsirnya:

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut kepada musuh dan dengan merasai kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar iaitu orang-orang yang bilamana ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

Bertolak dari hal ini, banyak kita dapati firman-firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Quran yang memerintahkan kepada orang-orang mukmin supaya bersabar dan menyebutkan darjat orang yang sabar serta penjelasan kedudukan mereka di kalangan orang yang beriman dan bertakwa. Mereka adalah orang-orang yang berjaya dengan mendapat balasan Syurga dan terselamat dari api Neraka.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 200 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkeabajikan dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan dan bersedialah dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya mencapai kemenangan."

Sebenarnya kalimah sabar merupakan ungkapan yang amat lumrah diperkatakan orang dan boleh kita katakan setiap lapisan masyarakat mengenali perkataan ini. Walaupun begitu tidak semua orang mengetahui pengertian dan hakikat sabar itu lebih-lebih lagi berhubungan

dengan konsep dan matlamatnya.


Sabar merupakan sebesar-besar akhlak Al-Quran yang mana kita sebagai orang Islam dikehendaki berakhlak dengannya. Dalam satu hadis sahih, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Tidaklah sesuatu yang menimpa seseorang Muslim dari susah hati dukacita, penat dan penyakit yang berterusan, tidak pula dengan kesedihan dan kesakitan bahkan gangguan berupa duri melainkan semua kejadian ini akan berupa penebus dosanya."

Maka dari sini kita mengetahui bahawa ujian-ujian Allah Subhanahu Wataala yang ditujukan kepada orang mukmin itu yang disertai dengan sifat sabar adalah satu petanda kemantapan iman bagi orang mukmin yang sejati, di mana ujian itu mendidik keyakinan mereka serta membersihkan apa yang ada di dalam hati mereka (sifat yang tidak baik) agar mereka itu akan matang (masak) dengan ujian itu.

Tidak dinafikan bahawa kesabaran itu satu sifat yang bukan mudah untuk dilakukan lebih-lebih lagi apabila kesabaran itu bersangkut paut dengan kematian, kehilangan harta benda dan segala apa yang diingini oleh tabiat yang didorongi hawa nafsu.

Maka di dalam menghadapi kepayahan dalam bersabar dan kesukaran ke atas jiwa yang menanggungnya, Al-Quran telah menyarankan beberapa perkara yang dapat menolong kepada kesabaran dan memberikan keringanan kepada jiwa. Dan ke arah itu yang paling hampir ialah dengan mengenali tabiat kehidupan di dunia bahawa hidup di dunia ini bukanlah Syurga kerana ia penuh dengan ujian dan beban tanggungjawab (kewajip-



"WAHAI orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkeabajikan dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan dan bersedialah dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya mencapai kemenangan."

an) dan bekal untuk menuju kehidupan kekal abadi di akhirat kelak.

Di antaranya lagi perkara yang menolong kepada kesabaran itu ialah mengenal diri sendiri bahawa dirinya dan segala kenikmatan di dunia ini adalah milik Allah Sub-

hanhu Wataala dan semua itu hanya dipinjamkan kepada hamba-Nya. Apabila ditimpa suatu yang bersifat negatif kepada dirinya ataupun apa yang dimilikinya, itu diumpamakan mengembalikan perkara yang dipinjam kepada tuan yang empunya.

Perlu juga ditingkatkan di dalam jiwa orang sabar itu keyakinan dengan balasan yang baik di sisi Allah dan yakin dengan kejayaan. Kepada mereka yang sabar itu digantikan dengan sebaik-baik gantian hasil dari kesabaran mereka. Begitulah juga yakin bahawa kematangan yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala itu amatlah hampir dan kelapangan pasti tiba selepas kesempitan.

Dan akhir sekali iaitu yang lebih penting ialah memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wataala dan berlindung dengan pemeliharaan-Nya dengan sabar kerana Allah

Subhanahu Wataala yang menurunkan ujian itu dan Dia juga yang mengangkanya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 127 yang tafsirnya:

"Mintalah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah. Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah, diwariskan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari hamba-hamba-Nya."

Sebenarnya banyak lagi perkara-perkara yang dapat menolong kesabaran di mana kesudahan dan kemenangan yang baik telah terbukti melalui kisah-kisah para Rasul dan sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bahkan ujian-ujian yang menimpa mereka itu bersangatan dahsyatnya dan kepayahannya tetapi semua itu dapat dirintangi oleh mereka dengan kesabaran dan takwa di mana kesudahan yang baik juga yang mengakhiri.

وقت سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دايرو بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 18 شوال، 1422 برسان 2 جينوري، 2002 هينگ كهاري ثلاث، 24 شوال، 1422 برسان 8 جينوري، 2002 اداله سمرت دبارو اين :-

هجرة	ظهر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
شوال									جينوري
18	12.25	3.47	6.20	7.35	4.56	5.06	6.28	6.53	2
19	12.26	3.48	6.20	7.35	4.56	5.06	6.28	6.54	3
20	12.26	3.48	6.21	7.35	4.57	5.07	6.29	6.54	4
21	12.27	3.49	6.21	7.36	4.57	5.07	6.29	6.54	5
22	12.27	3.49	6.22	7.36	4.58	5.08	6.30	6.55	6
23	12.28	3.50	6.22	7.37	4.58	5.08	6.30	6.55	7
24	12.28	3.50	6.23	7.37	4.58	5.08	6.30	6.56	8

وقت ۲ سبهيغ باكي دايرو توتونغ دجه ساتو مينيت دان دايرو بلايت دجه نيگ مينيت، سبهيغ فرض جعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تهايري.

SEMBAHYANG WITIR

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihi Wasabbihi Waman Walah.

BILAKAH QUNUT SEMBAHYANG WITIR?

MENURUT pendapat yang sah sunat membaca Doa Qunut Witir khusus pada pertengahan akhir bulan Ramadan iaitu bermula daripada 16 hari bulan sehingga akhir Ramadan. Doa itu dibaca selepas bangkit daripada rukuk dan di akhir rakaat sembahyang jika dikerjakan lebih dari satu rakaat Sembahyang Witir. Adapun jika seseorang itu hanya mengerjakan Sembahyang Witir satu rakaat, maka bacalah Doa Qunut itu pada rakaat tersebut.

Doa Qunut Witir sama bacaannya dengan Doa Qunut Subuh akan tetapi sunat digabungkan doa itu dengan Qunut Sayidina 'Umar Radiallahuanhu iaitu yang ertinya:

"Ya Allah, sesungguhnya kami mohon pertolongan-Mu, kami mohon pengampunan-Mu, kami mohon petunjuk-Mu, kami beribadat dengan-Mu, kami berserah kepada-Mu, kami memuja-Mu dengan kebaikan semuanya, kami bersyukur dan kami tidak ingkar terhadap-Mu, kami buang dan tinggalkan sesiapa yang derhaka kepada-Mu.

Ya Allah, Engkaulah yang kami sembah, dan kepada-Mu kami tunaikan sembahyang dan melakukan sujud, kepada-Mu kami bersegera dan bergegas untuk berkhidmat,

kami harapkan rahmat-Mu, kami takut kepada azab-Mu. Sesungguhnya azab-Mu adalah terlalu amat dahsyat dan ianya menimpa atas orang-orang kafir.

Ya Allah, azabkanlah orang kafir ahli kitab yang menghalang kami daripada mengikuti jalan-Mu dan mereka yang mendustakan Rasul-rasul-Mu serta membunuh pengikut-pengikut-Mu.

Ya Allah, ampunilah orang-orang Mukmin, Mukminat, Muslimin dan Muslimat. Perbaikilah perhubungan di kalangan sesama mereka, jinakilah hati-hati mereka serta jadikan dalam hati-hati mereka itu iman dan hikmah, teguhkanlah mereka di dalam agama Rasul-Mu, kurniakanlah kepada mereka kekuatan untuk menyempurnakan janji-Mu yang Engkau perintahkan mereka untuk menunaikannya, tolonglah mereka terhadap musuh-Mu dan musuh mereka, Wahai Tuhan Yang Maha Benar, jadikanlah kami daripada mereka (orang-orang yang Engkau redai).

Menurut Ar-Ruyani, berkata Ibnu Al-Qas ditambah dalam Qunut itu doa yang terkandung dalam Surah Al-Baqarah iaitu yang tafsirnya:

"Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebaskan kepada kami beban yang berat seba-

gaimana Engkau bebaskan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kami, ampunilah kami, dan rahmatilah kami. Engkaulah penolong kami maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir." (Surah Al-Baqarah: 286).

Dalam hal Doa Qunut Subuh dan doa Sayidina 'Umar ini, manakah yang afdal diutamakan? Menurut Imam An-Nawawi bacaan Doa Qunut Subuh itu adalah lebih afdal diutamakan berbanding dengan doa Sayidina 'Umar, kerana Doa Qunut Subuh itu sabit daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (Rahudhah At-Thalibin: 1/329-330).

Apabila seorang itu meninggalkan bacaan Doa Qunut Witir pada separuh akhir Ramadan sama ada dengan sengaja atau terlupa, nescaya disunatkan baginya untuk melakukan Sujud Sahwi.

Namun jika seseorang itu membaca Doa Qunut pada selain separuh terakhir Ramadan serta tidak lama beriktidal di dalam sembahyang witir, maka makruh hukumnya dan disunatkan pula ke atasnya untuk melakukan Sujud Sahwi kerana membaca Doa Qunut bukan pada tempatnya yang disunatkan. Adapun jika lama dia beriktidal dengan sengaja dan tahu ia haram maka

Bilangan 130 Bahagian Akhir

batal sembahyangnya, jika ianya tidak mengetahui yang itu haram, maka tidak batal sembahyang dan disunatkan melakukan Sujud Sahwi. (Mughni Al-Muhtaj: 1/305).

BOLEHKAH SEMBAHYANG WITIR DENGAN BERJEMAAH?

Di antara sembahyang sembahyang sunat yang tidak disunatkan berjemaa itu ialah Sembahyang Witir. Akan tetapi Sembahyang Witir itu disunatkan berjemaa hanya khusus pada bulan Ramadan sahaja. Ini kerana Sembahyang Tarawih disunatkan berjemaa di dalamnya demikian juga dengan Sembahyang Witir.

MENGQADA SEMBAHYANG WITIR

Sembahyang Witir itu termasuk di dalam Sembahyang sembahyang Sunat yang berwaktu seperti Sembahyang Duha, Hari Raya, rawatib seperti sembahyang sunat Zuhur dan sebagainya. Dalam hal ini menurut qaul jadid adalah disunatkan mengqada Sembahyang Witir yang telah pun luput daripada waktunya sebagaimana mengqada sembahyang fardu. (Majmuk: 4/43/44) Mereka berdalilkan dengan hadis-hadis yang shahih di antaranya, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sesiapa tidak sembahyang dua rakaat fajar sehingga terbit matahari

maka sembahyanglah." (Hadis riwayat Baihaqi).

Sabda Baginda lagi yang maksudnya:

"Sesiapa yang tidur atau lupa mengerjakan Sembahyang Witir maka sembahyanglah apabila dia ingatkannya." (Hadis riwayat Abu Daud).


BOLEHKAH SEMBAHYANG SUNAT LAIN SELEPAS WITIR

Apabila seseorang itu sudah mengerjakan Sembahyang Witir, kemudian dia hendak mengerjakan sembahyang sunat yang lainnya seperti sunat tahajjud, hukumnya adalah harus dan tidak makruh perbuatannya itu. Akan tetapi bolehkah dia mengulangi Sembahyang Witirnya itu? Dalam hal ini, Sembahyang Witirnya yang awal itu tidak terhapus. Oleh yang demikian janganlah diulangi Sembahyang Witirnya itu, akan tetapi bolehlah dia mengerjakan apa saja sembahyang yang syaf'an (genap) jika dia mahu. (Majmuk: 4/22, 32).

Dalam sebuah hadis Thaqib bin 'Ali daripada ayahnya berkata yang maksudnya: "Saya pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tiada dua Witir dalam satu malam." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

PENUTUP

Sembahyang Witir itu bukan hanya disunatkan pada bulan Ramadan sahaja. Bahkan ianya disu-



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

natkan selain bulan Ramadan. Dalam makna yang lain, ia sunat dikerjakan pada setiap malam tidak mengira sama ada pada bulan Ramadan atau di bulan-bulan yang lain.

Ianya mempunyai fadilat-fadilat tertentu sehinggakan sembahyang ini menjadi wajib ke atas diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berdasarkan hadis yang disebutkan sebelum ini. Di antara fadilat-fadilat Sembahyang Witir itu, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sesungguhnya Allah 'Azawajalla telah menambahkan bagi kamu satu sembahyang, iaitu lebih baik untuk kamu daripada humrin ni'am (semulia-mulia harta di sisi orang-orang Arab), itulah Sembahyang Witir. Allah jadikannya (Sembahyang Witir) untuk kamu di antara Isyak hingga terbit fajar." (Hadis riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan Tirmidzi).

Ibnu 'Umar Radiallahuanhuma pernah men-

dengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang mengerjakan Sembahyang Duha, berpuasa tiga hari daripada sebulan dan tidak pernah meninggalkan Sembahyang Witir sama ada dalam perjalanan dan bermuqim, dicatat baginya pahala orang syahid." (Hadis riwayat At-Thabarani).

Oleh yang demikian sayugia jangan ditinggalkan Sembahyang Witir itu, kerjakanlah walaupun hanya sedikit rakaatnya akan tetapi berterusan, kerana amalan yang berterusan walaupun sedikit adalah perkara yang disukai oleh Allah Subhanahu Wataala. Sebagaimana di dalam hadis 'Aisyah Radiallahuanhu berkata yang maksudnya:

Ditanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tentang amalan-amalan yang disukai oleh Allah. Baginda bersabda: "Amalan yang berterusan walaupun sedikit." (Hadis riwayat Bukhari).

ISLAM CARA HIDUP YANG LENGKAP

ISLAM adalah Ad-Deen dan cara hidup yang lengkap, mengangkat martabat manusia dan menyelamatkan dari lembah kehinaan, kejahilan, keruntuhan akhlak, kejahatan, penindasan dan sebagainya. Islam yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sudah lengkap dan sempurna, tidak ada lagi yang tertinggal ataupun yang tercacir.

"Pada hari ini telah aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Aku redai Islam itu sebagai agama bagimu," tafsiran Surah Al-Ma-aidah ayat 3. Al-Quran adalah Wahyu Allah yang diturunkan ke atas Kekasih dan Rasul-Nya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dijadikan sebagai perlembagaan 'dustur' kepada manusia khususnya kepada

umat Islam. Allah menjadikan, memerintahkan dan menegah sesuatu pasti ada sebab dan hikmahnya yang hanya diketahui oleh-Nya, ilmu-Nya Maha Luas tidak terbatas, begitulah halnya dengan syariat Islam yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wataala adalah bertujuan untuk menjaga lima perkara: Akal: maka diharamkan arak, Agama: maka diharamkan murtad, Keturunan: maka diharamkan zina, Harta: maka ditegah mencuri dan Nyawa: maka dilarang membunuh tanpa hak dan sebagainya. Allah Maha Adil ke atas setiap hamba-Nya. Dia tidak menzalimi bahkan manusia sendirilah yang telah menzalimi diri mereka sendiri.

Segala hukum-hukum yang terdapat di dalam syariat Islam bukan bertujuan untuk menyusahkan atau menindas mana-mana golongan dan tidak memihak kepada siapa-siapa, tidak memandang kepada

kedudukan, pangkat dan keturunan, semuanya tunduk, patuh dan taat kepada hukum Allah; yang halal tetap halal, yang haram tetap haram, tidak boleh hari ini sesuatu yang haram tetapi pada esoknya ia menjadi halal dan dibenarkan, dengan alasan mengikut peredaran masa atau kehendak zaman dan tempat, yang hak tetap hak, yang batil tetap batil tidak boleh diubah kepada hak, yang dizalimi harus dibela dan yang bersalah berhak dihukum.

Islam meletakkan satu-satu hukum dan peraturan itu adalah semata-mata untuk kemashalatan manusia itu sendiri, hanya orang yang tidak beriman dan yang terlalu mengikut hawa nafsu atau yang menjadi hamba nafsu sahajalah yang akan merasakan tertindas dan terkongkong dan yang paling bahaya lagi ada suara lantang berani mengatakan 'tidak adil dan menyekat kebebasan' sehinggakan berani mencabar dan melanggar hukum Allah. Kita ambil satu contoh yang dekat yang dapat dilihat di dalam kehidupan seharian, seperti seseorang yang dilarang merokok akan terasa terkejut dengan larangan tersebut, tetapi bagi yang mengetahui akan bahayanya terhadap kesihatan, maka ia dengan rela hati menurutinya tanpa rasa tertindas atau tertekan. Begitulah orang-orang yang beriman, ia tidak akan merasa terkongkong dan tertindas, mereka taat dan percaya serta yakin bahawa apa yang Allah suruh dan larang pastinya untuk kebaikan dan mereka takut untuk melakukan sesuatu yang boleh mengundang kemurkaan Allah.

Di arus zaman kemajuan dan kecanggihan teknologi, manusia terlalu ghairah untuk mengejar kemajuan tersebut. Islam tidak menegah dan meng-

halang kemajuan ataupun kecanggihan tersebut asal tidak lupa 'asal' kita, dari mana kita datang dan kepada siapakah kita akan kembali? Dan jangan lalai dengan amanah bumi Allah (Surah Huud ayat 61), kemajuan tersebut biarlah seimbang, jangan sampai kerana terlalu asyik mengejar kemajuan dan kecanggihan teknologi dan pembangunan material, kemajuan dari segi keimanan terabaikan kerana iman itu boleh berkurang dan bertambah, di samping itu juga pembangunan 'Sah-siah Kamilah' jangan dilupakan dan yang paling dibimbangkan 'agama, maruah dan nilai-nilai kemanusiaan terdaga'. Apa yang dimahu ialah kemajuan yang membawa kepada kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat: "Dan janganlah kamu menukarkan ayat-ayat-Ku dengan harga yang rendah, dan hanya kepada Akulah kamu harus bertakwa,"



maksud Surah Al-Baqarah ayat 41.

Kita sebagai umat Islam yang dipilih Allah sebagai sebaik-baik umat perlu berhati-hati dan beringat-ingat dengan gerakan golongan yang anti Islam yang sudah bermula sejak zaman Rasulullah lagi, cuma bezanya sekarang ini gerakan tersebut begitu halus dan licik sehingga kita tidak merasakan sesuatu 'perubahan' sedang berlaku, yang buruk sudah dihisap menjadi baik dan elok, kemungkar digubah menjadi kebajikan dan kebaikan, kemungkaran sudah bercampur baur dengan kebajikan, manakala

kebaikan yang hakiki sudah diconteng sehingga ia dianggap satu kelemahan dan kemunduran, yang haram dihalalkan dan yang halal dipandang serong. Ini adalah 'usaha gigih' musuh-musuh Islam yang dipelopori oleh Yahudi dan Nasrani serta dibantu oleh musuh Islam nombor satu iaitu Iblis La'natullah, musuh yang nyata, cuma manusia dibutakan oleh nafsu semata. "Dan syaitan telah menjadikan mereka memandang indah perbuatan-perbuatan mereka lalu menghalangi mereka dari jalan Allah, sehingga mereka tidak dapat petunjuk," maksud Surah An-An'aam, ayat 24.

Institusi raja dan rakyat terus kukuh

Oleh Haji Jaafar HI

SISTEM pemerintahan beraja yang kita amalkan selama ini telah berfungsi sebaiknya sejak sekian lama, bukan sahaja kukuh malahan juga telah berjaya membawa kebajikan dan kesejahteraan dan keharmonian kepada rakyat dan keseluruhannya. Dari apa yang terbukti itu, kita mempunyai keyakinan bahawa sistem pemerintahan beraja itu adalah suatu jaminan mutlak bagi kehidupan berbangsa dan bernegara dan unggul. Kita penuh optimis dengan mengamalkan sistem pemerintahan sedemikian. Negara Brunei Darussalam yang bertuah ini terus menempa kejayaan yang lebih gilang-gemilang di masa-masa akan datang bagi kesinambungan generasi-generasi kita.

Di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pelbagai kemajuan cemerlang telah dapat dicapai dalam semua bidang, baik di bidang politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan agama mahupun pembangunan sosial. Tegasnya di bawah pemerintahan baginda yang adil dan bijaksana itu telah berjaya

membawa negara kita ke arena kemajuan dalam semua bidang yang membolehkan rakyat dan penduduk hidup dalam keadaan aman damai sebagai mana yang dinikmati sekarang.

Semua kemajuan cemerlang dan pembangunan pesat yang kita nikmati itu adalah juga hasil daripada kekuatan dan kesepaduan antara institusi raja dan rakyat yang telah berakar umbi sejak sekian lama di bumi darussalam ini. Kesetiaan rakyat kepada kepimpinan baginda juga merupakan satu lagi faktor yang mendorong ke arah semua itu. Rakyat taat dan setia serta sentiasa menjunjung, mendukung dan memberikan kerjasama yang padu kepada cita-cita murni baginda untuk membangunkan negara. Rakyat memberikan kerjasama dan komitmen sepenuhnya kepada kerajaan baginda dalam mempertingkatkan lagi kemajuan dan pembangunan negara.

Bukti dan pemedulian serta kasih sayang baginda dalam pemerintahan tampak negara dapat dilihat dengan jelas dan nyata di mana-mana jua di seluruh negara, sama ada dari kemudahan yang disediakan oleh kerajaan baginda ataupun penglibatan baginda sendiri secara langsung dalam sesuatu projek atau aktiviti yang dijalankan. Contoh yang paling jelas



BERKESEMPATAN menjunjung ziarah dan mengucapkan Selamat Hari Raya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain di Istana Nurul Iman adalah konsep ziarah-menziarahi yang berlangsung dalam suasana mesra dan kemeriahan, membuktikan bahawa sistem pemerintahan beraja melalui kepimpinan dari singgahsana membawa kegemilangan kepada Negara Brunei Darussalam.

ialah dalam Rancangan Perumahan Negara, baginda sendiri setiap kali berangkat bercemar duli dan mengurniakan kunci-kunci rumah dan juga berkesudian berangkat mengunjungi rumah-rumah berke-naan. Perhatian dan pemedulian baginda terus terserlah dengan keberangkatan baginda ke mukim-mukim dan kampung-kampung di negara ini. Sesungguhnya, keakraban institusi raja dan rakyat itulah yang telah membawa negara ini

ke mercu kejayaan dan kegemilangan.

Contoh yang paling ketara, kepentingan negara dan rakyat lebih diutamakan oleh kerajaan baginda ialah penggunaan hasil-mahsul negara diagih-agihkan sebegitu rupa untuk dapat dinikmati oleh setiap lapisan rakyat dan penduduk. Skim pendidikan dan kesihatan diberikan secara percuma, bantuan subsidi bagi makanan keperluan harian seperti beras dan gula, pembahagian

tanah kepada rakyat jati, skim perumahan negara dan ketiadaan cukup pendapatan. Pelbagai lagi skim yang telah dan sedang atau akan dijalankan oleh kerajaan baginda yang semata-mata bagi kesenangan dan kesejahteraan rakyat jua.

Sempena Hari Raya Aidilfitri yang mulia tahun ini, seluruh rakyat dan penduduk, telah berkesempatan sekali lagi untuk menjunjung ziarah dan mengucapkan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat diraja di Istana Nurul Iman selama tiga hari. Sesungguhnya kesempatan ini tidak dilepaskan oleh rakyat dan penduduk untuk bersemuka dan berinteraksi bersama baginda.

Kesempatan Berhari Raya di Istana Nurul Iman sememangnya menjadi tradisi yang telah berjalan sejak sekian lama di bumi

Brunei Darussalam. Dan kesempatan ini sering ditunggu-tunggu oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk daripada peringkat kanak-kanak damit, remaja, belia, orang dewasa hingga membawa kepada orang-orang tua. Masing-masing mereka mahu bersalaman dan junjung ziarah ke hadapan majlis baginda. Konsep ziarah-menziarahi yang berlangsung dalam suasana mesra dan kemeriahan itu telah menguatkan lagi institusi raja dan rakyat yang diamalkan selama ini. Ini juga membuktikan bahawa sistem pemerintahan beraja melalui kepimpinan dari singgahsana itu telah membawa keberkatan kepada Negara Brunei Darussalam.

Sesungguhnya, institusi raja dan rakyat terus terpancar dan subur murni. Kemesraan antara raja dan rakyat terus terserlah selama tiga hari Istana Nurul Iman dibuka untuk kunjungan orang ramai. Baginda dengan penuh riang gembira menghulurkan tangan untuk diziarahi sambil itu baginda juga sempat berinteraksi dan bertanyakan sesuatu. Sambil itu setiap lapisan rakyat dengan penuh taat setia berziarah dan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Kesemua ini melambangkan betapa kukuh dan padunya institusi raja dan rakyat.

Rata-rata mereka yang ditemui melahirkan rasa syukur kerana berkesempatan untuk menjunjung ziarah dan mengucapkan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis baginda dan kerabat-kerabat diraja.

Sebagai kesimpulan, kemajuan dan pembangunan cemerlang yang kita nikmati itu berkat pemerintahan beraja yang diwarisi sejak zaman-berzaman yang telah berhasil menciptakan kebahagiaan dan keunggulan untuk negara kita yang tercinta ini. Jika diteliti dan diperhatikan dengan jujur, semua itu membuktikan bahawa sistem pemerintahan yang kita amalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama adalah kukuh, malahan telah membawa kepada kebajikan rakyat dan negara. Semogalah institusi raja dan rakyat itu akan terus kukuh dan padu dalam kita sama-sama mengharungi kehidupan yang penuh mencabar dan menempatkan Negara Brunei Darussalam terus di ambang kejayaan dan kemakmuran.



BERAMAI-RAMAI menjunjung ziarah ke Istana Nurul Iman menjadi tradisi yang telah berjalan sejak sekian lama di bumi Brunei Darussalam dan memang ditunggu-tunggu oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk dari semua peringkat.



MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

BERAZAM UNTUK KEHIDUPAN LEBIH BERKUALITI

TAHUN merupakan urutan masa menurut kiraan bulanan, minggu dan hari dalam masa dua belas bulan untuk menamatkan dalam masa satu tahun. Setiap insan akan menunggu kedatangan tahun baru, kerana mereka boleh menanamkan azam di tahun baru dengan penuh bersemangat dan proaktif. Kedatangan tahun baru sudah menjadi kebiasaan namun ada orang tak sedar kedatangan tahun baru kerana terlalu sibuk mengejar kemewahan dunia.

Dalam kalendar Islam kita selalunya mengikut tahun Hijrah dan kita mengikut tahun Masihi dan kalau orang Cina pula ada tahun mereka sendiri. Itulah perbezaan di antara tahun-tahun yang ditunggu-tunggu oleh setiap orang.

Di tahun baru hendaklah kita menanamkan sifat yang lebih proaktif bagi membimbing diri kita di dalam kehidupan, lebih-lebih lagi di zaman pasca siber yang penuh dengan sifat hidonisme yang boleh menggugat kestabilan kehidupan yang lebih baik.

Persiapan untuk menunaikan sebuah azam untuk menjadi sukses ialah jati diri kita sebagai orang Melayu biar dijadikan penangkis utama bagi memimpin kewibawaan azam kita di tahun baru. Peringkat utama ialah jati diri mesti dikukuhkan sebelum merealisasikan sebuah azam supaya kita sebagai orang Melayu Islam tidak akan terpengaruh dengan anasir-anasir buruk. Berpaksinya sistem globalisasi di dunia sekarang membuatkan kehidupan kita lebih mencabar dan bersaing untuk merealisasikan tujuan dan matlamat hidup. Azam yang akan menentukan konsepualisasi kita bagi mencapai tujuan sebenar tetapi kadangkala segelintir orang menanamkan azam hanya separuh jalan.

Ibu bapa juga orang yang bertanggungjawab untuk memberi dorongan. Memupuk dan memberi peringatan terhadap azam kerana anak-anak yang dididik menanamkan sifat azam dari sejak kecil lagi dengan berpaksikan jati diri kita sudah setentunya

menjadi realiti yang tidak diduga sehingga hasilnya masyarakat boleh merasa dan mengikut. Kadangkala mereka yang berazam dengan lebih proaktif berjaya dengan sungguh cemerlang dalam bidang masing-masing berbanding dengan orang menanamkan azam dengan lebih proaktif tetapi tidak berjaya. Ini disebabkan mereka tidak ikhlas dalam apa jua pekerjaan kadangkala mereka berkerja di waktu pejabat tetapi akhir datang dan awal balik sehingga wujudnya kemunduran dalam masyarakat kita.

Di samping itu guru juga pembimbing kedua dalam alam formal untuk menanamkan sifat berazam di kalangan pelajar dengan mewujudkan satu kejujuran dan kepercayaan yang mendalam dalam pergaulan pelajar di sekolah. Walaupun pendidikan di sekolah berpaksikan sistem sekularisme tetapi guru-guru tidak boleh mendidik mereka dengan kebanggaan memiliki sesuatu seperti kepandaian yang mereka miliki tetapi guru-guru

alpa untuk memeliharanya dengan baik menurut ajaran Islam.

Dalam mengatur strategi hidup untuk memupuk azam di tahun baru dengan lebih proaktif adalah mesti diaturkan secara dinamik. Asas-asas kehidupan dalam mengejar azam atau cita-cita mesti dipraktikkan. Di antara asas-asas yang perlu dalam kehidupan kita ialah keyakinan diri untuk lebih berkesan, keimanan untuk menangkis anasir-anasir buruk. Kejujuran untuk mengeratkan silaturahmi dan ketangkasan, keprihatinan atau kerajinan dalam membuat pekerjaan.

Kesimpulannya, azam merupakan wadah yang baik untuk mengubah suasana hidup yang baik menjadi lebih berkualiti kerana siapa yang menanamkan di jiwanya azam untuk merealisasikan matlamat maka itulah hidup dan mati yang berkualiti.

Muhammad Zafreen bin Muhd Said,
No. 18B, Kampong Sungai Kebun
BK 2325.
No.k/p: 294714

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Azam Tahun Baru Hendaklah Kita Lebih Proaktif. Bincangkan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

DI TAHUN BARU KITA PERLU LEBIH PROAKTIF

AZAM baru sering dikaitkan apabila menjelang tahun baru dengan apa yang kita ingin dan cita-citakan sudah tercapai atau sebaliknya, sama ada kita sebagai seorang pelajar, bekerja dalam bidang masing-masing atau tidak bekerja sekalipun, kita sepatutnya mempunyai azam dan mengharapkan sesuatu yang berbentuk kejayaan, kecemerlangan dan kepuasan untuk dinikmati hasilnya. Tanpa azam, tekad atau cita-cita, kita boleh dikatakan sebagai berangan-angan sahaja atau tidak mempunyai matlamat untuk dicapai dalam kehidupan ini.

Langkah terbaik melaksanakan apa juga bentuk azam di tahun baru ialah dengan berusaha dan bekerja kerana diri kita sendiri adalah jentera penggerak atau peralaksanaan yang menentukan kejayaannya. Selain itu, faktor-faktor perancangan, strategi, disiplin, kemahiran pengetahuan dan pengalaman dan pengorbanan masa dan tenaga turut menyumbang keberkesanan pelaksanaan sesuatu usaha atau pekerjaan itu. Manakala, membuat jangkaan akan keberhasilan sesuatu pekerjaan itu boleh dijadikan sebagai sukat-sukat dan penilaian hasil yang bakal diperolehi.

Azam baru juga dapat dilihat dari apa yang telah diperolehi tahun sebelumnya seperti membuat kajian dan bertanya mengapa kita tidak berhasil mencapai yang terbaik, atau kita tidak beroleh keuntungan dalam bidang perniagaan atau mungkin juga kerana matlamat kita tersasar dari yang dihasratkan. Dalam hubungan ini, perancangan dan strategi dapat menjadi garis pandu asas untuk kita terus berusaha dengan gigih. Sebagai contoh, kita berazam untuk menunaikan fardu haji pada satu masa nanti, dan selazimnya ia perlu diiringi dengan usaha dan pengorbanan seperti mengumpulkan sumber kewangan, persediaan dari kesihatan fizikal, mental dan rohani selain persediaan mengetahui cara mengerjakan-nya.

Di samping itu faktor pendorong, semangat dan motivasi juga memainkan peranan penting dalam membantu keberkesanan azam tahun baru kita. Melihat dan mengkaji contoh teladan dari orang-orang yang telah berjaya seperti dalam pelajaran, perniagaan atau dalam apa pun bidang kerjaya akan memudahkan lagi pendekatan dan cara kita menghadapi cabaran yang perlu dilak-

sanakan. Fikiran yang membina dan kreatif dapat digunakan secara proaktif kerana ia dapat memudahkan kelancaran dan keberkesanan pekerjaan itu sendiri seterusnya kejayaan dan hasilnya. Dalam usaha mencapai matlamat akan azam dan pekerjaan yang kita lakukan, kita juga perlu melihat kepentingan menjimatkan masa dan tenaga, hasil yang bermanfaat yang tidak semestinya banyak tetapi bermutu dan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Memberi keutamaan kepada perkara yang penting atau menyegerakan perkara yang memerlukan tindakan terlebih dahulu akan memudahkan cara bekerja kita dengan berkesan. Dikaitkan dengan azam, ia dapat membantu kita memilih perkara yang lebih bermanfaat dan beruntung untuk dilaksanakan. Membuat kerja dan usaha dengan bersungguh-sungguh dan penuh perhatian, berdisiplin serta doa kesempurnaan dapat menambah kebaikan, keyakinan dan keseronokan dalam usaha mencapai satu-satu matlamat atau azam kita.

Dalam hubungan ini, sebagai contoh satu organisasi dan diri kita memerlukan rekod kemajuan dan perkembangan semasa, di samping menyemak sebarang kelemahan, kekurangan dan kepincangan yang perlu diperbaiki. Contoh terbaik adalah Tekad Pemuduan Orang Ramai (TPOR) yang diusahakan oleh agensi-agensi tertentu adalah berupa azam untuk memenuhi keperluan dan kejayaannya dapat disaksikan dengan sambutan dan tindakan balas orang ramai sebagai cara menangani dan memperbaiki keadaan.

Kita melihat tugas dan tanggungjawab bekerja secara berpasukan mahupun secara individu sendiri mempunyai matlamat dan azam tersendiri untuk dicapai. Keberkesanan secara positif dari segi pelaksanaan perancangan strategi, kemahiran, disiplin, pengorbanan seluruh tenaga dan masa serta doa kejayaan akan membantu kita untuk mendapat apa yang kita hasratkan. Azam tahun baru atau dalam apa bentuk dapat disempurnakan seandainya ada perubahan akan sikap, prinsip, pendekatan, penilaian terhadap usaha dan pekerjaan yang kita lakukan, asal jangan tinggal azam sahaja.

Awang Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21G, Kampong Burong Pingai Ayer,
BM 1126.
No. k/p : 058132

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Memula dan Membentuk Alam Persekolahan Kanak-kanak - Bincangkan'. Tarikh tutup 5 Januari, 2001.

2. 'Peranan dan Sumbangan Negara Brunei Darussalam Dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Sejak Menyertai Pertubuhan Tersebut 15 Januari, 1984'. Tarikh tutup 12 Januari, 2002.

2. 'Bersama Menjaga Kemudahan Awam Yang Disediakan Kerajaan. Bincangkan Langkah-langkah Mengatasinya'. Tarikh tutup 19 Januari, 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Perbaiki Kelemahan masa lalu

kebaikan.

Oleh itu kesungguhan dalam melaksanakan segala yang diimpikan tidak hanya tinggal impian jika kita berusaha melaksanakan, ingatlah Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum itu jika kaum itu sendiri tidak mengubahnya. Jadi kita sebagai hamba Allah, wajiblah kita mengikut susur galur syariat supaya kita tidak terlepas dari landasan agama. Perlu diingat azam dan cita-cita itu biarlah bersesuaian dengan apa yang kita usahakan, biarlah boleh dicapai jangan di luar dari kuasa atau kemampuan kita. Ini akan menjadi beban atau cita-cita yang terawang-awang di angkasa.

Kemampuan untuk mencapainya itu biarlah berdasarkan ilmu pengetahuan. Carilah dan timba ilmu sebanyak mungkin untuk memudahkan kita berurusan mencapai cita-cita. Pergaulan, pembelajaran secara informal, pengalaman dan kesedaran membuka ruang kita supaya bertindak lebih bijak dan lebih hati-hati supaya segala kegagalan yang lepas dapat jadi pengajaran dan teladan untuk menempuh kehidupan yang lebih mencabar. Kecanggihan teknologi menjadikan kita dewasa dalam tindak-tanduk kita dan memudahkan kita berhubung dan melaksanakan apa yang dirancang.

Oleh itu kita kena peka dengan perkembangan semasa supaya kita dapat mengikut perkembangan dan kecanggihan dunia komunikasi. Apa pun kemajuan, keazaman dalam menempuh kehidupan harian dalam tahun baru ini hendaklah tidak terkeluar dari landasan agama dan fitrah manusia. Biarlah kemajuan yang kita capai itu memajukan kita di dunia dan akhirat.

Abdul Halim bin Haji Kassim,
No. 13A, Simpang 236, Kampong Sinarubai,
Jalan Bengkurong Masin BF 2120.
No. k/p : 264962

Golongan kurang bernasib baik diberikan layanan sama

NEGARA Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang amat prihatin kepada golongan yang kurang bernasib baik dan kurang upaya.

Sikap pemedulian ini telah berakar umbi dari pelbagai peringkat yang lahir dari prihatin seorang raja hinggalah kepada pelbagai peringkat kerajaan iaitu kerajaan, swasta dan orang ramai.

Seperti juga umat Islam yang lain, orang-orang yang kurang bernasib baik, kurang upaya atau golongan istimewa tidak ketinggalan untuk sama-

sama menyambut kemeri-
ahan bulan Syawal.

Seperti di tahun-tahun yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam, tahun ini juga berkenan meraikan dan menerima junjung ziarah orang-orang istimewa dan kurang bernasib baik yang berlangsung di Istana Nurul Izzah, pada 21 Disember lepas.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bol-kiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bul-qiah.

Di majlis itu kegembiraan terbayang di wajah mereka yang diarak. Ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI rata-rata mereka melahirkan kegembiraan dan rasa bersyukur kerana diberikan kesempatan yang amat berharga bagi mereka.

Dayang Rozimah Haji Mahmud, 28 tahun yang merupakan ahli kepada Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) dari Daerah Belait, mempunyai semangat kental untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Ketika ditemui beliau melahirkan rasa gembira kerana nasib mereka kurang berkeupayaan di negara ini tidak disisihkan, malahan diberikan layanan yang sama dengan masyarakat lain.

Beliau yang tinggal Kawasan Jalan Singa

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh
Halim HS, Pengiran Haji Bahar PHO
dan Pengiran Rafee PDPHM

Menteri diiringi sama oleh ayahnya, Haji Mahmud bin Haji Mohd. Zain berusia 62 tahun.

Awang Abdul Razak bin Haji Ya'akub, 42 tahun yang sempat ditemui semasa majlis tersebut juga melahirkan rasa syukur kerana mereka diberikan kesempatan untuk sama-sama meraikan Syawal.

"Alhamdulillah kami yang kurang berkeupayaan di negara ini turut sama diberikan layanan dan jamuan yang membolehkan kami berjumpa dan bertemu dengan rakan-rakan yang lain.

Dengan adanya majlis seperti ini, kami dapat menikmati kegembiraan dalam suasana kemeri-
ahan Hari Raya," jelasnya.

Beliau menyifatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai raja yang sangat pemedulian terhadap kesejahteraan rakyatnya termasuk mereka yang kurang bernasib baik.

"Layanan yang diberikan kepada orang-orang seperti kami sungguh memuaskan dan saya rasa layanan sebegini jarang diperolehi di negara-negara lain," tambahnya lagi.

Dengan adanya majlis seumpama itu dapatlah mereka ziarah kepada raja yang dikasihi dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri yang merupakan penanjung kepada persatuan orang-orang yang kurang upaya di negara ini.

Sementara itu seorang ibu, Joy Sakai yang mengiringi anaknya, Chan Chun Sen (9), dari Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) berasal dari Kampong Mata-Mata, Gadong juga melahirkan kegembiraan.

"Walaupun kami bukan beragama Islam tetapi layanan yang diberikan adalah sama di mana anak saya juga diundang untuk menghadiri majlis sambutan Hari raya ini bersama rakan-rakan sebaya," jelasnya ringkas.

Manakala seorang doktor pakar perubatan kanak-kanak, Dr. Haji Naseem Iqbal Sabir yang juga selaku Naib Yang Dipertua Persatuan Kanak-Kanak Cacat, KACA ketika ditemui di majlis ini merasa amat berbesar hati kerana pemedulian terus diberikan kepada kanak-kanak cacat dan golongan yang kurang upaya di negara ini.

Menurutnya acara seumpama itu telah lama diadakan setiap tahun iaitu kira-kira 10 tahun yang lalu itu. Hampir 900 kanak-kanak cacat hadir ke majlis ini dari sejumlah 1,000 ahli yang ada di seluruh negara.

"Acara begini sangat dinanti-nantikan oleh kanak-kanak cacat dan ini terbukti apabila sebilangan besar kanak-kanak ini telah bersedia dari awal-awal lagi dan ada di antaranya yang sudah bersiap untuk ke istana jam 8.00 pagi," jelasnya.

Selain dari ahli-ahli kurang upaya, majlis junjung ziarah ini juga dihadiri oleh lebih 2,000 anak-anak yatim dari seluruh negara.

Adalah menjadi harapan mereka yang kurang bernasib baik ini supaya acara seumpama ini terus diadakan secara berterusan di masa-masa akan datang.



DAYANG ROZIMAH HAJI MAHMUD - Gembira kerana diberikan layanan yang sama dengan masyarakat lain.



DR. NASEEM IQBAL SABIR..... "Acara ini sangat di nanti-nantikan oleh kanak-kanak cacat."



ABDUL RAZAK BIN HAJI YA'AKUB - "Dengan adanya majlis seperti ini kami menikmati kegembiraan dalam suasana kemeri-
ahan Hari Raya."



TETAMU-TETAMU istimewa menikmati juadah dan sama-sama berdoa bagi memberkati majlis di Majlis Jamuan Hari Raya, di Istana Nurul Izzah (gambar atas dan kanan). Sementara gambar kiri, seorang kanak-kanak berkerusi roda gembira hadir di majlis itu.

JOY SAKAI (ibu) - "Walaupun kami bukan beragama Islam tetapi layanan yang diberikan adalah sama."



GOLONGAN ISTIMEWA LAHIRKAN RASA

Oleh Haji Ahmad HS
Gambar-gambar
oleh
Halim HS
Pengiran Haji Bahar
PHO
dan Pengiran Rafee
PDPHM

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Disember. - Rasa kesyukuran dan kegembiraan di kalangan orang-orang istimewa terukir di wajah mereka setiap tahun diraikan dengan pelbagai sambutan, termasuk berhari raya dan junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam serta kerabat diraja yang lain di Istana Nurul Izzah.

Luahan perasaan kegembiraan di atas pemedulian pihak kerajaan itu dinyatakan oleh Awang Ibrahim bin Chuchu semasa ditemu bual di Majlis Ramah Mesra Bersama Tetamu Istimewa sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Izzah.

Awang Ibrahim yang kini berusia 54 tahun dan cacat penglihatan merasa gembira kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat terhadap orang cacat sepertinya.

Dalam temu bual itu Awang Ibrahim yang sudah berkahwin dan mempunyai lima orang cahaya mata telah berkesudian menceritakan sebab beliau cacat penglihatan. Menurutnya ketika berusia sembilan tahun beliau telah diserang penyakit yang di-



MOHD. Radi bin Abu Bakar bersama ibunya, Dayang Hajah Aisah (dua dari kiri, gambar atas sekali) gembira kerana dapat menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam. Sementara gambar atas, Awang Ibrahim (berbaju hitam) berusia 54 tahun dan Awang Mohd. Khairulzaman, 19 tahun yang cacat penglihatan gembira atas pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap orang-orang cacat. Manakala gambar kiri dan bawah, suasana Majlis Jamuan Hari Raya untuk golongan istimewa yang berlangsung di Istana Nurul Izzah, Jerudong.



KEGEMBIRAAN jelas terpancar di kalangan tetamu-tetamu istimewa yang hadir bersama keluarga

IMEWA A SYUKUR

mangau', me-
rdapat ketum-
nya, selepas itu
menghidap pe-
uhan mata sela-
dan terus tidak
sama sekali.

dian itu, beliau
dan bersusah
beliau memikir-
hidup dise-
kit tersebut.

adalah datang-
ah Subhanahu
merupakan du-
i. Alhamdulillah

Allah Subha-
juga, walaupun
mendapat ke-
bergerak, na-
demi sehari
akan saya telah
ng disebabkan
kebiasaan dan
ntuan isteri dan
lasnya.

ni tinggal di
bersama isteri
aknya. Beliau
usuki Institut
an Sultan Haji

Hassanal Bolkiah dalam ta-
hun 1993 dan berhenti dalam
tahun 1994 dan setakat itu
mampu menghafaz Al-Quran
3 juz.

Walaupun cacat pengli-
hatan, beliau juga mampu
berdikari dengan mengusa-
hakan tanaman, ternakan dan
sebagainya untuk menam-
pung perbelanjaan seharian,
dengan pendapatan yang
tidak menentu kira-kira
\$300.00 sebulan, walaupun
beliau juga menerima wang
pencen dari pihak kerajaan
kira-kira \$600.00 sebulan.

Sementara itu Awang
Mohd. Khairulzaman bin
Haji Mohd. Salleh juga me-
lahirkan rasa kegembiraan,
kerana golongan istimewa
tidak pernah dilupakan dan
diberi perhatian oleh pihak
kerajaan dan masyarakat di
negara ini.

Beliau yang buta mata
sejak lahir kini berusia 19
tahun, merupakan antara lima
orang yang masih menuntut
di Institut Tahfiz Al-Quran

Sultan Haji Hassanal Bolkiah
dan berjaya menghafaz Al-
Quran sebanyak 2 juz.

Manakala ibu kepada
Mohd. Radi bin Abu Bakar,
Dayang Hajah Aisah binti
Haji Hidup yang sempat dite-
mubual oleh wakil PELITA
BRUNEI telah menceritakan
kisah penyakit yang menimpa
anaknya, mula-mula katanya,
anaknya sakit demam panas
lalu 'memalak mata' dalam
usia dua tahun dan dihantar
ke hospital di mana anaknya
telah dirawat di Unit Rawatan
Rapi (ICU) selama satu
bulan.

"Dengan keadaan yang
kurang upaya itu, saya tetap
menerima kerana semuanya
datangnya daripada Allah
Subhanahu Wataala dan me-
rupakan dugaan buat kami.
Alhamdulillah setakat ini
anak saya boleh mandi sen-
diri, makan sendiri dan ber-
cakap, hanya belum pandai
menjaga diri sendiri, terpaksa
dijaga dan diperhatikan
selalu," jelasnya.



**YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar sama-sama melayan para teta-
mu istimewa dari kalangan anak-anak yatim, ahli-ahli Persatuan KACA, ahli-ahli Persatuan PAPDA dan ahli-ahli Persatuan Cacat Penglihatan
di Majlis Jamuan Hari Raya.**



**GEMBIRA menikmati jamuan, sambil sama-sama berdoa agar nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala terhadap pengalangan
golongan istimewa akan sentiasa berterusan.**



Majlis Jamuan Hari Raya di Istana Nurul Izzah, Jerudong.



PERADUAN MENCIPTA LOGO

SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS (50 TAHUN)

PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN

Pendahuluan:

1. Jabatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April, 1952 maka pada 1 April, 2002 Jabatan Penerangan genap berumur 50 tahun.
2. Sehubungan itu akan diadakan Sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Penerangan sebagai ristaan.
3. Adalah wajar dan sesuai disediakan Logo Sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Penerangan.
4. Logo tersebut merupakan satu pengenalan kepada sambutan berkenaan yang akan digunapakai dalam apa jua kegiatan mengenainya.

KONSEP

1. Konsep logo mestilah menjurus kepada tafsiran misi Jabatan Penerangan iaitu '*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*'.
2. Perkataan '*Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri*' dan '*1952 - 2002*' dimestikan tersimpan dalam logo.
3. Huraian logo mestilah ringkas tapi padat maksudnya.

PENYERTAAN

1. Terbuka kepada seluruh rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Reka cipta logo mesti karya asli dengan tidak melebihi empat warna putih, hitam, hijau dan merah.
3. Reka cipta logo mesti disediakan di atas Art Paper berukuran A3 (29.7cm X 42cm).
4. Setiap peserta hanya dibenarkan menghantarkan satu penyertaan sahaja.
5. Satu reka cipta logo yang terpilih akan diberikan hadiah berupa wang tunai sebanyak \$750.00 (tujuh ratus lima puluh ringgit Brunei).
6. Reka cipta logo yang memenangi hadiah akan menjadi milik Jabatan Penerangan.
7. Keputusan hakim adalah muktamad.
8. Setiap penyertaan mesti dihadapkan dengan mengisi borang yang boleh didapati melalui PELITA BRUNEI atau pegawai di bawah dan dikembalikan berserta reka

cipta logo ke alamat berikut:

Awang Adanan bin Haji Ibrahim
Ketua Penyelaras Peraduan Mencipta Logo
Sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Penerangan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Lapangan Terbang Lama Berakas BB 3510
Negara Brunei Darussalam.

9. Setiap penyertaan hendaklah sampai ke alamat di atas tidak lewat 17 Januari, 2002. Penyertaan yang lewat diterima dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BORANG PENYERTAAN PERADUAN MENCIPTA LOGO SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN

Nama :

No. K/P :

Alamat :

..... Poskod :

No. Telefon : Pejabat :

Huraian Logo

(Sila gunakan lampiran jika tidak cukup)

Tandatangan : Tarikh.....



ماجو بڠسا هيدوڤ بهاس

Maju Bangsa Hidup Bahasa



PUISI

BAYANGAN HITAM

Siang harimu, wahai orang yang tertipu berlalu dengan kelupaan dan kelalaian.

Dan malammu hanyalah tidur nyenyak lena dan lesu padahal sedangkan kau kehinaan serta kelemahan menimpa dirimu.

Engkau tergoda oleh sesuatu yang akan fana dan engkau gembira senang dengan angan-angan atau bayang-bayang hitam penghias orang yang bermimpi di kala tidur tertipu oleh puspa ragam kelazatan dan kenikmatan.

Lalu engkau sandarkan dengan hal-ehwal yang berakibat dan berhubung kait merugikan dirimu sendiri.

Basirah HB.

IBU TERCINTA

Tersenyum manja wajahmu tersimpan sejuta kegembiraan di hati apabila kau mendapat tahu kehadiranku bagaikan puteri dijagai sembilan bulan sembilan hari aku berada di sisimu.

Apabila tiba hari dinanti berdebar hati menanti kehadiranmu setelah aku dipelukmu air mata mengalir di pipi.

Hari berganti hari tahun berganti tahun sehingga aku meningkat dewasa kau curahkan semua kasih sayangmu.

Ibu, terima kasih atas jagaanmu jasamu tetap bersamaku tiada orang boleh menggantikmu kaulah satu tiada yang lain.

Mas

MAMA

Dalam perjalanan ke perpustakaan kusempat singgah di tasik.

Dengan buku dan notaku mama kulihat ketenangan wajahmu dalam riak air di tasik mengingatkan aku doamu menjangkau gunung.

Dengan rindu dan kasih sayang kuhulur jari kakiku merasai kedinginan air di tasik mengingatkan aku tentang ciumanmu ketika perpisahan semalam.

Sahrlah

HATI YANG TERLUKA

Sahabat masih lagi kuingat dan tak mungkin kulupakan betapa mesranya kita dalam menjalin persahabatan ini.

Ketahuilah sahabat tiada teramat di hatiku selama ini mengkhianati perhubungan kita

cuma keegoan menguasai diri kita antara kebenaran dan kenyataan. Teman yang kukasihi aku cukup terkilan apa terjadi namun mengertilah kawan aku tak pernah membencimu walau sedikit dendam pun.

Musnah harapan yang dibina menjadikanmu sebahagian keluargaku semua kerana kecurangan dirinya bersengketa dengan sandiwanya melukakan hati dan perasaan menghancurkan cinta abadi.

Andainya apa akan terjadi ini merenggangkan persahabatan kita aku rela mengalah demi kebahagiaanmu dan keduaanku biar kubawa hati yang terluka.

QK - 2001

RENUNG-RENUNKANLAH

Renungkanlah dari mana asal kita renungkan dari mana rezeki kita renungkanlah ke mana akhir kita renungkanlah siapa yang menghidupkan kita renungkanlah wahai sekalian insan.

Sudahkah kita menyiapkan bekal akhirat?

Sudahkah kita mensyukuri nikmat Tuhan?

Sudahkah kita mengabdikan diri kepada yang Maha Pencipta?

Sudahkah kita melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan?

Sudahkah kita mendidik anak isteri kita?

Sudahkah kita menasihati orang-orang yang berbuat maksiat?

Sudahkah kita baca kitab Allah?

Sudahkah kita baca hadis Nabi?

Sudahkah kita dengar nasihat ulama-ulama?

Sudahkah kita merenung kata-kata hukama?

Sudahkah kita sebagai suami memimpin isteri?

Sudahkah kita sebagai bapa mendidik anak?

Sudahkah kita sebagai abang menjadi contoh kepada adik?

Sudahkah kita sebagai anak taat kepada ibu bapa?

Sudahkah kita renung-renungkan umur kita?

Sudahkah kita renung-renungkan nasib generasi kita?

Sudahkah kita renung-renungkan kehidupan masa depan kita?

Kita yang merenung kita yang mengoreksi kita yang mengubah kita yang berubah kita yang bangkit kita yang bangun.

Bangun untuk berlari bangun untuk berjaya bangun untuk membina anak bangsa.

Helmi Halim

SEMALAM

Semalam, kubiaskan kias kerinduan menghayati bait-bait yang tumpah di dada

bagai derapan langkah yang kian melaju menuju satu arah kian jelas bagiku.

Semalam, kuulamkan keresahan hati dalam suara yang kian menghilang bagai si bisu ingin berkata, apakah yang mengganggu kotak kecil hatiku ini?

Semalam, masih seperti dulu bersuara tanpa jemu dalam sempadan membatas jaringan masa yang jauh menjerat diri sendiri?

Semalam, ingin aku bicarakan kerunsingan hati tapi suara mati terserap bisikan jangan!... jangan!... jangan! hanya kerana sayangkan sebuah persahabatan insan kurniaan Tuhan.

Semalam, keriang mengujuk dalam menangis warta duka terluah di atas sebuah janji terlalu payah untuk aku mengerti.

Semalam, kian terasa kedinginan hembusan tanpa angin tersapa hanya tertawa terlalu bodoh untuk mengira hati seorang teman.

Semalam, memang kulangkah menadah tangan kerana tak mampu menanggung keperitan menghadapi esok yang pasti akan berulang bicara lama sudah terduga apa yang terjadi seterusnya... kisah semalam.

RINTIHANKU

Setiap kali kupandang kenangan rasa kurasa suatu tika dulu zaman indah berlari-lari berkejaran tersungkur lantas menangis seorang diri meneluku lutut berdarah tanpa dipedulikan.

Ingin sekali aku pulang mengucup tangan mereka tapi malu menghadang kerana kesilapan aku derhaka kubawa diri tanpa sedar perjalanan terlalu jauh terpaksa kulalui hari-hari tanpa mentari terkurung dalam kandang dosa cuma mampu merenung keluar jendela kecil berpaling waja.

Hati siapa tak silu taulan tak sudi kawan apatah lagi hendak dikata semua salahku membuang kebahagiaan mencampak keriangin cuma ingin aku katakan ayah... ibu... teman... kasih.... dengariah rintihanku.

Fitri

Dari muka 12

Athirah kerana usianya tiga belas tahun berbeza. Keluarga Athirah pula orang berpengaruh.

Abang Athirah yang tertua berusia 35 tahun bernama Safwan pernah satu kelas dengan Haji Azamuddin semasa di sekolah menengah. Lagi-pun Athirah anak bungsu dan satu-satunya anak perempuan daripada lima orang adik-beradik. Arina mengeluarkan sebuah war-kah berwarna merah jambu dan menyerahkannya pada Pak Usunya.

Haji Azamuddin membukanya dan membaca setiap baris perkataan, "Assalamualaikum! Untuk Abang Haji Azamuddin yang tersayang, Abang... Athirah hairan kenapa kejarnya hatimu untuk tidak memberi peluang pada diri ini untuk menerangkan kedudukan yang sebenarnya. Seperti yang abang telah ketahui dari awal tentang Hisyam. Tetapi Athirah tidak mempunyai perasaan terhadapnya. Abang, sebelum Athirah memberi kata muktamad nanti. Abang, ada peluang lagi untuk menentukan kebahagiaan kita berdua. Tertakluk pada abang untuk mengecewakan diri abang tetapi kedegilan abang yang menyebabkan hati ini remuk. Abang... jalan kebahagiaan ada pada orang-orang yang ikhlas. Allah Maha Penyayang.... Suatu kekecewaan bukan bererti untuk selamanya. Jalan terbentang luas. Athirah menanti kedatangan abang untuk bertemu dengan keluargaku nanti. Aku menerimamu seadanya. Malah aku bersyukur bertemu denganmu. Jadikanlah impian kita suatu kenyataan. Engkau kucinta hingga ke akhir hayat."

"Athirah.... sungguh mulia hatimu. Aku tak bertepuk sebelah tangan selama ini. Aku terpicat dengan kelembutan dan kematanganmu," bisik Haji Azamuddin.

Hari kelepasan awam, semua ahli keluarga Athirah berkumpul. Athirah yang bertanggungjawab menyediakan masakan dibantu oleh kakak-kakak iparnya. Athirah menyembunyikan kesedihannya. Hatinya hiba kerana Haji Azamuddin, belum meng-



ATHIRAH patuh. Entah! Kenapa hatinya tiba-tiba berdebar? Athirah amat terperanjat sekali rupanya Haji Azamuddin yang duduk di sisi ayahnya. Abang-abang dan kakak-kakak ipar Athirah tersenyum padanya. Athirah malu. Orang tua Athirah memahami keadaan mereka berdua.

hubunginya.

Sewaktu di dapur, tanpa Athirah sedari ada seorang tetamu istimewa datang ke villa mereka. Dato Haji Nizam menyuruh Athirah memasak beberapa jenis makanan yang menjadi kegemaran keluarganya. Kedegilan riuh-rendah di ruang tamu.

"Apa yang lucu tu? Siapa pulak yang datang?" bisik Athirah.

Sepuluh minit kemudian, Safwan masuk ke dapur dan mengatakan Datin Hajah Amal, ibu mereka memanggil Athirah kerana ada perkara yang mustahak hendak dibincangkan.

Athirah patuh. Entah! Kenapa hatinya tiba-tiba berdebar? Athirah amat terperanjat sekali rupanya Haji Azamuddin yang duduk di sisi ayahnya. Abang-abang dan kakak-kakak ipar Athirah tersenyum padanya. Athirah malu. Orang tua Athirah memahami keadaan mereka berdua.

Dari raut wajah memang Haji Azamuddin ikhlas mencintai Athirah. Layanan yang diberikan oleh keluarga Athirah memang baik dan tak diduga oleh Haji Azamuddin. Malah masakan yang disediakan oleh Athirah itu adalah kegemaran Haji Azamuddin. Pihak keluarga Haji Azamuddin telah berunding untuk menentukan tarikh pernikahan dan persandingan.

Atas permintaan Haji Azamuddin, Athirah disarankan untuk bertemu de-

ngan Hisyam untuk kali terakhir dan menerangkan kedudukan yang sebenarnya.

"Hisyam.... Maafkan aku kerana mengecewakan hatimu. Telah dari mula engkau ketahui aku tak pernah mencintaimu. Aku tak ingin kerana peristiwa ini keluarga kita akan bermusuhan," kata Athirah.

"Athirah.... memang tiada jodoh antara kita. Aku ikhlas melepaskanmu pergi. Aku minta maaf kerana selama ini menyusahkan dirimu. Engkau tak pernah menyakiti hatiku. Aku doakan engkau bahagia dan kita tetap akan bersaudara," balas Hisyam.

Kamar pengantin dihias indah, Arina menjadi pengapit Athirah. Sewaktu Haji Azamuddin masuk ke kamar untuk membatalkan air sembahyang, Arina sempat bergurau.

"Athirah... eh salah! Mak Usu... itu dia Pak Usu," gurau Arina.

Semua yang ada ketawa. Memang lucu bagi Athirah dengan panggilan Mak Usu kerana dahulu Arina memanggil namanya sahaja, kini lain pulak. Haji Azamuddin menyarungkan cincin ke jari manis isteri tersayang selepas upacara pernikahan dijalankan.

"Hanya engkau yang kucintai selamanya," bisik Haji Azamuddin ke telinga isterinya.

Athirah mengucup tangan suaminya tercinta. Akhirnya cinta mereka diberkati jua.



سنتياسا برسام ديسكيتا
Sentiasa Bersama Diskita

سوسون رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

RABU 2 JANUARI		MALAM		SABTU 5 JANUARI		PETANG	
PAGI		7.00	SURAH YAASIIN	PAGI		6.12	RAMPAI PAGI - Siaran
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	7.25	GEMA ISLAM	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	Langsung	
6.02	AL-QURAN	7.35	AZAN ISYAK	6.02	AL-QURAN	9.00	BERITA
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	7.40	GEMA ISLAM - Sambungan	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
9.00	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	9.00	BERITA	10.00	SUSUNAN RANCANGAN
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	8.50	AN NUUR - Siaran	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	10.10	SESAMA STREET
10.00	SIARAN TAMAT	10.00	NEWS AT 10	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	11.30	BERITA
PETANG		10.30	DRAMA SITCOM - 'Kopi.Com.My.'	10.10	ANIMATION HOUR: FANTAGHIRO/THE ADVENTURES OF BLINKY BILL	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Aladdin'
2.00	LAGU KEBANGSAAN	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Les Miserables'	12.24	AZAN ZUHUR	12.30	SUNDAY MATINEE - Sambungan
2.02	AL-QURAN	1.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	11.00	SCIENCE INSIGHT	PETANG	
2.12	SUSUNAN RANCANGAN	JUMAAT 4 JANUARI		11.30	BERITA	1.40	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002 - PREVIEW
2.15	ANIMATION HOUR: EAGLE RIDERS	PAGI		11.40	DRAMA CO PRODUCTION: DANG AYANG LAGENDA BRUNEI - Ulangan	3.10	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002
5.00	TETAMU SUKAN	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	12.24	AZAN ZUHUR	3.00	PERTUKARAN RANCANGA MOU RTV/ TRI - 'Kian Santang'
5.30	SCIENCE 2000 - Ulangan	6.02	AL-QURAN	12.30	DOKUMENTARI TEMPATAN- Selagi Daya - 'Makanan Cincin'	3.46	AZAN ASAR
5.45	BERITA	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	PETANG		3.50	PERTUKARAN RANCANGAN MOU RTV/ TRI - Sambungan
5.55	SCIENCE 2000 - Sambungan	9.00	BERITA	1.10	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Second Chance'	4.45	ANIMATION HOUR: TOM & JERRY KIDS III/GET ALONG GANG
6.20	AZAN MAGHRIB	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	2.45	BUSINESS DYNAMIC - Ulangan	5.00	JUARA
6.45	SURAH NABAWIYAH	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	3.15	PETER BENCHLEY'S AMAZON - 'Home'	5.35	DOKUMENTARI
MALAM		10.15	SESAME STREET	3.45	AZAN ASAR	5.45	BERITA
7.00	LIPUTAN SEMASA	11.15	FUN TIME - Ulangan	3.50	PETER BENCHLEY'S AMAZON - Sambungan	5.55	DOKUMENTARI - Sambungan
7.25	SIHAT CERGAS	11.30	BERITA	4.25	ANCIENT INVENTION - 'War And Conflict'	6.22	AZAN MAGHRIB
7.35	AZAN ISYAK	11.40	GUERILLA GARDENER	4.25	ANIMATION HOUR: JIN JIN AND THE PANDA PATROL/BABY BLUES	6.27	DOKUMENTARI - Sambungan
7.40	SIHAT CERGAS - Sambungan	12.15	DISCOVER ISLAM	5.45	BERITA	6.45	SINARAN WAHYU
8.00	BERITA NASIONAL	1.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung	5.55	PERSPECTIVE - 'Consciousness'	MALAM	
8.50	DRAMA CO PRODUCTION: IMBAS	PETANG		6.21	AZAN MAGHRIB	7.00	PINTAR-PINTAR
9.25	WARNA WARNI	1.30	GEMA ISLAM - Ulangan	6.26	PERSPECTIVE - Sambungan	7.36	AZAN ISYAK
10.00	NEWS AT 10	2.00	SUKAN ANTARABANGSA	6.45	WASIAT IMAN	7.41	PINTAR-PINTAR - Sambungan
10.30	HIBURAN - Ulangan	2.30	DINAMIK - LIVE	MALAM		8.00	BERITA NASIONAL
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	2.30	TAYANGAN GAMBAR - 'The Brave Little Tailor'	7.00	PERISTIWA DUNIA 2001 BHG. II	8.50	TIRAI KELUARGA/ MALAM ANUGERAH RTB 2001
KHAMIS 3 JANUARI		3.48	AZAN ASAR	7.25	GOOD MEDICINE	10.00	NEWS AT 10
PAGI		3.53	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan	7.36	AZAN ISYAK	10.30	TIRAI KELUARGA/ MALAM ANUGERAH RTB 2001 - Sambungan
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	4.35	ANIMATION HOUR: VOLTRON - DEFENDER OF THE UNIVERSE/ SANG WIRA	7.41	GOOD MEDICINE - Sambungan	11.00	STINGERS - 'Nothing Per'
6.02	AL-QURAN	5.30	AT TAHZIB - 'Melihat Hari'	8.00	BERITA NASIONAL	11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	5.45	BERITA	8.50	HIBURAN	ISNIN 7 JANUARI	
9.00	BERITA	5.55	AT TAHZIB - Ulangan	10.00	NEWS AT 10	PAGI	
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	6.21	AZAN MAGHRIB	11.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Black and Blue'	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
10.00	SIARAN TAMAT	6.26	TECHNOLOGY WORLD	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	6.02	AL-QURAN
PETANG		6.45	AN NAZAHFAH	AHAD 6 JANUARI		6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
4.00	LAGU KEBANGSAAN	7.00	LIPUTAN SEMASA	PAGI		9.00	BERITA
4.02	AL-QURAN	7.20	ALAM FLORA	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
4.12	SUSUNAN RANCANGAN	7.35	AZAN ISYAK	6.02	AL-QURAN	10.00	SIARAN TAMAT
4.15	ANIMATION HOUR: BLINKY BILL/JYM AND JAM	7.40	ALAM FLORA - Sambungan	PETANG		PETANG	
5.15	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Ulangan	8.00	BERITA NASIONAL	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN
5.45	BERITA	9.00	DRAMA : MENITI BENANG SUTERA	6.02	AL-QURAN	4.20	AL-QURAN
5.55	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Sambungan	9.30	HEALTH WORKS	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	4.12	SUSUNAN RANCANGAN
6.20	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10	Langsung		4.15	ANIMATION HOUR: THE ZETA PROJECT/ THE ADVENTURES OF SUPER MARIO
5.55	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Sambungan	10.55	TELEDRAMA - 'Aku Tak Berdosa'	9.00	BERITA	5.15	SUKAN GLOBAL
		12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	5.45	BERITA
				10.00	SIARAN TAMAT	5.55	NETWORK EARTH
						6.19	AZAN MAGHRIB
						6.27	NETWORK EARTH - Sambungan
						6.40	BIMBINGAN KELUARGA
						MALAM	
						7.00	LIPUTAN SEMASA
						7.25	ASBABUN NUZUL
						7.36	AZAN ISYAK
						7.41	ASBABUN NUZUL - Sambungan
						8.00	BERITA NASIONAL
						8.50	AMAZING TAIL'S
						9.25	MELODI KASIH
						10.00	NEWS AT 10
						10.30	THE PLANET'S FUNNIEST ANIMALS
						11.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
						SELASA 8 JANUARI	
						PAGI	
						6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
						6.02	AL-QURAN
						6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
						9.00	BERITA
						9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
						10.00	SIARAN TAMAT
						PETANG	
						4.00	LAGU KEBANGSAAN
						4.02	AL-QURAN
						4.12	SUSUNAN RANCANGAN
						4.15	ANIMATION HOUR: THE WIZARD OF OZ/ DRAGON TALES
						5.00	VOICE OF THE PLANET
						5.45	BERITA
						6.05	DRAMA CO PRODUCTION: SITI AYU - Ulangan
						6.23	AZAN MAGHRIB
						6.28	DRAMA CO PRODUCTION : SITI AYU - Sambungan
						6.45	BIMBINGAN MUKMIN
						MALAM	
						7.00	COSBY - 'Happily Ever Hilton'
						7.25	DOKUMENTARI
						7.37	AZAN ISYAK
						7.42	DOKUMENTARI - Sambungan
						8.00	BERITA NASIONAL
						8.50	BUSINESS DYNAMIC
						9.25	DRAMA CO PRODUCTION - 'Menongkah Arus'
						10.00	NEWS AT 10
						10.30	ADRENALIN JUNKIES
						11.15	ROSWELL - Max to the Max'
						11.30	PERTANDINGAN BINTANG REMAJA 2001

Persatuan Warga Emas anjur Majlis Bertahlil

KUALA BELAIT, 26 November. - Sepanjang bulan Ramadan yang mubarak, pelbagai majlis keagamaan seperti bertahlil dan membaca doa arwah serta sembahyang berjemaah telah diadakan bagi sama-sama mengimarahkan suasana bulan berkenaan.

Sehubungan itu, Persatuan Warga Emas Daerah Belait juga mengadakan Majlis Bertahlil dan Membaca Doa Arwah serta Sembahyang Berjemaah di rumah persatuan itu di Jalan Nakhoda Ragam di sini.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat. Beberapa orang ketua kampung dan ahli-ahli persatuan itu juga hadir.

Majlis itu merupakan salah satu projek tahunan Persatuan Warga Emas yang ahli-ahlinya sebahagian besar adalah pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Bertahlil, Membaca Doa Arwah serta Sembahyang Berjemaah di Rumah Persatuan Warga Emas Daerah Belait. - Gambar oleh Haji Nasip Rosli.

Perhati tingkah laku anak semasa di luar sekolah

KUALA BELAIT, 1 Disember. - Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam menyeru ibu bapa dan penjaga penuntut agar bekerjasama dengan guru-guru bagi sama-sama memata-matai tingkah laku anak-anak mereka semasa di luar sekolah kerana dengan cara itu pendidikan yang diterima di sekolah dan di rumah akan terus diamalkan secara berterusan.

Beliau juga menekankan bahawa disiplin memainkan peranan penting dalam kecemerlangan sesebuah sekolah, di samping pencapaian cemerlang dalam peperiksaan.

"Masyarakat sentiasa menilai disiplin dan gerak laku para penuntut di sesebuah sekolah bukan setakat pencapaian dalam bidang pendidikan dan pembelajaran mereka," ujar beliau di Majlis Penutup Sekolah Rendah Kuala Belait bagi tahun 2001.

Oleh Haji Nasip Rosli

Menurut beliau lagi, masalah-masalah yang berkaitan dengan isu-isu sosial yang melibatkan para penuntut dalam pelbagai peringkat sering kedengaran yang sedikit sebanyak mengganggu keharmonian hidup seharian.

"Sekiranya penglibatan dalam unsur-unsur negatif ini menjadi kebanggaan belia masa ini dan belia yang terlibat itu pula terdiri daripada para penuntut sekolah, maka imej sekolah akan rosak dan akan menggugat cita-cita kita untuk membentuk anak-anak yang cemerlang dan 'reliable'," tegas beliau.

Beliau selaku tetamu kehormat telah menyampaikan hadiah kepada murid yang berjaya.

Beliau selaku tetamu kehormat telah menyampaikan hadiah kepada murid-murid yang berjaya.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam menyampaikan hadiah kepada seorang murid terbaik Sekolah Rendah Kuala Belait. - Gambar oleh Azimin Haji Musa.



14 anak yatim terima derma

JALAN TUTONG, 10 Disember. - Seramai 14 orang anak yatim di Kampong Bunut Perpindahan menerima derma anak yatim sumbangan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampong Bunut Perpindahan.

Penyerahan sumbangan derma berkenaan disempurnakan oleh Ketua Kampong Bunut Perpindahan, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus di majlis yang berlangsung di rumah beliau (gambar atas). - Gambar ihsan Majlis Perundingan Kampong Bunut Perpindahan.

**PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.**

1. Bilakah tarikh mesyuarat pertama Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BIT) yang berlangsung di Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar, Berakas?

- a). 5 Januari, 2001
- b). 8 Januari, 2001
- c). 9 Januari, 2001

2. Bilakah bermulanya satu pameran yang dinamakan 'CARA HIDUP SIHAT' yang diadakan selama dua hari yang bertempat di ruang legar Bangunan Audit, Unit Petroleum dan Perkhidmatan Pengurusan, Jalan Menteri Besar, Berakas?

- a). 6 Januari, 2001
- b). 8 Januari, 2001
- c). 9 Januari, 2001

3. Apakah tajuk cerpen keluaran PELITA BRUNEI pada 10 Januari, 2001?

.....

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN**

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 12 Disember, 2001.
1. B 2. B 3. Kerana Kau Lelaki.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 510

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 510,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

TIADA PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN PELITA BRUNEI 12 DISEMBER, 2001.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN JABATAN PENJARA

JERUDONG, 15 Disember. - Jabatan Penjara telah mengadakan Majlis Penutup Khatam Al-Quran bagi para pegawainya sempena berakhir Majlis Bertedurus yang diadakan sepanjang bulan Ramadan.

Majlis yang berlangsung di Balai Ibadat, Jabatan Penjara pada 12 Disember lepas, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah oleh Pengarah

Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah.

Pada 6 Disember, majlis serupa juga diadakan di Surau Rumah Al-Islah, Muara bagi para pegawai Rumah Al-Islah. Pengarah Penjara juga hadir selaku tetamu kehormat. Majlis yang sama juga diadakan bagi para banduan di Penjara Maraburong dan Penjara Jerudong pada 13 dan 15 Disember.

Sementara pada 13 Disember, majlis penyampaian minuman sumbangan Kelab Kebajikan dan Surau Jabatan Penjara kepada para pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara telah diadakan di Balai Ibadat jabatan itu.

Penyampaian sumbangan berkenaan disempurnakan oleh Pengarah Penjara.



PENGARAH Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah mengetuai bacaan Surah Al-Faatihah di Majlis Penutup Khatam Al-Quran bagi para pegawai Jabatan Penjara sempena Majlis Bertedurus di sepanjang bulan Ramadan. - Gambar ihsan Jabatan Penjara.

ARENA SUKAN

Peraduan Mencipta Logo Kejohanan Bolasepak 'Hassanal Bolkiah Trophy'

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Disember. - Rakyat dan penduduk tetap di negara ini dialu-alukan bagi menyertai Peraduan Mencipta Logo Rasmi Kejohanan Bola Sepak Belia-belia ASEAN yang dikenali sebagai 'Hassanal Bolkiah Trophy For ASEAN Youth Football Championship 2002'.

Menurut Pengarah Radio dan Televisyen (RTB), Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed selaku Pengerusi Hos Penyiar kejohanan itu dalam sidang akhbar, reka bentuk logo mestilah menarik, dinamik, segar (fresh and vibrant) dan mencerminkan kejohanan bola sepak serta melambangkan perpaduan dan kecerdasan belia.

Kejohanan itu tambah belia, merupakan satu lagi usaha gigih negara ke arah

perpaduan belia-belia ASEAN. Bagi melengkapkan persediaan negara, Jawatankuasa Tertinggi Kejohanan akan mengenalkan satu logo rasmi yang melambangkan perpaduan dan kecerdasan belia.

Borang-borang penyertaan boleh didapati daripada Penyambut Tetamu RTB di Bandar Seri Begawan, dan Pejabat RTB di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Melalui peraduan itu,

satu logo akan dipilih sebagai pemenang yang akan menerima hadiah wang tunai B\$1,000.00 berserta sijil penghargaan. Kesemua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada 26 Januari, 2002.

Kejohanan Bola Jaring Terbuka

PERSATUAN Perpustakaan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan Kejohanan Bola Jaring Terbuka Ke-1.

Kejohanan terbuka kepada semua kelab-kelab bola jaring wanita daripada maktab, institusi pengajian tinggi, jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta di Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang dan syarat-syarat penyertaan kejohanan boleh didapati dari pihak penganjur dan dikembalikan tidak lewat pada 31 Januari, 2002 kepada :

Urusetia,

Kejohanan Bola Jaring Terbuka Ke-1,

Anjuran Persatuan Perpustakaan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam,

Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam,

Tungku Link, BE 1410,

Negara Brunei Darussalam.

Sebarang pertanyaan mengenainya bolehlah menghubungi talian berikut :

Telefon : 249001 sambungan 1250/1251 (Dayang Noraidah binti Haji Abdul Latif)

: 249001 sambungan 1209/1210 (Dayang Saidah binti Haji Mohamad)

Faks : 249504.

Kejohanan akhir akan diadakan pada 10 Februari, 2002.





JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

WAKIL PENJUAL DIKEHENDAKI

BAGI memperkenalkan dan memperluaskan lagi produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Telekom Brunei, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam, Jabatan ini sukacita mempelawa orang ramai yang terdiri daripada rakyat, warga Negara Brunei Darussalam yang mempunyai lesen perniagaan yang sah dan berdaftar untuk menjadi wakil/penjual bagi produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Telekom Brunei.

Ini termasuklah menjual kad-kad telefon pra bayar, perkhidmatan panggilan jauh antarabangsa, perkhidmatan penghantaran faksimili dan telegram, perkhidmatan Internet melalui BruNet dan lain-lain.

Wakil/Penjual yang diluluskan oleh Jabatan Telekom Brunei ini kelak akan dikenali sebagai syarikat-syarikat 'InfoTel'.

Borang, syarat-syarat dan keterangan lanjut bagi permohonan untuk menjadi wakil/penjual ini bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Pelanggan Jabatan Telekom Brunei, di seluruh cawangan daerah-daerah.

Untuk keterangan lanjut mengenainya, sila hubungi Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Pelanggan di talian 322121.



JABATAN MUZIUM-MUZIUM BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

JAWATAN KOSONG BERGAJI HARI

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

1. PEGAWAI ZOOLOGI

Tanggagaji : B\$103.00 sehari.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai pengetahuan tentang kerassian agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan Sarjana Muda dalam bidang Zoologi atau Ilmu Kejadian atau dalam bidang yang bersesuaian daripada universiti-universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
- Boleh membaca dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Berkebolehan membaca tulisan jawi adalah satu keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membantu Ketua Bahagian dalam penyelidikan dan menghasilkan penulisan dalam bidang zoologi.
- Mengumpul koleksi contoh semula jadi fauna.
- Membimbing dan menunjuk ajar pegawai dan kakitangan bawahannya.
- Memastikan keselamatan bahan koleksi.
- Melaksanakan tugas-tugas pameran yang berkaitan dengan Ilmu Kejadian bagi tujuan pendidikan.
- Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan di luar daerah apabila dikehendaki.
- Bersedia menerima apa jua tugas dan arahan Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan apabila diperlukan.

Pemohonan hendaklah disertakan dengan gambar pemohon berukuran pasport serta salinan dokumen peribadi yang lengkap dan dihantar tidak lewat dari 14 Januari, 2002 ke alamat berikut:

Pengarah Muzium-Muzium, Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan BD 1510.

Maklumat lanjut boleh didapati dari Bahagian Pentadbiran Jabatan Muzium-Muzium Brunei melalui talian : 02-244545.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

TAWARAN BAGI ACARA PERSEMBAHAN PADANG SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-18 TAHUN 2002

TAWARAN ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan untuk membekalkan keperluan-keperluan bagi acara persembahan padang sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-18 Bagi Tahun 2002.

Syarat-syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710 tidak lewat hari Isnin 14 Januari, 2002, jam 2.00 petang.
- Borang dan maklumat lanjut mengenai tawaran boleh didapati daripada Ketua Pegawai Kebudayaan atau wakilnya di Bahagian Kebudayaan, Tingkat 5, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa waktu pejabat.
- Bayaran tender fees sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan) dibayar semasa mengambil borang tawaran.
- Tawaran mestilah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang disediakan seterusnya dengan menyertakan salinan siji pendaftaran perniagaan dan dokumen lain yang dikehendaki ke dalam sampul surat yang ditutup rapi. Manakala di bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti atau pengenalan pemohon dan dialamatkan ke alamat seperti dinyatakan di atas.
- Penender-penender yang berjaya adalah dikehendaki membekalkan keperluan tersebut tidak lewat pada 28 Februari, 2002.
- Tawaran-tawaran yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

Bilangan Tawaran	Perkara	Keterangan Bahan	Warna	Ukuran	Jumlah Dikehendaki
1/KKBS/PTD/1.3/11	PAKAIAN HADRAH (Seperti rajah 1) 1.1 Cara Melayu 1.2 Sinjang 1.3 Topi/Songkok PERALATAN 1.4 Tar 1.5 Gendang Ibu	Satin (Plain) Songket Beludu (Velvet) Kayu/Kulit Kambing Kayu/Kulit Kambing dan bersimpai	Merah Tua Hitam Hitam Biasa Biasa	M, L, XL 2 meter Mengikut saiz peserta 9" diameter 18" diameter x 20" panjang	130 pasang 130 pasang 100 helai 10 buah 2 buah
2/KKBS/PTD/1.3/11	PERALATAN RADAT (Seperti rajah no. 2 dan 3) Lelaki 2.1 Cara Melayu 2.2 Sinjang 2.3 Topi/Songkok 2.4 Amban/Arat 2.5 Tali Ikat Topi Perempuan 2.6 Baju Kurung 2.7 Sinjang 2.8 Tudung 2.9 Sapu Tangan	Satin (Plain) Songket Beludu (Velvet) Kain Kain Satin (Plain) Songket Kasa Rubia Kasa Rubia	Hijau Hijau Tua Hitam Keemasan Keemasan Oren Oren Tua Oren Muda Hijau Pisang	M, X, XL 2 meter 8 sm x 1 1/2 meter (seperti contoh) M, X, XL 2 meter 2 meter panjang x 20 inc 12 inc x 12 inc	250 pasang 250 helai 250 buah 250 helai 250 helai 250 pasang 250 helai 250 helai 250 helai
3/KKBS/PTD/1.3/11	PAKAIAN PANCARAGAM SEKOLAH (JIS dan PDS) (Seperti rajah 5) 3.1 Baju seragam 3.2 Baju Seragam 3.3 Baju Seragam 3.4 Topi Berlogo dan "Lace"	Matt Satin (Tebal) Matt Satin (Tebal) Matt Satin (Tebal) Kain	Putih Merah Tua Biru Muda Hitam	S, M, L S, M, L S, M, L Standard	50 pasang 70 pasang 110 pasang 230 buah
4/KKBS/PTD/1.3/11	PESERTA DAERAH-DAERAH 4.1 Track Suit (Seperti dalam rajah 6) 4.2 Amban 4.3 Ikat Kepala	Cotton Cotton Cotton	Kuning Hitam Hitam	M, L, XL, XXL 8 sm x 1 meter 2 inc x 2 kaki	900 pasang 900 helai 900 helai



PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI

TAWARAN BAGI MEMBEKAL PERJAMUAN BAGI SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SALAM KE-XVIII TAHUN 2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar bagi mendatangkan pembekal perjamuan semasa latihan dan Perhimpunan Agung, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-XVIII Tahun 2002.
2. Borang-borang pendaftaran boleh didapati dari Sekretariat, Jawatankuasa Jamuan dan Ramuan, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-XVIII Tahun 2002, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan.
3. Bagi pemohon-pemohon dari daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong bolehlah mendapatkan borang-borang tersebut di Perpustakaan, Cawangan, Dewan Bahasa dan Pustaka daerah masing-masing.
4. Borang-borang tersebut hendaklah dikembalikan ke Sekretariat berkenaan berserta salinan Lesen Perniagaan (16) dan (17) tidak lewat dari 10 Januari, 2002 (Khamis) jam 2.00 petang.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran : JKP/27/2001

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas II, III atau IV kategori 4a, 4c dan 4d :
I) Projek : TWO YEARS TERM CONTRACT FOR CLEANING OF HDD AND DES HEADQUARTERS BUILDING AT BERAKAS OLD AIRPORT ROAD, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

II) Bilangan Tawaran : JKP/27/2001.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu 12 Januari, 2002.

Tarikh buka : 26 Disember, 2001 (Rabu)

Tarikh tutup : 14 Januari, 2002 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : \$200.00. Bayaran Dokumen & Lukisan Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk dan bilangan projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
9. Tawaran akan dikira sah laku bagi tempoh 90 hari dari tarikh tutup menghantar tawaran.
10. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).
11. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PENYERAHAN SURAT-SURAT KE KAWASAN YANG TERLIBAT DALAM KEBAKARAN DI BLOK 407 BEREK LORONG 3 SELATAN SERIA

ADALAH dengan ini dimaklumkan untuk pengetahuan orang ramai khasnya penduduk-penduduk Blok 407, Berek Lorong 3 Selatan, Setia yang terlibat dalam kebakaran pada 17 Disember, 2001.

Oleh yang demikian, Jabatan Perkhidmatan Pos khususnya penyerahan surat ke blok-blok di kawasan yang terlibat tidak dapat dilakukan. Sehubungan dengan ini, Jabatan Perkhidmatan Pos ingin memohon kerjasama daripada penduduk-penduduk yang terlibat supaya akan dapat menghubungi Pejabat Pos Setia (Bahagian Penyerahan Surat) bagi mengambil persuratan mereka di pejabat pos berkenaan.

PENGISYTIHARAN PEMBATALAN

- 1) SYARIKAT KERJASAMA KAMPONG JERUDONG; 2) SYARIKAT KERJASAMA NELAYAN KAMPONG PENANJONG DTB; 3) SYARIKAT KERJASAMA PELADANG MUKIM BUKIT SAWAT DTB; 4) SYARIKAT KERJASAMA PELADANG KAMPONG PANCHONG DTB.

DENGAN ini diisytiharkan bahawa koperasi-koperasi tersebut di atas telah dibatalkan pendaftarannya menurut kuasa yang diberikan kepada saya di bawah Bab 38 dari Akta Koperasi-Koperasi Penggal 84.

Mana-mana pemiutang (creditor) yang mempunyai tuntutan ke atas koperasi-koperasi tersebut hendaklah menyatakan tuntutan mereka kepada Pendaftar Koperasi-koperasi dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan ini diisytiharkan. Selepas itu tuntutan tidak akan dilayan.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : JPA/TEN/01/2002

MEMBEKAL KAD PENGENALAN DIRI (CLUB IDENTITY CARD) BAGI AHLI KELAB PERKHIDMATAN AWAM, KAMPONG MENTIRI BAGI TAHUN 2002 - 2004

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
2. Tarikh tutup tawaran ialah pada 12 Januari, 2002 jam 2.00 petang dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi di mana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengenalan syarikat/pembekal.
4. Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Perniagaan yang diakui sah.
5. Keterangan lanjut serta borang tawaran boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Tingkat 4, Bangunan SPA, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Bilangan Tawaran : JPA/TEN/02/2002

MEMBEKAL PERALATAN KIMIA BAGI KOLAM RENANG KELAB PERKHIDMATAN AWAM, KAMPONG MENTIRI BAGI TAHUN 2002 - 2004

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
2. Tarikh tutup tawaran ialah pada 12 Januari, 2002 jam 2.00 petang dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi di mana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengenalan syarikat/pembekal.
4. Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Perniagaan yang diakui sah.
5. Keterangan lanjut serta borang tawaran boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Tingkat 4, Bangunan SPA, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
- a) Tawaran yang mempunyai rujukan KK/57/2001 hingga KK/65/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, Hari Isnin 21 Januari 2002.
- b) Tawaran yang mempunyai rujukan KK/TK/93/2001 hendaklah di hantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, Hari Isnin 21 Januari 2002.
3. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.30 Petang.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
6. Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sah laku

TAWARAN BIASA

KK/57/2001 - THREE (3) YEARS CONTRACT FOR GRASS CUTTING AND LANDSCAPING MAINTENANCE AT HEALTH CLINICS Kelayakan Pemborong/Pembekal : BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN KEMENTERIAN KESIHATAN Kelas/Kategori : 1, 11, 111 KE ATAS. Yuran Tawaran : \$200.00.

KK/58/2001 - TO SUPPLY & PROVIDE PERSONAL MONITORING SERVICES TO CLASSIFIED STAFF OF THE MINISTRY OF HEALTH FOR THREE (3) YRS TERM CONTRACT. Yuran Tawaran : \$200.00.

KK/59/2001 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG GUNA UNTUK MAKMAL KAJI PENYAKIT BAGI TEMPOH KONTRAK SELAMA TIGA (3) TAHUN (PART 1/2001). Yuran Tawaran : \$200.00.

KK/60/2001 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG GUNA UNTUK MAKMAL KAJI PENYAKIT BAGI TEMPOH KONTRAK SELAMA TIGA (3) TAHUN (PART 2/2001). Yuran Tawaran : \$200.00.

KK/61/2001 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG GUNA UNTUK MAKMAL KAJI PENYAKIT BAGI TEMPOH KONTRAK SELAMA TIGA (3) TAHUN (PART 3/2001). Yuran Tawaran : \$200.00.

KK/62/2001 - MAINTENANCE & SERVICE FOR ABBOTT LABORATORY EQUIPMENT FOR THREE (3) YEARS TERM CONTRACT. Yuran Tawaran : \$200.00.

KK/63/2001 - MAINTENANCE AND SERVICE FOR BECKMAN, MILLIPORE & ELGA EQUIPMENT FOR RIPAS, TUTONG AND TEMBURONG HOSPITALS FOR THREE (3) YEARS TERM CONTRACT. Yuran Tawaran : \$200.00.

KK/64/2001 - PLANNED PREVENTIVE MAINTENANCE AND CALIBRATION TWO (2) UNITS OF MMM STEAM STERILIZER AT TSSU & CSSD, RIPAS HOSPITAL FOR ONE (1) YEAR TERM CONTRACT. Yuran Tawaran : \$200.00.

KK/65/2001 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DIAGNOSTIC REAGENT STRIPS FOR THREE (3) YEARS TERM CONTRACT. Yuran Tawaran : \$200.00.

TAWARAN KECIL

KK/TK/93/2001 - TELEPHONE SYSTEM UPGRADE FOR RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran : \$ 100.00.



JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/SO/TRANS/01/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kereta Sewa Tempatan yang berdaftar/pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Jabatan Telekom di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi TO SUPPLY, DELIVERY AND RENTING TRANSPORTATION FOR OPERATION AND MAINTENANCE FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI. Tanpa menunjukkan nama pemborong dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 21 Januari, 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran yang terperinci bolehlah didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Tawaran dan Sebutharga, Tingkat 2, Bahagian Unit Pentadbiran Sumber Tenaga, Jabatan Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BS 3510, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$200.00/Dokumen tawaran (tidak dikembalikan).
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau terendah.
5. Hanya pemborong-pemborong/pembekal-pembekal yang berkelakuan sahaja yang dibenarkan dan hendaklah menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat penyertaan mereka dalam tawaran ini semasa mendapatkan dokumen-dokumen tawaran.
6. Sehubungan dengan tender tersebut satu taklimat/perjumpaan bagi menenangkan dengan tender ini akan diadakan pada 14 Januari, 2002 jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Wijaya Jabatan Telekom Lapangan Terbang Lama Berakas. Kehadiran penender-penender adalah diwajibkan dan adalah satu syarat yang mesti dipenuhi.
7. Sekiranya pemborong-pemborong/pembekal-pembekal gagal menyelesaikan projek yang berkenaan pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda 0.1 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan setiap hari bagi kesemuanya tidak melebihi 10 peratus.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran : JBS/TDR/01/02

TAWARAN-TAWARAN diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : TWO YEARS TERM CONTRACT ON HOUSEKEEPING AND LANDSCAPE MAINTENANCE OF EXISTING JBS SPORTS COMPLEXES.

Tarikh tutup : 21 Januari, 2002 (Isnin 2.00 petang).

Cagaran : \$10,000 (tidak dikembalikan). \$50.00 (untuk dokumen - tidak dikembalikan).

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Tingkat 5 (Bahagian Pemeliharaan dan Operes, JBS), manakala resit pembayaran dari Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336, Jalan Kebangsaan, Berakas, BC 4415, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang hingga 3.00 petang pada setiap hari bekerja).



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3038 : INSPECTION, REPAIR AND CERTIFICATION OF MEDIUM GIRDER BRIDGE (MGB) FOR RBAF.

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/Z/3044 : PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN MOBILE SHELVING SYSTEM.

Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 21 Januari, 2002. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi daripada Unit Tawaran, Jabatan Kewangan dan Perbekalan Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 21 Januari, 2002 hari Isnin jam 10.00 pagi.
- Wang bayaran tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolikah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan 2.00 petang - 3.30 petang. Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- Pembekal adalah dikehendaki membayar tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatkan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan.



**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JKP/34/2001, JKP/36/2001, JKP/37/2001, JKP/38/2001, JKP/41/2001 DAN JKP/43/2001.

Syarat-syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas II dan III kategori 4c & 4d sahaja untuk :

I) Projek : MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS AND GRASS CUTTING ALONG ROADS AND OTHER TURVED AREAS UNDER TWO YEARS TERM CONTRACT.

II) Projek No : 1) MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS AND GRASS CUTTING ALONG ROADS AND OTHER TURVED AREAS AT KAMPONG RATAJE LANDLESS CITIZEN SCHEME TEMBURONG AREA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNDER 2 YEARS TERM CONTRACT. Projek No : JKP/34/2001.

Projek No : 2) MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS AND GRASS CUTTING ALONG ROADS AND OTHER TURVED AREAS AT H3, H4, H5, H8, H9, H10 & H11 KAMPONG PERPINDAHAN BUKIT BERUANG, TUTONG PAHSE II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNDER 2 YEARS TERM CONTRACT. Projek No : JKP/36/2001.

Projek No : 3) MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS/CATCHBASINS AND GRASS CUTTING ALONG ROADS AND OTHER TURVED AREAS AT LAMBAK KANAN HOUSING SCHEME AREA H29, H30 AND H33, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNDER 2 YEARS TERM CONTRACT. Projek No : JKP/37/2001.

Projek No : 4) MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS/CATCHBASINS AND GRASS CUTTING ALONG ROADS AND OTHER TURVED AREAS AT LAMBAK KANAN RESETTLEMENT HOUSING SCHEME AREA H4A, H4B, H19, H20 AND H23, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNDER 2 YEARS TERM CONTRACT. Projek No : JKP/38/2001.

Projek No : 5) MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS AND GRASS CUTTING ALONG ROADS AND OTHER TURVED AREAS AT H6, H7, H8 & H16 RPN KAMPONG PANDAN, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNDER 2 YEARS TERM CONTRACT. Projek No : JKP/41/2001.



**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

No. 249/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dayang Suneh @ Sanah binti Mental kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Dayang Sarinah binti Duraman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah ibu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 Januari, 2002 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 15 Disember, 2001.

No. 182/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dayang Norani binti Angas kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Tuah bin Langit yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 8 Januari, 2002 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 29 November, 2001.

No. 228/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Zakaria bin Ibrahim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Tamrin bin Ibrahim yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik-beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 Januari, 2002 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 15 Disember, 2001.

No. 261/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hamimah binti Haji Jumaat kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Tinggal yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 Januari, 2002 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 15 Disember, 2001.

No. 05/2001 (TEMB)

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Endong anak Aden kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Jaya anak Tarang yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 Januari, 2002 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 19 Disember, 2001.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percakapan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiala yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Projek No : 6) MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS AND GRASS CUTTING ALONG ROADS AND OTHER TURVED AREAS AT KAMPONG PANDAN HOUSING SCHEME H15, H26, H27, H28 & H29, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNDER 2 YEARS TERM CONTRACT. Projek No : JKP/43/2001.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Pemeliharaan Estet, Jalan Surapit, Perpindahan Berakas, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.00 petang hari Sabtu 5 Januari, 2002.

Tarikh buka : 19 Disember, 2001 (Rabu)

Tarikh tutup : 7 Januari, 2002 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : \$100.00. Bayaran Dokumen & Lukisan Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) yang disediakan oleh Jabatan yang menyatakan tajuk dan bilangan projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat dipara satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pemeliharaan Estet, Jalan Surapit, Perpindahan Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Tawaran akan dikira sah laku bagi tempoh 90 hari dari tarikh tutup menghantar tawaran.



PUSAT PENGURUSAN ASEAN-EC

TAWARAN PERKHIDMATAN KAFETERIA

PUSAT PENGURUSAN ASEAN-EC BAGI TEMPOH 3 TAHUN

Bilangan Tawaran : AEMC/MC/01/2001

- PENENDER-PENENDER adalah dipelawa membuat tawaran bagi perkhidmatan kafeteria Pusat Pengurusan ASEAN-EC.
- Borang tawaran dan syarat-syarat boleh diperolehi semasa waktu pejabat di Bahagian Penyambut Tetamu, Ruang Depan, Bangunan Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Simpang 347, Jalan Pasar Baru, Gadong BE 1318, Negara Brunei Darussalam. Wang cagaran \$100.00 (dikembalikan). Wang bayaran dokumen \$25.00 (tidak dikembalikan).
- Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran ke alamat Pengerusi, Jawatankuasa Tawaran, Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Simpang 347, Jalan Pasar Baru, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup penerimaan tawaran hari Isnin 31 Januari, 2002 tidak lewat jam 4.00 petang.

Syarat-Syarat Tawaran :

- PERMOHONAN yang berjaya akan diberi tempoh pengendalian selama tiga (3) tahun dijangka bermula dari tarikh 1 Februari, 2002.
- Pusat Pengurusan ASEAN-EC tidak terikat untuk menerima Kertas Kerja Cadangan Rancangan Urusniaga yang menawarkan sewa yang tertinggi atau sebarang tawaran yang lain.
- Penender adalah dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$100.00 tunai kepada Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Bahagian Penyambut Tetamu, Bangunan Pusat Pengurusan ASEAN-EC pada hari dan waktu bekerja untuk memperolehi dokumen tawaran ini. Wang deposit ini akan dikembalikan kepada semua pemohon-pemohon yang tidak berjaya yang telah menghantar tawaran-tawaran yang jujur (bona-fide tender) dan mengembalikan semua dokumen tawaran. Bagi pemohon yang berjaya, wang depositnya tidak akan dikembalikan dan tidak boleh dituntut semula.
- Borang tawaran dan semua dokumen-dokumen yang disertakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa (tanpa tanda syarikat) dengan hanya menyatakan "TAWARAN MENGHADAPKAN KERTAS KERJA CADANGAN RANCANGAN URUSNIAGA BAGI PERKHIDMATAN KAFETERIA BANGUNAN PUSAT PENGURUSAN ASEAN-EC" serta dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tawaran Kertas Kerja Cadangan Rancangan Urusniaga Bagi Perkhidmatan Kafeteria, Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Simpang 347, Jalan Pasar Baru, Gadong BE 1318, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup penerimaan tawaran ialah 31 Januari, 2002, tidak lewat jam 4.00 petang.
- Penender yang berjaya akan menandatangani satu perjanjian dengan Pusat Pengurusan ASEAN-EC, sebelum memulakan perniagaan.
- Penender yang berjaya adalah dikehendaki menghadapkan polisi insurans pekerja sebelum perjanjian dan perniagaan boleh dimulakan.
- Sebarang kos dan perbelanjaan yang terlibat dalam membuat dan mengemukakan tawaran kertas kerja cadangan rancangan urusniaga ini adalah atas tanggungan penender sendiri.
- Tempoh sah laku tawaran kertas kerja cadangan rancangan urusniaga adalah 120 hari dari tarikh tutup tawaran kertas kerja cadangan rancangan urusniaga dan jika perlu akan dilanjutkan atas persetujuan penender.
- Pihak AEMC akan mengembalikan kertas kerja cadangan rancangan urus niaga yang tidak berjaya.
- Penender yang berhajat untuk menyertai tawaran menghadapkan kertas kerja cadangan rancangan urus niaga ini adalah dinasihatkan supaya mengadakan lawatan ke Kafeteria Bangunan Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Simpang 347, Jalan Pasar Baru, Gadong BE 1318, Negara Brunei Darussalam, bagi meninjau tempat pengendalian kafeteria tersebut dan membuat pertanyaan bagi sebarang kemusykilan sebelum menghadapkan tawaran kertas kerja mereka. Selepas tawaran kertas kerja dihadapkan, Pusat Pengurusan ASEAN-EC tidak akan melayan sebarang permohonan pemindaan tawaran kertas kerja, tuntutan dan rayuan yang dikemukakan atas alasan tidak mengetahui atau tidak memahami keadaan atau keperluan sebenar dan syarat yang dikenakan.

TAWARAN BAGI MENGIKUTI KURSUS LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM DAN LUAR NEGERI BAGI SESI 2002 / 2003 [BILANGAN: 27 / 2002]

PEGAWAI-PEGAWAI, guru-guru dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk dipertimbangkan mengikuti kursus-kursus di peringkat Ijazah Pangkat Doktor, Sarjana, Ijazah Pertama, Diploma Tertinggi Kebangsaan, Diploma dan Sijil melalui Skim-Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh, Cuti Belajar atau Cuti Tidak Bergaji).

SYARAT - SYARAT MEMOHON

Setiap pemohon adalah tertakluk kepada:

- Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang mengawal mengenai dengan Latihan Dalam Perkhidmatan dalam Negeri sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 27/1988 bertarikh 6 September 1988.
- Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang mengawal mengenai dengan Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 2/1991 bertarikh 3 Januari 1991.
- Syarat-syarat bagi penganugerahan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam yang berjalan dari semasa ke semasa.

Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat berikut: -

1. SYARAT - SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

1.1 PERINGKAT SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN (HND) (SENARAI A & B)

- Mempunyai Sijil Perguruan / Pendidikan (daripada kalangan guru).
- Bagi kursus-kursus yang akan diikuti di luar negeri, syarat-syarat kelayakan minimum akademik mengikut tahap pengajian adalah seperti berikut:

- Pemohon yang hendak mengikuti kursus di Peringkat Sijil hendaklah mempunyai kepujian (kredit) dalam empat (4) mata pelajaran yang berkaitan dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level) dan telah berkhidmat dengan Kerajaan minimum tiga (3) tahun dalam jawatan yang bersesuaian, atau
- Mempunyai Sijil dalam bidang yang berkaitan atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.
- Pemohon yang hendak mengikuti kursus di Peringkat Diploma hendaklah mempunyai kepujian (kredit) dalam empat (4) mata pelajaran yang berkaitan dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level) dan telah berkhidmat dengan Kerajaan minimum tiga (3) tahun dalam jawatan yang bersesuaian, atau
- Mempunyai Sijil dalam bidang yang berkaitan atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.
- Pemohon yang hendak mengikuti kursus di Peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) hendaklah lulus sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (GCE 'A' Level) atau dalam peperiksaan awam yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya, atau
- Diploma Kebangsaan Biasa.

- Bagi kursus-kursus yang akan diikuti di dalam negeri, syarat-syarat kelayakan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh institusi-institusi pengajian berkenaan.
- Tempon kursus adalah di antara satu (1) hingga dua (2) tahun. Sebarang tempoh tambahan adalah tertakluk kepada kebenaran dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

1.2 PERINGKAT IJAZAH PERTAMA (FIRST DEGREE) (SENARAI C)

- Mempunyai Sijil Perguruan / Pendidikan (daripada kalangan guru).
- Lulus sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (GCE 'A' Level) dan kredit dalam tiga (3) mata pelajaran di peringkat Biasa (GCE 'O' Level) termasuk Bahasa Melayu.
- Bagi kursus-kursus yang akan diikuti di dalam negeri, syarat-syarat kelayakan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh institusi-institusi pengajian berkenaan.
- Tempoh kursus tidak kurang daripada tiga (3) tahun seperti yang dinyatakan dalam Surat Keliling Kementerian Pendidikan bilangan: 1/60/89 bertarikh 02 November 1989.

1.3 PERINGKAT IJAZAH SARJANA / IJAZAH PANGKAT DOKTOR (MASTER / Ph.D) (SENARAI D)

- Bagi pemohon Ijazah Sarjana hendaklah mempunyai Ijazah Pertama dan pemohon Ijazah Pangkat Doktor hendaklah mempunyai Ijazah Sarjana yang diperolehi dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan pada masa ini.
- Bidang kursus yang akan diikuti mestilah bersesuaian dengan tugas-tugas yang sedang dijalankan oleh pemohon dan memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Kursus / Pengajian di peringkat Ijazah Sarjana mestilah berbentuk disertasi dan / atau peperiksaan.
- Jika memilih disertasi atau tesis, tajuk mestilah bersesuaian dengan keperluan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dikehendaki menyertakan cadangan bidang kajian dan jadual rancangan / rancangan penyelidikan bersama borang permohonan. (Perhatian: Cadangan hendaklah bersesuaian dan diluluskan oleh Ketua Jabatan) Jika diberi anugerah Latihan Dalam Perkhidmatan, sebarang perubahan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Tempoh kursus adalah seperti yang ditetapkan oleh institusi pengajian berkenaan dan tertakluk kepada kebenaran dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

2. SYARAT - SYARAT LAIN

- Pemohon dimestikan mempunyai kelulusan Bahasa Inggeris seperti di bawah, jika kursus yang diikuti membawa kelulusan tambahan yang bahasa pengantarannya Bahasa Inggeris:
 - Minimum gred enam (6) dalam Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau peperiksaan awam yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya, atau
 - Memperolehi kelulusan International English Language Testing System (IELTS) dalam tempoh yang ditetapkan dengan mendapat minimum Band enam (6) jurusan akademik bagi kursus di tahap Ijazah dan ke atas dan jurusan general bagi kursus di tahap Diploma Tertinggi Kebangsaan dan ke bawah, atau
 - Kelulusan 'The Certificate for Communication in Technical English' dari City and Guilds of London Institute, atau
 - The University Entrance Test in English for Speakers of other Languages dari Joint Matriculation Board (JMB) dengan markah pencapaian sekurang-kurangnya lima (5) atau gred B.
- Tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh institusi pengajian di luar negeri, pegawai yang mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau yang lebih tinggi dalam bahasa pengantar Bahasa Inggeris adalah terkecuali dari syarat-syarat yang dikehendaki di perenggan 2.1.
- Pemohon hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (tahun 1999, 2000 dan 2001) sekurang-kurangnya pada tahap:
 - Sangat Baik bagi kursus Ijazah Pangkat Doktor (Ph.D).
 - Sangat Baik (dua tahun) dan Baik (satu tahun) bagi Ijazah Sarjana / Diploma Lepas Ijazah atau Iktis.
 - Baik bagi mengikuti Ijazah Pertama atau Iktis / Diploma Tertinggi Kebangsaan / Diploma atau Sijil.
- Pemohon yang tidak memenuhi syarat di atas masih boleh diper-

timbang jika:-

- Jawatan yang skim perkhidmatan atau skim latihannya memerlukan pemegang jawatan tersebut mengikuti kursus.
 - Pegawai berkenaan dicadangkan untuk disokong bagi rancangan penggantian pegawai berkontrak atau yang akan bersara.
- Pemohon yang pernah mengikuti kursus lebih daripada enam (6) bulan sama ada sepenuh masa atau separuh masa dalam dan luar negeri boleh dipertimbangkan mengikuti kursus baru jika:
 - Pemohon telah balik berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum tarikh kursus baru dijangka bermula.
 - Jawatan yang skim perkhidmatan atau skim latihannya memerlukan pemegang jawatan tersebut mengikuti kursus, atau
 - Pegawai berkenaan dicadangkan untuk disokong bagi rancangan penggantian pegawai berkontrak atau yang akan bersara.
 - Pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih baik, mempunyai pengalaman dalam bidang yang dipohonkan serta aktif dalam kokurikular sekolah atau kemasyarakatan akan diberikan keutamaan.
 - Pemohon adalah dikehendaki untuk mendapatkan tempat belajar lebih awal daripada institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi kursus yang mereka pohonkan. Walau bagaimanapun, penerimaan tempat belajar daripada institusi tersebut tidak semestinya secara automatik akan melayakkan pemohon mendapat sokongan bagi mengikuti kursus tersebut.
 - Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam berhak menempatkan pemohon di mana-mana institusi yang bersesuaian sama ada di dalam atau di luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan dan berhak juga menukar ke mana-mana kursus lain dari yang dipohonkan mengikut keutamaan / keperluan Kementerian Pendidikan. Ini adalah juga tertakluk kepada tawaran tempat belajar. Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga berhak untuk menetapkan jumlah keramaian pemohon yang mengikuti bidang kursus yang sama di satu institusi pengajian di luar negeri.
 - Pemohon yang terpilih dan berjaya menamatkan kursus yang diikuti mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan.
 - Pemohon yang telah menamatkan kursus adalah dikehendaki balik dan melapor diri ke Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam sebaik sahaja tempoh kursus tersebut berakhir.

3. CARA MEMOHON

- Setiap pemohon mestilah melengkapkan borang-borang berikut:
 - Borang Latihan Dalam Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Borang Khas, Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan.
 Borang-borang ini boleh didapati dari:- Bahagian Latihan; Unit Biasiswa dan Latihan; Bilik A313, Tingkat Tiga, Blok A; Kementerian Pendidikan; Kawasan Lapangan Terbang Lama; Negara Brunei Darussalam.
- Setiap pemohon mestilah mengembalikan borang-borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap berserta salinan siji-siji yang telah disahkan dan maklumat-maklumat berkaitan kepada Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar masing-masing.
- Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar hendaklah menghadap borang-borang permohonan tersebut berserta dengan perkara-perkara yang berkaitan kepada Ketua Jabatan / Pengarah masing-masing. Jabatan berkenaan dikehendaki membuat sokongan bagi permohonan-permohonan berkenaan dan menghadapkannya ke Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan. Permohonan yang tidak disalurkan melalui saluran di atas tidak akan dilayan.
- Tarikh tutup permohonan ialah sebelum atau pada **31 Januari, 2002 (Hari Khamis)**.
- Ketua Jabatan / Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar mestilah memberikan satu laporan sulit dan menyertakan dua (2) salinan laporan Penilaian Prestasi Kerja bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (tahun 1999, 2000 dan 2001) bagi setiap permohonan yang berkenaan.

4. PERINGATAN

- Pemohonan yang lewat diterima dan tidak lengkap tidak akan dilayan.
- Bagi pemohon kursus ke luar negeri, borang yang telah dilengkapkan hendaklah disertakan dengan perkara-perkara berikut (berkaitan dengan kursus yang akan diikuti sebelum dihadapkan kepada Ketua Jabatan):-
 - Isi kandungan kursus.
 - Yuran pengajian dan
